

Bil. 9

**Khamis
28 April 2016**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Syarikat 2015	(Halaman 28)
Rang Undang-Undang Skim Kepentingan (2015)	(Halaman 72)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Sri Doris Sophia Brodie.
3. “ Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
4. “ Datuk Abdullah bin Mat Yassim (Dilantik)
5. “ Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
6. “ Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
7. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
8. “ Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar - (Dilantik)
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
9. “ Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
10. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
11. “ Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki - (Dilantik)
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
12. “ Puan Hajah Azizah binti Haji Harun (Dilantik)
13. “ Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan (Dilantik)
14. “ Dato' Boon Som A/L Inong (Dilantik)
15. “ Dato' Chai Kim Sen (Dilantik)
16. “ Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah (Selangor)(LS)
17. “ Datin Paduka Chew Mei Fun - (Dilantik)
- *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
18. “ Tuan Chia Song Cheng (Johor)
19. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
20. “ Tuan Chong Sin Woon - (Negeri Sembilan)
- *Timbalan Menteri Pendidikan*
21. “ Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
22. “ Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib (Terengganu)
23. “ Dato' Goonasakaren A/L Raman (Dilantik)
24. “ Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
25. “ Dato' Hoh Khai Mun (Pahang)
26. “ Dato' Dr. Hou Kok Chung (Dilantik)
27. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Dilantik)
28. “ Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
29. “ Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh (Dilantik)
30. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
31. “ Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)

- Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
33. “ Dato’ Khairudin bin Samad (Dilantik)
 34. “ Datuk Koh Chin Han (Melaka)
 35. “ Dato’ Lee Chee Leong - (Perak)
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*
 36. “ Datuk Lihan Jok (Sarawak)
 37. “ Dato’ Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan - (Dilantik)
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
 38. “ Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
 39. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
 40. “ Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)
 41. “ Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
 42. “ Laksamana Tan Sri Dato’ Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)
 43. “ Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty (Selangor)
 44. “ Dato’ Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
 45. “ Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said Keruak - (Dilantik)
- *Menteri Komunikasi dan Multimedia*
 46. “ Dato’ Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
 47. “ Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai (Dilantik)
 48. “ Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin (Dilantik)
 49. “ Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
 50. “ Datuk Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
 51. “ Datuk Paul Low Seng Kuan - (Dilantik)
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
 52. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
 53. “ Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
 54. “ Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)
 55. “ Puan Shanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
 56. “ Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)
 57. “ Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
 58. “ Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)
 59. ” Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
 60. “ Tuan Wilfred Yong Chen Leong (Dilantik)
 61. “ Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)
 62. ” Datuk Yoo Wei How (Dilantik)
 63. “ Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
 64. “ Datuk Zali bin Mat Yasin (Dilantik)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Negara
Encik Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Monarita binti Mohd Hassan
Azhari bin Hamzah
Rosna binti Bujairomi
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh
Yoogeswari A/P Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhilah binti Ibharim
Hizamihatim Maggiha bin Juara

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA
Khamis, 28 April 2016
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah pelaksanaan Program 1Sekolah 1Silat dilihat mampu membantu kerajaan dan kementerian bagi membentuk pelajar-pelajar yang mempunyai identiti nasional seperti yang termaktub di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]: Terima kasih soalan daripada kawan saya Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain yang pagi-pagi gelagangnya, gelagang untuk silat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, identiti nasional merupakan salah satu elemen yang diterapkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 kerana pendidikan di sekolah menekankan kualiti yang perlu ada pada setiap murid, aktiviti seni bela diri seperti silat berupaya membentuk murid menjadi individu yang berdisiplin, berakhlak, yakin pada diri, di samping diterapkan dengan nilai-nilai patriotisme.

Dalam aktiviti silat ini, murid sekolah dan masyarakat antarabangsa diberi ruang dan peluang untuk belajar menerima dan memahami kebudayaan dan adat resam masyarakat tempatan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri sahabat saya. Saya fikir jawapannya walaupun pendek tapi dia ada jawapan kepada soalan tambahan ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Pertamanya, izinkan saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khasnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengisytiharkan silat sebagai seni mempertahankan diri rasmi negara pada 18 September 2015. Saya juga hendak ambil peluang ini hendak mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia dan seluruh ahli pegawai tertinggi di peringkat kementerian yang baru-baru ini pada 2 April telah melancarkan 1Sekolah 1Silat di Padang Terap, Alor Setar di peringkat Negeri Kedah.

Cuma Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan saya ialah, saya mengakui seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawasanya, tidak boleh dinafikan silat boleh membentuk identiti nasional sebab silat ini berasas daripada negara ini.

Cuma pertanyaan saya ialah, sejauh mana keberkesanan ataupun nanti perancangan yang ada di peringkat kementerian daripada segi pelaksanaan. Daripada segi dasarnya saya fikir Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun bersetuju.

Cuma yang kita hendak tahu sejauh mana keseriusan atau *effectiveness*, dengan izin, di peringkat pelaksanaan kerana kita tidak hendak satu pengumuman itu hanya akan tinggal sebagai pengumuman. Bila mana pelaksanaannya nanti akan terbantut. Sebab saya juga bersetuju seperti kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, selain daripada anak-anak dididik dengan akademik yang baik, silat ini boleh membentuk satu keperibadian dan karakter yang penting, apa lagi ditambah dengan hari ini kita melihat ada banyak kes buli yang berlaku di sekolah. Bukanlah bila belajar silat itu dia boleh buli balik. Akan tetapi saya fikir di peringkat kementerian pun tidak ada- anak-anak yang terlibat dengan seni mempertahankan diri, yang terlibat dengan perkara-perkara atau gejala yang tidak sihat seperti itu.

Jadi, sejauh mana pendekatan yang akan dilaksanakan oleh kementerian supaya benar-benar ia akan berlaku secara serius di peringkat akar umbi. Agar dapat anak-anak ini dilatih dengan satu latihan yang boleh membantu mereka dalam pembentukan karakter dan mempunyai jati diri yang kuat bagi melahirkan sebuah bangsa yang akan berprinsip dan bercirikan sebagai seorang ada mempunyai identiti nasional yang kuat. Jadi, mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila Yang Berhormat.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, memang betul kita telah melancarkan satu Program 1Sekolah 1Silat dan kita memerlukan bantuan Yang Berhormat Senator terutamanya daripada PESAKA untuk membantu kita melatih jurulatih yang bertauliah untuk kita melaksanakan program itu secara lebih *detail* di peringkat sekolah. Saya juga difahamkan bahawa apa yang diumumkan Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam bahawa PESAKA akan menubuhkan satu akademi silat untuk membantu kita melatih jurulatih dan itu antara perkara yang amat diperlukan oleh pihak kementerian khususnya di peringkat sekolah yang boleh mendapatkan jurulatih yang baik untuk kita melancarkan program ini dengan jayanya.

Untuk maklumat tambahan diberikan, status sekarang di sekolah, kita mempunyai lebih kurang 10 ribu buah sekolah yang sedang ada kelab ataupun program silat sebanyak 1,188 buah sekolah, yang melibatkan 89,943 orang pelajar dan murid di peringkat rendah dan menengah yang sedang mengikuti program silat.

■1010

Jadi ruang dia masih besar lagi- 9,000 buah sekolah yang boleh kita mengadakan program silat ini, dan itu kita memerlukan bantuan daripada PESAKA dan satu mesyuarat sudah dirancang pada 10 Mei nanti antara PESAKA dengan kementerian, kita akan memperincikan program tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jangan lupa pandang saya [*Ketawa*] Saya hendak berkongsi di dalam Dewan yang mulia ini pengalaman negeri Johor, apabila kita mengembangkan budaya juga di peringkat sekolah-sekolah iaitu seni tari zapin. Antara Yayasan Kebudayaan Negeri Johor dengan pihak sekolah, kita wujudkan satu kerjasama, di mana kita melatih mulanya sebuah sekolah hanya dua orang guru terlibat untuk mendalami tarian zapin dan akhirnya sekarang, ia menjadi amalan setiap sekolah di seluruh negeri.

Saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat Menteri, oleh sebab kita ada banyak silat, misalnya lincah, sendeng, kemudian gayung dan pelbagai lagi, bolehkah kita mewujudkan kerjasama sebegini di mana kita mula-mula melatih beberapa orang guru di peringkat sekolah, mereka kemudiannya menjadi guru silat dan kemudian dikembangkan, akhirnya ke peringkat seluruh negara. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri?

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih atas perkongsian pengalaman daripada Yang Berhormat Senator Dato' Adam. Kita di peringkat sekolah, seperti mana jawapan saya tadi, kita mengalu-alukan mana-mana NGO yang berdaftar sebagai pertubuhan yang sah di bawah ROS untuk bersama-sama membawa pengalaman mereka, membantu kita untuk melaksanakan program yang baik untuk anak-anak kita.

Oleh itu, jurulatih yang diberikan ataupun dibekalkan oleh NGO itu sangat penting. Daripada pengalaman Dato' Adam, adalah melatih kepada guru-guru kita. Itu kita boleh perincikan apabila kita mengadakan perbincangan dengan NGO khususnya pusaka, apa cara yang boleh kita lakukan sama ada mereka boleh menghantar jurulatih ataupun lebih baik melatih guru yang mempunyai kebolehan untuk bersilat ini. Saya difahamkan kita ada lebih kurang 220 jenis silat di negara kita. Jadi kita mempunyai dasar yang terbuka. Selagi mereka memenuhi empat syarat:

- (i) berdaftar di bawah ROS;
- (ii) mempunyai jurulatih yang ditauliahkan;
- (iii) mempunyai upacara silat ini yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam; dan
- (iv) kita ada modul, ada program, ada yang berperingkat-peringkat. Itu kita boleh laksanakan program itu di dalam sekolah.

Sekian, terima kasih.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekarang ini banyak persatuan. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada persatuan silat kerana dapat mengadakan program sebegini di sekolah-sekolah.

Saya juga mendapat laporan bahawa anak-anak yang belajar silat ini mereka jarang terlibat dengan dadah dan sebagainya. Tahniah saya ucapkan. Cuma soalan saya, kadang-kadang di sekolah ini, saya sendiri mengalami pengalaman, anak-anak balik sebelum hendak pergi sekolah, "*Ayah, hari ini nak RM10.00*". Esok RM10 Persatuan Geografi. Esok, PIBG pula hendak RM20. Kadang-kadang kita naik rimas dengan bayaran-bayaran ini, *outside* ini.

Jadi saya hendak bertanya kepada kementerian, bila silat dengan kementerian ini, adakah kita akan mengadakan caj kepada *parents*, dengan izin, ataupun kita akan melatih jurulatih-jurulatih ini dan sukarela mereka ini akan mengajar anak-anak kita tanpa sebarang bayaran. Tak apalah, kalau di pekan pun okey sebab bapa-bapa mereka ini mempunyai pekerjaan yang tetap. Akan tetapi di kampung ini yang GSTnya dikompelin, yang tepungnya dikompelin, yang gulanya dikompelin ini. Jadi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih, soalan tambahan yang bersemangat sebab kita bersilat ini [*Ketawa*] Sama ada bila program 1Sekolah 1Silat itu dilaksanakan, sama ada akan kita caj fi ataupun yuran, bergantung pada Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam [*Ketawa*] Sebab kalau mereka membekalkan jurulatih secara percuma, jadi percumalah. Itu kalau kita minta kerjasama. Perbincangan akan diperhalusi nanti, 10 Mei ya Tan Sri. Terima kasih.

2. Dato' Hoh Khai Mun minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah strategi dan langkah-langkah untuk mengenalpasti dan menghantar pulang warga asing yang *overstay* di Malaysia serta warga asing yang mengambil kesempatan dan kelonggaran undang-undang negara ini untuk mengaut keuntungan seperti meminta sedekah di tepi jalan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Juga tidak terlewat kalau saya hendak mengucapkan tahniah kepada Timbalan Speaker atas lantikan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah yang tersebut boleh dikategorikan kepada dua peringkat iaitu peringkat sebelum masuk ke negara dan juga setelah berada dalam negara.

Dalam langkah dan tindakan KDN untuk mengawal kemasukan dalam negara, tindakan yang diambil adalah:

- (i) untuk memperketat kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara;
- (ii) kita juga menasihatkan pelawat-pelawat asing di negara ini supaya mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka dan juga mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang mereka berada di negara ini; dan
- (iii) kita juga mengadakan pengawasan yang ketat di sepanjang pesisiran pantai negara melalui tindakan daripada pasukan gerakan marin, PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan beberapa lagi agensi kerajaan.

Manakala untuk mereka yang telah berada di dalam negara, tindakan yang diambil adalah seperti berikut, iaitu:

- (i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu dengan agensi yang berkaitan dari semasa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warga negara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan juga Peraturan-peraturan Imigresen 1963; dan
- (ii) kita juga di KDN membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warga negara asing seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing dan institusi yang mengambil pelajar antarabangsa. Lanjutan dari itu operasi penguatkuasaan untuk mengesan PATI ini dibuat secara holistik di mana kita hendak memastikan bahawa rakyat setempat, masyarakat mengesan dan juga sedar di mana PATI ini berada dan juga dapat memberikan maklumat yang cepat kepada pihak berkuasa supaya kita akan membuat tangkapan yang sesuai.

Terima kasih.

Dato' Hoh Khai Mun: Ya soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang begitu menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan satu tinjauan rawak yang telah diperhatikan, populasi yang meminta sedekah sejak akhir ini, terdapat warga-warga asing di kawasan bandar raya seperti di Lembah Klang. Golongan ini jelas merupakan warga asing yang mengambil kesempatan taraf pengembara dan meminta sedekah di tepi jalan. Justeru itu, soalan tambahan saya kepada kementerian adalah sejauh mana usaha kementerian untuk menyelesaikan isu peminta sedekah oleh orang asing berdasarkan peruntukan di bawah Akta Orang-orang Papa 1977, atau Akta 183. Apakah kelemahan yang terdapat pada Akta 183 yang dikatakan tidak ada kemampuan untuk mengatasi masalah tersebut? Sekian.

■1020

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya isu mengatasi masalah pengemis di jalan raya ini adalah di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kita di KDN, kita memberikan bantuan daripada segi memberikan tenaga, penguatkuasaan daripada pihak polis dan sebagainya untuk menangkap mereka sekiranya maklumat ini disampaikan kepada KDN. Soal mengenai akta-akta tadi itu, saya rasa bukan bawah KDN. Jadi saya rasa tidak sesuai untuk saya memberikan jawapan di peringkat tersebut. Terima kasih.

Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri soal *overstay* ini di mana kehadiran pelancong asing ataupun pekerja ini niatnya untuk melancong secara sah. Masuknya secara sah tetapi keluarnya tidak sah. Mereka ini terdiri daripada kadang-kadang niatnya datang untuk mengemis.

Kedua, datang semata-mata untuk mencari duit secara yang sah. Ketiga, datang untuk melacur, buat maksiat dan sebagainya.

Jadi dalam program pemutihan, Program 6P ini, kita fokuskan kepada pekerja yang tidak ada permit ataupun tidak mempunyai dokumen. Kemudian dikendalikan oleh sebuah syarikat ataupun dua, tiga buah syarikat penghantaran pulang pekerja sama ada secara sukarela ataupun secara paksa rela. Di sini pula, majikan boleh mengambil pekerja yang dipanggil Program *Rehiring* untuk mendapatkan pekerja yang mana pekerja yang ada di Malaysia ini mungkin pekerja tidak sah ataupun pendatang asing tanpa izin untuk disahkan semula. Jadi untuk mengelakkan kita mengambil pekerja 1.5 juta untuk masuk ke Malaysia. Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Sejauh mana program ini berjaya dan berapa ramai mereka ini telah didaftarkan dan adakah kos penghantaran pulang ini dibiayai oleh majikan, pekerja ataupun kerajaan? Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya tadi tidak berapa faham, beberapa persoalan yang ada dalam soalan Yang Berhormat tadi. Mula-mula Yang Berhormat tanya pasal 6P. Kedua, Yang Berhormat bertanya pasal program penghantaran pulang iaitu program 3+1. Selepas itu Program *Rehiring* pula. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab satu soalan atau hendak jawab ketiga-tiga ini? Panjang jawabannya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Akan tetapi tidak apalah saya cuba untuk beri pencerahan sedikit mengenai prosedur yang diguna pakai oleh KDN daripada segi Program 6P, Program 3+1 dengan Program *Rehiring*. Jadi Program 6P ini sebenarnya sudah tamat. Sudah tidak lagi diteruskan tetapi ia diganti dengan Program *Rehiring*. Jadi Program 6P ini sebenarnya tujuannya untuk menghalalkan pekerja yang telah menjadi PATI di negara ini yang dimulakan pada tahun 2011. Jadi program ini telah berjalan sampai tahun 2016.

Baru-baru ini kerajaan telah melancarkan Program *Rehiring* pula sebagai menggantikan Program 6P ini. Terlalu awal untuk dibuat apa-apa penilaian mengenai kejayaan Program *Rehiring* ini kerana ia baru sahaja dalam masa tiga bulan. Bermula Februari, sekarang ini baru akhir bulan April. Bermakna dua bulan. Jadi saya belum lagi dapat memberikan apa-apa pandangan mengenai kejayaan Program *Rehiring* tersebut.

Apa yang penting di sini, untuk Program 3+1, program yang saya merangkumi mereka yang membuat kesalahan iaitu kesalahan pertama kesalahan datang ke negara ini tanpa pas dan permit yang sah. Ini ramai orang jenis ini kerana negara kita mempunyai sempadan yang begitu panjang. Sempadan laut, sempadan darat dan sebagainya. Susah untuk kita hendak kesan kemasukan mereka ini. Banyak mereka masuk ke negara ini tanpa ada pas ataupun permit yang sah.

Ada juga yang masuk ke negara kita yang menggunakan sosial pas. Maksudnya dia datang ke sini sebagai pelancong dan sebagainya. Akhirnya mereka tinggal lebih masa, mereka menjadi PATI yang *overstay*. Itulah orang-orang yang kita hendak tuju untuk sama ada kita halalkan mereka melalui Program *Rehiring* ataupun kita hantar mereka pulang melalui Program 3+1.

Program 3+1 ini, saya hendak disebut di sini program yang sebenarnya digunakan untuk menghantar pulang pekerja asing ini sama ada mereka ditangkap ataupun mereka menyerah diri secara sukarela. Dia punya denda RM300 dan itu yang dikatakan 3+1 itu. Denda RM300. Satu itu RM100 untuk mereka diberikan *special pass* sementara menunggu mereka dihantar pulang. Jadi saya hendak maklumkan di sini bahawa seramai 40,374 orang telah mengikut Program 3+1 ini dan juga telah dihantar pulang.

Kebanyakan, lebih kurang 19,000. Hampir 20,000 daripada mereka dihantar pulang melalui Program 3+1 ini adalah merupakan orang dari Indonesia. Kedua adalah orang Myanmar lebih kurang 4,900. Bangladesh 3,900 orang lebih kurang. Selepas itu India seramai 2,700 dan juga Nepal seramai 2,600.

Jadi usaha yang dibuat oleh kerajaan sekarang ini adalah pertama sekali untuk memastikan bahawa mereka yang menjadi PATI ataupun mereka yang telah *overstay* di negara kita ini dapat diberikan permit kerja yang sah sekiranya mereka layak melalui Program *Rehiring*. Jadi kita akan dapat tahu jumlah sebenar pekerja asing ataupun PATI yang berada dalam negara ini yang masih lagi belum berdaftar dengan kerajaan. Itu satu.

Kedua, kita hendak pastikan bahawa kalau mereka tidak mahu lagi duduk dalam negara kita ini, kita pulangkan mereka melalui Program 3+1. Jadi selepas kita sudah menentukan jumlah pekerja asing tanpa izin yang ada dalam negara kita ini, barulah kita buat keputusan untuk hendak mengambil pekerja asing yang baru seperti yang dimaklumkan ataupun yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat tadi kita hendak ambil pekerja dari Bangladesh ataupun dari negara lain. Selepas itu baru kita buat keputusan. Jadi kita hendak tengok dalam masa sampai akhir bulan Jun ini iaitu 30 Jun, Program *Rehiring* ini diteruskan supaya ia dapat dilaksanakan supaya kita mendapat jumlah pekerja asing tanpa izin yang ada dalam negara ini. Selepas itu baru kita buat keputusan untuk ambil pekerja asing yang baru.

Akan tetapi saya hendak maklumkan di sini bahawa bukan 1.5 juta orang- 1.5 juta orang itu adalah yang ditawarkan oleh Kerajaan Bangladesh. Terpulang pada Malaysia hendak ambil berapa jumlah daripada pekerja yang ditawarkan oleh Bangladesh itu. Terpulang kepada keperluan negara kita. Jadi saya hendak sangkal apa-apa salah faham mengenai tohmahan yang dikatakan bahawa Malaysia hendak ambil 1.5 juta orang pekerja Bangladesh ini tanpa ada apa-apa sebab. Itu tidak betul. Kita akan ambil pekerja ini berdasarkan kepada keperluan kita dan selepas kita sudah pastikan bahawa kita tahu berapa jumlah pekerja asing tanpa izin yang ada dalam negara kita dahulu baru kita buat keputusan tersebut. Terima kasih.

3. Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan minta Perdana Menteri menyatakan, langkah menyatupadukan umat Islam di negara ini agar dimantapkan ukhuwah dan mengukuhkan lagi silaturahim sesama Islam di sebalik cabaran yang menyentuh aspek akidah, perpaduan ummah, pendidikan Islam, kekeluargaan, sosial, politik dan ekonomi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Saya hendak mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abd. Halim atas pelantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan kita mengalu-alukan kehadiran rombongan Wanita UMNO Pasir Puteh yang berada di atas [*Tepuk*]

■1030

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari bahawa perpaduan ummah merupakan tunggak kepada kekuatan sesebuah negara untuk kekal utuh dan kukuh meneruskan kelangsungan kemajuannya merentasi zaman. Antara langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk memastikan perpaduan ummah ini terus diperkukuhkan adalah dengan penubuhan Institut Wasatiyyah Malaysia dan memperkenalkan konsep *wasatiyyah* yang bermaksud keadilan, kesederhanaan, pertengahan dan perimbangan sebagai pemangkin kepada Gagasan 1Malaysia. Konsep ini selaras dengan wawasan kepimpinan negara yang mahu mewujudkan keseimbangan dalam membina perpaduan yang lebih harmoni dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum, berbilang bangsa dan berbilang agama bagi mengukuhkan lagi silaturahim sesama Islam juga.

Selain itu, kerajaan juga telah mengambil inisiatif memperkasakan peranan Badan Perundingan Islam (BPI) yang ditubuhkan pada tahun 1982 yang berperanan sebagai sebuah badan pemikir dan penasihat kepada kerajaan dalam melaksanakan pembaharuan dan pembangunan negara terutama dalam pengurusan hal ehwal agama Islam. Hari ini BPI dikenali sebagai Majlis Perundingan Islam (MPI) yang telah ditubuhkan hasil daripada dialog sempena majlis pertemuan tahunan ulama dan umara bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 22 Disember 2008.

Penubuhannya telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 13 Mac 2009 dengan objektif untuk mengerat dan mengukuhkan kerjasama dalam hubungan antara kerajaan dengan para cendekiawan Islam, ulama dalam mencari pendekatan bagi membantu kerajaan merealisasikan agenda transformasi pembangunan negara menurut landasan syarak.

Kedua, menjadi medium perbincangan ke arah perpaduan ummah bagi menyelesaikan isu berhubung kepentingan dan pengurusan hal ehwal agama Islam tanpa mengira ideologi, pemikiran, mahupun fahaman politik. Dalam usaha meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam ke arah penyatuan dan perpaduan di kalangan umat Islam juga, kerajaan telah memperkembangkan sistem pengurusan dasar, fatwa, garis panduan dan sumber rujukan berkaitan hal ehwal Islam sebagai panduan.

Langkah ini berperanan memandu pemikiran dan tindakan umat Islam agar berfungsi di atas landasan kesederhanaan, kesantunan dan kesatuan dengan matlamat ke arah kemajuan dan pembangunan negara yang seimbang sesuai dengan kehendak tuntutan semasa. Di samping itu, kerajaan juga sentiasa menekankan isu perpaduan dalam kalangan umat Islam tanpa mengira perbezaan pendapat dan ideologi dengan mengambil pelbagai pendekatan di peringkat nasional, antara lainnya mempromosi perpaduan sebagai tema utama sambutan hari-hari kebesaran Islam seperti 'Perpaduan Nadi Transformasi Negara'.

Keunikan negara Malaysia adalah kerana kemajmukannya, kontrak sosial, latar belakang sejarah dan Perlembagaan Negara perlu menjadi kerangka perpaduan dalam membina ummah yang hebat dan mampu memacu transformasi negara dalam mendepani cabaran global. Usaha untuk menghasilkan kestabilan politik, kemantapan ekonomi dan pembangunan modal insan telah dijadikan agenda transformasi utama dan indikator kepada dimensi sebuah negara maju yang seimbang. Ini selari dengan kehendak *maqasid* syariah atau objektif syarak yang bersifat sejagat berteraskan *maslahah*, keadilan dan berhikmah serta mempunyai tujuan yang amat jelas.

Pelbagai program dan aktiviti seperti beberapa siri seminar, konvensyen, wacana melalui kerjasama pintar dan strategik dengan agensi-agensi kerajaan, swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan lain-lain telah dilaksanakan di seluruh negara bagi merealisasikan matlamat tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri yang menjawab begitu jelas. Soalan tambahan saya, isu dan trend mengajak berdebat antara ustaz dan tokoh terkenal pada hari ini jika berlaku perbezaan pendapat, adakah pendekatan ini dilihat sihat dan mampu merungkai perbezaan pendapat ini termasuk mampu merungkai permasalahan yang timbul?

Soalan yang kedua, pakar Dato' ini. Bagaimana kementerian menyekat pelbagai fahaman yang terpesong daripada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti Syiah, Mu'tazilah dan lain-lain yang menerap masuk dan mempunyai pengikut mereka pada hari ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Pertama, terima kasih kepada kekanda saya, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor atas soalan yang dikemukakan. Berkenaan dengan persoalan trend ataupun budaya yang hari ini semacam suatu fenomena popular di kalangan sesetengah selebriti ataupun pendakwah-pendakwah dan cendekiawan yang mengajak untuk berdebat. Sebenarnya kita di peringkat kerajaan, kita tidak ada sekatan untuk berdebat selagi mana ia dalam lingkungan undang-undang dan peraturan.

Akan tetapi perdebatan itu mestilah dalam kerangka untuk mencari kebenaran dan menjaga batas-batas, adab-adab dalam berbeza pandangan.

Ini kerana kita takut perdebatan secara terbuka hanya akan mencetuskan mainan emosi yang boleh secara tidak langsung merungkai ukhuwah silaturahmi dan persaudaraan sesama kita kerana Nabi pun pernah bersabda dengan izin Tuan Yang di-Pertua... [Berucap dalam bahasa Arab] "Tidak sesat umat ku selepas mendapat hidayah daripada Allah, melainkan mereka ini suka berdebat-debat". Jadi mungkin ini sebagai satu garis panduan umum dan asas kepada kita supaya kita mengelakkan daripada berdebat. Kita berbincang secara ilmiah, berbincang secara harmoni demi mencari kebenaran yang hakiki. Kalaupun kita tidak bersetuju dengan satu-satu pandangan, kita bersedia untuk setuju, untuk tidak bersetuju.

Berkenaan dengan persoalan yang dibangkitkan berkenaan dengan ajaran-ajaran Syiah dan sebagainya. Sebenarnya ada soalan yang kelapan, tetapi secara umumnya pendekatan kerajaan dalam menangani pelbagai ajaran-ajaran sesat ini, pertama kita kena faham prinsip Perlembagaan kita yang mana di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, hal ehwal yang melibatkan agama Islam ini merupakan kuasa mutlak di bawah kerajaan-kerajaan negeri.

Jadi dalam konteks penguatkuasaan undang-undang juga, daripada soal pewartaan, fatwa dalam menentukan kesesatan satu-satu ajaran itu, sehinggalah kepada menjadikan ia sebagai sebahagian daripada peruntukan enakmen undang-undang syariah di negeri-negeri dan penguatkuasaan. Itu semuanya terletak di bawah negeri-negeri. Walau bagaimanapun, di peringkat Kerajaan Persekutuan, JAKIM khususnya, kita bila-bila masa sentiasa bekerjasama dengan peringkat negeri supaya kita dapat mempertahankan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di negara kita ini daripada kita terdedah kepada perkara-perkara yang menyebabkan kerukunan, kestabilan dan keharmonian negara kita terjejas. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang telah diberikan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan. Nampaknya minat ramai ini. Memang Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak hubungkan, kalau kita sebut berdebat ini, tanggapannya negatif. Akan tetapi kalau kita kata berbincang, muzakarah, mungkin tidak apa. Jadi boleh jadi kita tukar istilah itu kepada istilah yang lebih lunak dan tenteram, lalu boleh kita berbincang panjang lebar, satu hari satu malam.

Terima kasih atas jawapan yang sangat memberi penjelasan kepada kita bersama. Cuma ada beberapa ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Pertama ialah berhubung dengan perpaduan ini yang sangat perlu kita titik beratkan dalam negara kita dan sudah pasti perpaduan ini mempunyai asas yang kukuh yang telah dibina dan akan terus dibina di atas kerana itu. Jadi saya ingin mendapat penerangan dan penjelasan asas-asas perpaduan yang menjadi teras kepada perpaduan dalam negara, khasnya perpaduan di kalangan umat Islam. Satu.

Kedua, saya ingin tahu tanda aras perpaduan dalam masyarakat kita sebagaimana yang telah dibuat oleh kaedah *maqasid* al-syariah yang telah dibuat oleh pihak kementerian kita. Ketiga, saya ingin dapat penjelasan di sini masing-masing orang *claimed* dia ahli sunnah. Hatta Mu'tazilah pun kata dia ahli sunnah. Syiah pun kata dia ahli sunnah yang terunggul.

■1040

Jadi, rupa-rupanya nama Ahli Sunnah ini seperti anak dara yang cantik, semua orang ingin memilikinya. Akan tetapi apa dia sebenarnya definisi kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri beri ciri-cirinya, di dalam Dewan yang mulia ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Panjang lebar soalan dia, saya rasa kalau saya hendak jawab ini, jadi ceramah agama dekat Parlimen ini. Akan tetapi saya setuju, perkara pertama yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat bahawa kita boleh melunakkan dan mengharmonikan istilah perdebatan ini kepada muzakarah. Itu yang sebaiknya pun. Muzakarah dalam konteks ini sebenarnya saya sebutkan dalam jawapan saya tadi, kerajaan telah memperkasakan kembali BPI kepada Majlis Perundingan Islam.

Di mana dalam Majlis Perundingan Islam, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Negara ini, majlis ini baru sahaja kita perkasakan semula dengan keanggotaan hampir 100 orang yang mana keanggotaannya terdiri daripada ulama', cendekiawan, pemikir-pemikir, ketua-ketua pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan daripada pelbagai aliran. Kita juga ada wakil-wakil daripada parti-parti politik yang mewakili umat Islam daripada pemerintah dan juga pembangkang.

Oleh sebab hasrat kerajaan ialah seperti mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebutkan, zaman kerajaan tahu semua sudah berlalu. Kita perlu mendengar suara hati rakyat, kita harus mendengar suara hati daripada kepelbagaian masyarakat supaya suasana harmoni negara ini dapat diteruskan dan dikembangkan. Oleh sebab itulah sudah ada beberapa siri mesyuarat-mesyuarat yang saya lihat amat baik sekali.

Oleh sebab di situ kita dapat lihat walaupun sebenarnya sebagai anggota pentadbiran kadangkala kita rasa pedih juga tetapi walaupun pedih dalam suasana yang harmoni, ia bersifat muzakarah, ia bukan berdebat, bukan hendak mencari kesalahan. Kita mengambilnya sebagai suatu bentuk yang dapat membantu kerajaan memperkembangkan dan memantapkan lagi agenda nasional dan agenda negara untuk kepentingan rakyat.

Berkenaan soalan yang kedua, apakah asas-asas perpaduan yang diletakkan oleh negara? Saya kira asas yang paling penting sejak kita merdeka lagi ialah Perlembagaan. Kalau semua menghormati dan memartabatkan Perlembagaan, mendaulatkan perlembagaan, saya kira tidak ada masalah. Contohnya, kita bercakap soal perpaduan, bukan hanya di kalangan umat Islam, di antara orang Islam dan bukan Islam, di kalangan pelbagai kaum. Kita mempunyai teras yang asas yang paling penting dalam Perlembagaan.

Penghormatan kita kepada Islam sebagai agama Persekutuan tidak sedikit pun menafikan penghormatan kita kepada agama-agama lain. Itu sebagai asas yang telah dipasakkan dalam perlembagaan, perkara 3 umpamanya. Oleh sebab rata-rata di kalangan kita kadang-kadang terbawa-bawa kepada emosi yang lantas kita terlupe bahawa asas ini sudah ada di dalam negara kita iaitu perlembagaan. Kalau kita kembali kepada perlembagaan dan masing-masing tidak melangkaui perlembagaan, saya kira kita dapat pertahankan asas-asas perpaduan ini di kalangan umat Islam dan juga kepada seluruh rakyat Malaysia ini.

Kedua, apakah tanda aras? Untuk pengetahuan, Indeks Syariah Malaysia itu juga mengambil kira aspek perpaduan ini sebagai indikator penting dalam menentukan sama ada indeks itu meningkat ataupun sebaliknya. Seperti mana yang selalu dibangkitkan di dalam Dewan ini, Indeks Syariah ini bukannya dilakukan ataupun dibuat penyelidikannya oleh pemerintah, oleh kerajaan. Kita menyerahkan semutlaknya kepada pihak ketiga iaitu pakar-pakar daripada lima buah universiti, lebih daripada 133 orang pensyarah-pensyarah daripada profesor, profesor madya, yang mereka lah yang melakukan kaji selidik dan menentukan tahap di mana aspek perpaduan yang merupakan salah satu dalam konteks *maqasid* syariah ataupun matlamat syariahnya meletakkan tanda aras yang penting.

Oleh sebab yang paling utama dalam memastikan perpaduan ini dapat kita teruskan, kita kena menjamin keharmonian kepelbagaian kaum agama ini terus terjamin. Antaranya kita kena mewujudkan persekitaran di mana masyarakat dan rakyat sentiasa ada ruang untuk mereka berinteraksi. Oleh sebab ini jugalah prinsip dalam konteks Islam sebagai mana dalam surah Al-Hujarat, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Allah berfirman... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Wahai manusia, sesungguhnya Kami jadikan mereka ini di kalangan lelaki dan wanita dan berkabilah-kabilah dan berkaum-kaum, berpuak-puak di kalangan bangsa-bangsa."* Untuk apa? Untuk *li taaruf*, untuk saling kenal-mengenal. Prinsip yang disebutkan dalam al-Quran ini kita kena faham bahawa Allah menjadikan manusia ini kepelbagaian. Kepelbagaian agama, kepelbagaian kaum, yang paling utama untuk kita saling kenal-mengenal dan daripada kenal-mengenal lah ada perasaan cinta dan hormat-menghormati.

Soalan yang terakhir, apakah definisi dan kriteria Ahli Sunnah Wal Jamaah? Saya kira inilah yang kita harus kembali kepada struktur asas negara kita iaitu Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri. Di mana dianggotai oleh mufti dan mereka yang berkepakaran yang telah pun memberikan definisi yang tuntas. Saya kira sebab itulah saya sebutkan Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri kerana kuasa fatwa semutlaknya di bawah bidang kuasa negeri-negeri.

Mereka telah memberikan definisi yang tuntas bahawa Ahli Sunnah Wal Jamaah mereka yang mengikut ajaran al-Quran dan sunnah nabi yang tulen dan asli. Itu yang paling utama, kalau kita hendak terangkan secara panjang lebar definisi, karakteristik dan sebagainya, saya kira ia akan mengambil masa- hari ini kita boleh tukar soal jawab ini kepada sesi ceramah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jadi, saya mohon kalau ada penerangan lanjut, itu kita boleh bagi secara bertulis. Terima kasih.

Tuan yang di-Pertua: Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menerangkan.

Prof. Dr. Mohd Nor bin Haji R.M. Monutty: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertama, saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri kerana menunjukkan *dynamism* dalam pembawaan pendekatan baru kepada pembangunan Islam di negara ini setelah diangkat menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam hal ehwal Islam. Saya berbangga kerana beliau produk dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA), tempat saya bekerja dulu [*Tepuk*]

Soalan saya kepada Yang Berhormat dengan huraian-huraian yang baik tadi ialah apa pandangan Yang Berhormat tentang fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan juga beberapa fatwa negeri berkaitan dengan orang-orang yang mengambil bahagian dalam demonstrasi jalanan kerana sikap protes kepada pemerintah dalam beberapa buah dasar? Adakah istilah mereka itu sebagai "*bughah*" boleh diterima?

Oleh sebab pandangan saya setelah membaca kitab Fiqh Revolusi ditulis oleh seorang ulama' besar dunia hari ini yang bernama Syaikh Dr. Ahmad Raisuni, orang nombor dua dalam Kesatuan Ulama' Sedunia, menyatakan bahawa mereka itu melakukan *amal maaruf nahi mungkar* selagi tidak membawa senjata. Jadi, adakah fatwa daripada Majlis Fatwa Kebangsaan ini rasmi? Yang jelas, kalau dari negeri Perak, negeri saya, rasmi yang dikeluarkan oleh Tan Sri Harussani Zakaria. Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih. Inilah hebatnya Senator dari sebelah sana. Dia puji, dia lambung dulu, baru dia cuit sedikit. Walaubagaimanapun, pertama sekali perlu menjelaskan di Dewan yang mulia ini, sebenarnya tiada istilah Majlis Fatwa Kebangsaan. Majlis Fatwa Kebangsaan itu istilah popular yang kita keluarkan tanpa ada asas. Oleh sebab di peringkat Pusat, kita hanya ada Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam yang diberi kuasanya oleh Majlis Raja-Raja.

Akan tetapi kuasa fatwa yang mutlak dalam istilah fatwa yang mempunyai kesan perundangan, ia bukan terletak di bawah kuasa Persekutuan seperti mana yang saya sebutkan tadi, Butiran 1, Jadual Kesembilan yang mana ini terletak di bawah kuasa negeri-negeri. Proses pewartaan fatwa sekurang-kurangnya ada tiga proses, dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri, Mufti dan Anggota Jawatankuasa Fatwa di negeri-negeri apabila dipersetujui satu-satu cadangan terhadap satu-satu isu, maka akan diangkat kepada Sultan.

Apabila diperkenankan, maka diwartakan, barulah ia akan menjadi fatwa yang ada kesan perundangan. Saya tidak pasti sejauh mana pandangan yang dibuat oleh Mufti Kerajaan Negeri Perak itu merupakan pandangan beliau ataupun satu fatwa yang telah digazet atau diwartakan. Oleh sebab itulah mungkin pandangan tetapi mungkin bukan fatwa kerana fatwa apabila sudah diwartakan.

■1050

Walau bagaimanapun, saya lebih suka kalau isu tadi dibawa kepada perbincangan oleh pakar-pakar kerana saya bukan mufti dan kalau saya jawab, tidak mempunyai kesan apa-apa di dalam Dewan ini mahupun kepada orang ramai.

Ini kerana pandangan ini merupakan pandangan yang bersifat ijtihad yang mungkin boleh berbeza dalam ruang-ruang tertentu tetapi dalam konteks kita rakyat Malaysia, saya sarankan lebih baik kita menghormati struktur yang sedia ada. Apa juga pandangan yang kita ada kekeliruan, jangan keluarkan pandangan itu di *Facebook* semata-mata tetapi pergi merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa di negeri-negeri di bawah Majlis-majlis Agama Islam negeri-negeri, Jabatan Agama Islam negeri-negeri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi. Dah kita faham apa maksudnya. Bak kata orang tua-tua, "*Jauhari jua yang mengenal manikam*". Maksudnya dia tahulah apa yang dia cakap itu.

4. Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah harga produk pertanian tempatan yang didapati harganya lebih mahal daripada produk import.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada sahabat saya, Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani, yang telah bertanyakan soalan berkenaan dengan harga produk-produk pertanian yang mengikut pengamatan Yang Berhormat Datuk, terdapat harga-harga produk-produk pertanian tempatan yang lebih mahal daripada produk-produk yang diimport.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membuat kajian dan melihat bahawa hanya ada beberapa jenis produk pertanian yang didapati harganya lebih mahal daripada yang diimport, tetapi dalam pada itu pun, tidak jauh bezanya sangat iaitu hanya dalam sekitar 10 sen, 20 sen terutama produk-produk sayur-sayuran dan buah-buahan.

Namun begitu, ingin saya menjelaskan di sini bahawa kerajaan mengambil berat untuk memastikan bahawa harga produk-produk pertanian ini stabil dan tidak membebankan rakyat dengan tindakan untuk memastikan bekalannya mencukupi dan juga kos pengeluaran pertanian itu tidak meningkat begitu tinggi sehingga ia menyebabkan kenaikan harga jualan. Juga diambil tindakan daripada segi pemasarannya juga supaya kos pemasaran dan penjualan juga dapat dikurangkan. Umpamanya, mengelakkan daripada wujudnya terlalu ramai pihak orang tengah yang mengambil keuntungan daripada produk-produk pertanian yang dihasilkan.

Tindakan yang diambil untuk meningkatkan pengeluaran, pertama sekali ialah apa yang dipanggil TKPM. TKPM ini satu projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan di mana kita mempunyai kawasan-kawasan pertanian yang dibuka dengan luasnya dan syarikat-syarikat yang menyertai kawasan-kawasan TKPM ini akan menghasilkan produk-produk pertanian mereka dengan sokongan daripada pihak kerajaan terutama dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Selain daripada itu, kita juga ada melaksanakan ladang kontrak yang di bawah bimbingan FAMA. Terdapat 4,000 orang peserta ladang kontrak setakat ini dengan keluasan 8,000 hektar di seluruh negara. Jumlah peserta ini akan ditambah menjadi 1,000 lagi tambahannya menjadi kepada 5,000 dan juga kawasan yang diusahakan akan ditambah lagi 1,500 menjadikan 9,500 hektar. Setakat ini, sebanyak RM700 juta nilai ladang kontrak ini yang menghasilkan 352,000 metrik tan.

Saya ingin juga memaklumkan iaitu selain daripada TKPM, FAMA juga membuka pasar-pasar tani, Agrobazaar, kedai rakyat dan juga baru-baru ini membuka apa yang dipanggil *MyFarm outlet* di Putrajaya.

Ini merupakan ruang-ruang pemasaran untuk memastikan bahawa produk-produk pertanian ini dapat dijual pada harga yang berpatutan dan ia dapat dilakukan sebab kita ingin mengelakkan daripada orang tengah mengambil keuntungan daripada hasil pertanian ini. *MyFarm outlet* mendapat sambutan yang begitu baik sekali di Putrajaya di mana produk-produk pertanian dijual dengan harga lima kepada 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran di tempat lain.

Atas kejayaan ini, kementerian bercadang untuk membuka banyak lagi *MyFarm outlet* di seluruh negara. Ada cadangan daripada pihak kerajaan juga untuk kalau boleh membuka di setiap kawasan Parlimen. Namun begitu, kajian akan dibuat untuk melihat sama ada *feasible* ataupun sesuai. Di sesetengah kawasan Parlimen mungkin sesuai tetapi di sesetengah kawasan Parlimen yang lain mungkin tidak sesuai. Itu daripada segi tanaman-tanaman, sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya.

Berkaitan dengan daging, memang kita dapati bahawa harga daging seperti daging yang diimport dari India lebih murah daripada daging yang dijual dalam negara kita ini. Umpamanya, daging sejuk beku dari India berharga RM17 satu kilogram manakala daging tempatan berharga RM28 ke RM36, lebih mahal daging tempatan. Akan tetapi, ada bezanya daripada segi kualiti iaitu daging tempatan ialah daging segar, manakala daging yang diimport dari India ialah daging sejuk beku. Jadi perbezaan daripada segi kualiti membezakan daripada segi harga. Manakala daging lembu yang diimport dari Australia pula mahal iaitu dengan harga RM35. Terbaliklah. Harga yang diimport lebih mahal iaitu RM35 satu kilogram manakala daging tempatan hanya antara RM28 ke RM30, lebih murah daging lembu tempatan.

■1100

Akan tetapi kambing, harga tempatan lebih mahal sebanyak RM36 satu kilo manakala import tetapi frozen, sejuk beku sebanyak RM25 satu kilo. Jadi ini masalah harga daging dari Australia yang kita hadapi pada hari ini kerana kita tidak cukup bekalan daging lembu dalam negara dan terpaksa bergantung daripada import Australia. Apa yang dilakukan oleh kerajaan pada hari ini ialah untuk menggalakkan penternak-penternak menternak lembu di kawasan-kawasan yang telah di *satellite farm* yang telah dibina oleh kerajaan. Begitu banyak sekali dahulu saya ada sebutkan. Pihak kerajaan menggalakkan dan bersedia untuk membantu daripada segi umpamanya modal dalam bentuk pinjaman daripada Agrobank. Akan tetapi tidak ada geran macam dahulu, tidak ada lembu pawah macam dahulu.

Skim Lembu Pawah ini *failed* sebab lembu pawah itu belum sampai lagi ke tempat yang hendak dijadikan pembiakan lembu itu sudah dijual di atas lori. Banyak mereka yang mengambil bahagian penerima ini jual lembu, tujuan kita adalah untuk membiakkannya. Jadi banyak penyelewengan dan ketirisan dengan sebab itu skim ini tidak ada diteruskan. Kita menggalakkan supaya pengusaha, penternak mengusahakan dengan pinjaman daripada Agrobank kalau mereka memerlukan modal. Selain daripada daging Tuan Yang di-Pertua, ikan. Ikan, kita mempunyai ikan bekalan yang cukup dan harga juga tidaklah begitu menjadi bebanan kepada pengguna-pengguna, pembeli-pembeli. Malahan setengah daripada ikan kita, kita eksport ke luar negara. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Yahya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada kekanda saya Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan yang cukup panjang lebar saya kira. Soalan tambahan saya ada beberapa soalan yang ingin saya kemukakan. Kerajaan telah memperkenalkan konsep perniagaan tani melalui Agrobazaar 1Malaysia yang bertujuan untuk membolehkan rakyat membeli hasil pertanian dan perikanan pada harga yang murah, di samping untuk menjana lebih ramai usahawan dan petani mencebur dalam bidang usahawan tani.

Soalan saya yang pertama, sejauh manakah program ini telah mendapat sambutan orang ramai? Apa masalah yang dihadapi kerana terdapat beberapa Agrobazaar seperti di RTC Gopeng, Perak yang dilihat lesu dan kurang mendapat sambutan. Selain itu saya juga ingin tahu apakah mekanisme yang dipakai bagi memastikan harga jualan pasar tani dan Agrobazaar benar-benar murah. Sebagai contoh adakah pihak FAMA mempamerkan senarai harga jualan di seluruh lokasi pasar tani dan Agrobazaar?

Keduanya terdapat beberapa buah pasar tani di sekitar Lembah Klang khususnya dalam kawasan saya. Saya dapati harga-harga yang dijual kepada pembeli ataupun pelanggan amat tinggi sekali kalau dibandingkan dengan pasar-pasar biasa.

Sepatutnya pasar tani lebih murah. Saya sering ke pasar tani contohnya pasar tani di Kampung Batu Muda. Ia harganya ikan contohnya terlalu mahal, ikan kembung sampai RM20 sekilo, RM17 sekilo, sangat mahal bagi saya begitu juga ikan-ikan lain. Jadi saya mohon pihak kementerian cuba melihat balik pasar-pasar tani di sekitar Lembah Klang dan sebagainya.

Ketiganya saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat Menteri, saya pengimport ikan. Ikan yang saya import adalah daripada Songkhla Thailand. Saya pemborong ikan di Pasar Borong Selayang. Orang Pasir Puteh berada di sana, saya orang Tok Bali, Pasir Puteh. Jadi apa yang saya hendak kemukakan di sini adalah harga ikan kalau dibandingkan dengan pusat-pusat pendaratan ikan di seluruh negara contohnya di kawasan Pantai Timur di Kuala Besut, di Tok Bali. Harga di pangkalan ikan itu kalau contoh ikan kembung boleh mencapai tahap RM17, RM18 sekilo.

Akan tetapi ikan yang saya import dari Thailand ikan segar bukan ikan beku dijual di pasar borong dengan harga RM12 ataupun RM13 sekilo. Ini perbezaannya yang amat ketara. Kita faham dan kita maklum sebab banyak ikan-ikan kita dari Malaysia dieksport ke Singapura. Ini sebab Singapura harganya lebih tinggi daripada harga jualan kita. Jadi saya minta saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat rakan saya. Kita dapati harga ini memang ada turun naik. Ada kalanya di pasar tani itu mungkin harganya mahal sedikit daripada biasa. Faktor harga ini ditentukan oleh bekalan dan permintaan, *supply and demand*. So ada *season* atau masamanya apabila kurang bekalan maka harga akan dinaikkan oleh penjual. *Seasonal in the sand*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, umpamanya musim tengkujuh.

Nelayan tidak turun ke laut jadi dengan sebab itu bekalan ikan tentunya berkurangan dan ini menyebabkan harga naik. Akan tetapi daripada segi prinsipnya dasarnya, memang kita hendak menjaga supaya harga-harga ikan, daging dan sebagainya di pasar tani itu supaya lebih rendah daripada harga di luar sana. *But economic factors*, faktor ekonomi yang saya sebutkan tadi tidak dapat kita elakkan.

Pihak FAMA yang membuka pasar tani ini akan sentiasalah memastikan di mana yang boleh supaya harga dapat distabilkan. Di Lembah Klang mungkin sahabat saya Yang Berhormat Senator, saya tidak tahulah adakah setiap hari setiap masa harga itu lebih mahal ataupun pada masa-masa yang tertentu. Akan tetapi kalau sepanjang masa maknanya ada yang tidak betullah di situ jadi kita terpaksa melihat apa masalahnya dan apa tindakan perlu diambil. Selain daripada itu ada pasar tani, pasar-pasar nelayan yang tidak mengikut seruan kita supaya menghapuskan, bukan menghapuskan mengelakkan daripada peranan orang tengah. Masih lagi ada orang tengah yang terlibat dalam rantaian kegiatan penjualan produk-produk pertanian seperti ikan, daging dan sebagainya.

Jadi oleh sebab adanya orang tengah maka orang tengah ini yang kadang-kadang mengambil keuntungan yang lebih. Saya telah melawat banyak kawasan pasar nelayan umpamanya. Ada pasar nelayan yang betul-betul melaksanakan apa yang kita laung-laungkan iaitu mereka menjual sendiri hasil tangkapan ikan mereka iaitu nelayan-nelayan menjual kepada Persatuan Nelayan dan Persatuan Nelayan bukan merupakan orang tengah dan mereka menjual pada harga yang berpatutan.

■1110

Akan tetapi ada juga pasar nelayan, masih lagi nelayan-nelayan yang tidak berbuat demikian. Masih lagi orang kata, dia *take it easy*, Tuan Yang di-Pertua, dengan mudah dan tidak mahu bersusah-payah sedikit. Balik dari laut jual ikan dan terus balik ke rumah. Inilah menjadi masalah kita hendak menggalakkan mereka mengubah sikap iaitu supaya menjadi usahawan tani, jadi nelayan yang merupakan usahawan bukan nelayan yang menangkap ikan sahaja. Nelayan yang terlibat dalam perniagaan, jualan dan pemasaran produk yang mereka hasilkan itu. Ikan yang dieksport, kita mengeksport banyak ikan kerana kualiti ikan kita lebih baik daripada ikan yang kita import tetapi Datuk Yahaya tentunya lebih arif kerana dia terlibat dalam perniagaan import eksport ikan ini.

Akan tetapi apa yang saya dimaklumkan iaitu banyak ikan yang dari Bangladesh, dari Thailand yang diimport ini tidak boleh disamakan kualitinya dengan ikan tempatan. Ikan tempatan lebih *fresh* daripada yang diimport. Dengan sebab itu harganya tentunya kadang-kadang lebih tinggi sedikit daripada harga ikan yang diimport dari luar negara tetapi tidaklah pula saya menuduh bahawa sahabat kita ini mengimport ikan yang kualiti tidak elok [*Ketawa*] Nanti di luar Dewan teruk saya hendak menjawabnya [*Ketawa*] Tentunya beliau merupakan seorang pengimport yang berjaya mengimport produk-produk ikan yang berkualiti dan mendapat sambutan yang baik. Secara umumnya dikatakan bahawa ikan yang diimport itu dijual murah disebabkan kualitinya agak rendah sedikitlah.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya berharap kesimpulannya iaitu kita berharap petani-petani, nelayan-nelayan menjadi usahawan tani. Menanam, mengeluarkan, menangkap ikan dan sebagainya dan jual sendiri ke pasar. Jangan gunakan orang tengah. Orang tengah ambil *10 peratus, 15 peratus so that 10 peratus and 15 peratus*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *will add up to the cost and the cost* macam biasalah *will be passed on to the consumer*. *Consumer* yang akan membayar 10 peratus, 15 peratus, *whatever percent* tambahan kos itu kepada pengguna. Jadi ini yang menyebabkan harga barang kadang-kadang lebih mahal disebabkan *unnecessary cost* yang terpaksa *diabsorb* oleh pihak yang terlibat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ucapkan terima kasih kepada Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas yang memberi soalan yang terbaik dan dunia dia ini dunia perniagaan ikan semua ini, dia ini tauke besar pasar borong. Ada pengalaman dia dan sekarang saya minta Yang Berhormat Dato' Mohd Salim. Sila.

Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kegawatan ekonomi berlaku pada tahun 1997 yang mana menyedarkan kita berbagai-bagai-bagai pihak tentang pentingnya pengeluaran makanan ternakan di mana sebelum ini kebergantungan kita kepada makanan ternakan import dari luar. Jadi kesan daripada itulah maka barang makanan ternakan ini mahal, kemudian daging ataupun ayam yang dijual itu dengan kadar yang tinggi.

Jadi, apa langkah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi mengkaji kebergantungan kita kepada makanan ternakan import daripada luar agar kita mengeluarkan makanan ternakan ini, yang saya difahamkan hampir RM1 bilion. Contohnya daripada ternakan ayam, jagung yang kita import, yang lain-lain, macam bahan makanan lembu dan juga lembu tenusu, ini yang mengakibatkan daging ataupun bahan makanan kita tinggi daripada apa yang diambil dari luar.

Jadi pertanyaan saya, apa langkah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memikirkan perkara ini tanpa kebergantungan kita mengimport makan dan ternakan dari luar negara?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' dan Tuan Yang di-Pertua. Kita menyedari, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyedari amat sangat iaitu harga makanan ternakan ini tinggi dan membebankan pihak penternak. Kita sedang merancang bagaimana cara untuk mengatasi masalah ini.

Untuk makluman Dewan, bahan makanan ternakan ini *input raw material* dia, dia punya bahan mentahnya yang utama ialah jagung dan jagung ini satu jenis jagung yang tidak begitu boleh dapat ditanam dalam negara kita dengan kuantiti yang besar kerana tidak sesuai daripada segi tanah dan cuacanya. Jadi dengan sebab itulah maka jagung yang menjadi input kepada bahan makanan ternakan ini kebanyakannya dihasilkan di luar negara dan merekalah yang mengambil peluang untuk menghasilkan *animal feed* ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi kita tidak merelakan untuk terus-menerus bergantung kepada pihak luar untuk membekalkan dan kita mencari jalan bagaimana untuk mengatasi masalah ini dan sukacita saya memaklumkan Dewan, Yang Berhormat Menteri Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sekarang ini telah pun mengarahkan supaya dibuat *pilot project* tanaman jagung yang sesuai untuk dijadikan bahan makanan ternakan yang kita maksudkan itu. Jadi kalau sekiranya *pilot project* ini sesuai atau berjaya kita akan meluaskan tanaman jagung ini tetapi setakat mana kita belum tahu lagi sebab andaian-andaian sebelum ini semuanya tidak menggalakkan iaitu tidak boleh tanam jagung itu, jagung yang sesuai untuk bahan makanan ternakan ayam umpamanya.

Akan tetapi baru-baru ini saya pergi ke sebuah tempat, Batu Arang, Selangor di mana saya dapati di situ sebuah syarikat *anchor company* di bawah NKEA yang telah mula menanamkan jagung yang sesuai untuk dijadikan bahan yang saya sebutkan tadi. Pengusahanya memberi jaminan, dia kata "*Dato' boleh, boleh kita tanam jagung yang dimaksudkan itu, yang sesuai ini. Cerita-cerita yang katakan tidak boleh ini tidak betul.*" Dia kata. Akan tetapi saya tidaklah pula hendak terima bulat-bulat sebab apa kita tengok kawasan yang ditanam itu terlalu kecil, *still experimental* atau masih percubaan. Tidak apalah, satu eksperimen satu percubaan kita harap kalau dia berjaya mungkin kita akan gunakan teknologinya itu untuk membuat ataupun membuka ladang-ladang jagung di dalam negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah beri penjelasan yang baik untuk kita dan saya pun minat kepada pertanian ini. Terima kasih banyak. Sekarang saya minta nombor 5 silakan.

5. Datuk Norliza binti Abdul Rahim minta Menteri Kewangan menyatakan, laporan bahawa 68 peratus rakyat Malaysia dibebani hutang menjadikan negara ini yang tertinggi dalam kalangan lapan buah negara di Asia dan kebanyakannya hutang jangka panjang dan sebahagiannya, menghadapi masalah membayarnya dalam tempoh jadual yang dijanjikan.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan terkini paras hutang isi rumah rakyat Malaysia pada tahun 2015 ialah sebanyak 89.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

■1120

Sebahagian besar hutang isi rumah adalah untuk tujuan pengumpulan aset dan kekayaan yang meliputi pinjaman bagi pembelian harta tanah dan pelaburan dalam aset kewangan. Daripada jumlah tersebut, 56.2 peratus merupakan pinjaman bagi tujuan pembelian rumah dan harta tanah untuk kediaman dan juga bukan kediaman yang lazimnya mempunyai tempoh matang yang panjang iaitu melebihi 20 tahun manakala pembelian kenderaan merangkumi 15.5 peratus daripada jumlah hutang. Seajar dengan tahap pendapatan rakyat yang semakin meningkat berikutan prestasi ekonomi negara yang terus berkembang dan proses perbandaran yang pesat, permintaan untuk pembelian harta kediaman dan kenderaan dijangka berterusan untuk beberapa tahun akan datang.

Berkeyakinan dengan keupayaan untuk membayar balik pinjaman seperti dicerminkan oleh tahap pinjaman terjejas yang rendah iaitu 1.1 peratus serta pemilikan aset harta yang harganya lebih tinggi pada masa akan datang, membolehkan isi rumah mempunyai keupayaan untuk membeli aset melalui pinjaman. Keupayaan membayar balik hutang pula disokong oleh keadaan guna tenaga dan tahap pendapatan yang stabil dan juga kestabilan penampakan kewangan agregat isi rumah dengan nisbah aset kewangan isi rumah kepada hutang sebanyak dua kali lebih tinggi daripada hutang isi rumah.

Tuan Yang di-Pertua, tahap keberhutangan sektor isi rumah yang tinggi sentiasa mendapat perhatian khusus kerajaan. Pelbagai langkah progresif telah dilaksanakan oleh kerajaan terutamanya bagi membendung kenaikan hutang isi rumah sejak tahun 2010. Langkah-langkah ini bertujuan untuk memastikan tahap keberhutangan sektor isi rumah kekal terkawal dan tidak menjadi sumber ketidakstabilan kewangan pada masa hadapan. Langkah-langkah tersebut juga akan memastikan amalan pengurusan kredit yang berhemah, menggalakkan tingkah laku individu dan institusi yang bertanggungjawab dalam amalan pemberian kredit, menggalakkan pasaran harta tanah yang lebih mampan dengan membendung tingkah laku spekulatif serta mengelak isi rumah daripada berhutang secara berlebihan.

Kesemua langkah tersebut telah diperkenalkan secara beransur-ansur untuk mengawal perkembangan hutang isi rumah bagi mengelakkan pelarasan yang melampau dalam sistem kewangan dan ekonomi.

Semenjak pelaksanaan langkah-langkah tersebut, kadar pertumbuhan hutang isi rumah telah menjadi sederhana dan isi rumah juga lebih memahami serta mempunyai kesedaran yang lebih meluas terhadap kemampuan mereka untuk berhutang.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, sehingga akhir Disember 2015 kadar pertumbuhan hutang isi rumah ialah sebanyak 7.3 peratus berbanding dengan 9.4 peratus pada tahun 2014 dan 12.2 peratus pada tahun 2013. Justeru, risiko kepada kestabilan kewangan domestik terus terkawal berikutan keadaan guna tenaga dan tahap pendapatan yang stabil serta disokong oleh penampakan kewangan agregat isi rumah yang tinggi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sila.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada pihak Timbalan Menteri yang menjawab. Saya ingin menyentuh mengenai jenis-jenis pinjaman jangka panjang. Bagaimana sekiranya Bank Negara mungkin dapat membuat dasar bagi pinjaman jangka panjang ini seperti pinjaman perumahan dan juga pinjaman kenderaan, di mana kadar bayaran bulanan ini hendaklah 2/3 daripada pendapatan gaji bersih untuk memastikan mereka dapat membayar pinjaman tersebut dan yang keduanya, kalau kita lihat yang banyak meminjam ini adalah daripada kumpulan yang golongan agak muda. Jadi, bagaimanakah kita hendak *educate* mereka ini? Dan perlukah ada kalanya pinjaman kad kredit juga dilihat menjadi bebanan kepada sesuatu keluarga tersebut.

Jadi, perlukah kita memberi lebih galakan daripada penggunaan kad debit dan apakah tindakan kementerian untuk memantapkan peranan AKPK ini untuk memastikan isu bankrap dan hutang tahap maksimum ini dapat dikurangkan. Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan, beberapa soalan di sana. Untuk terutamanya kebanyakan hutang jangka masa panjang, sebenarnya sebelum kerajaan menentukan langkah-langkah tertentu, bahkan pinjaman peribadi juga ada yang menstrukturkannya secara jangka masa panjang tetapi kita melihat dia bukan sesuatu pinjaman yang menambah nilai aset kepada isi rumah. Maka kerajaan telah melakukan langkah-langkah sebagai contoh untuk pinjaman peribadi daripada segi tahun 2013, ia telah dihadkan daripada segi pinjaman kepada 10 tahun. Selain daripada itu, sebelum 2012, untuk pinjaman khususnya kenderaan pengangkutan, ia sebenarnya tidak mempunyai had masa dan selepas tahun 2012, juga telah ditetapkan jangka masa sembilan tahun.

Maka, ini dikategorikan sebagai pinjaman jangka masa pendek atau sederhana. Untuk pinjaman jangka masa panjang, seperti pinjaman harta tanah untuk kediaman dan bukan kediaman, kerajaan melihat khususnya daripada segi pendapatan atau boleh dikatakan *net income* yang dipunyai oleh seseorang sebelum sesuatu pinjaman itu diluluskan. Oleh itu, kalau kita lihat daripada segi pinjaman yang telah diluluskan, kebanyakan adalah untuk rumah harga di bawah RM500,000 di mana risikonya adalah rendah.

Selain itu kalau kita lihat secara *element speculative* juga, kita dapat melihat khususnya mereka yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga pinjaman perumahan, kita melihat bahawa ia kekal stabil pada 3.1 peratus iaitu lebih rendah daripada kadar peningkatan yang tinggi pada tahun 2010 iaitu sebanyak 15.8 peratus. Kita juga harus melihat daripada segi elemen spekulatif agar kita berharap bukan kebanyakan peminjam adalah berasaskan spekulatif kerana jikalau terdapat daripada segi kegawatan ekonomi atau penurunan harga aset, ia akan menyebabkan ketidakstabilan daripada segi sistem kewangan negara kita.

Selain daripada itu, untuk khususnya boleh dikatakan peranan yang dimainkan oleh AKPK, banyak promosi yang telah dijalankan khususnya bukan sahaja dalam Bahasa Malaysia tetapi dalam bahasa Mandarin, Tamil dan Inggeris khususnya untuk memastikan merangkumi lebih ramai untuk memahami peranan yang dijalankan oleh AKPK. Bahkan pelbagai program seperti MyPower juga dilaksanakan khususnya untuk memberi bimbingan dan memberi maklumat mengenai *financial literacy*, dengan izin. Setakat Januari 2016, hampir 130,000 orang peminjam juga telah mendaftar dan dibantu di bawah program AKPK dan ini jelas menunjukkan bahawa peranan AKPK dalam memberi khidmat nasihat kewangan. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua, Ibrahim Shah sini.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya bertentang dengan Tuan Yang di-Pertua agaknya. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, menurut statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Hutang yakni AKPK, faktor utama yang menyumbang kepada masalah hutang serta ketidakupayaan membayar balik pinjaman disebabkan pengurusan kewangan yang begitu lemah iaitu sebanyak 22.6 peratus iaitu 351,530 sertai kaunseling pada tahun 2015. Ramai di kalangan kita yang tidak menyedari kepentingan pengurusan kewangan yang betul dan saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimana kerajaan mendidik agar masyarakat menguruskan kewangan dengan betul dan sejauh manakah AKPK membantu mereka yang mempunyai hutang tertunggak menyelesaikan masalah mereka dan sejauh manakah AKPK turun padang bagi membantu menyelesaikan masalah golongan sasar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Untuk khususnya memperkenalkan Program Pengurusan Wang Ringgit, kerajaan telah memperkenalkan program POWER- *short form* itu, yang bertujuan meningkatkan tahap pemahaman dan kemahiran pengurusan kewangan terutamanya bagi peminjam baru, golongan muda serta golongan yang berpendapatan rendah.

■1130

Pengisian program POWER termasuklah cara untuk membuat analisis dan menguruskan aliran tunai peribadi ataupun keluarga, memastikan hutang pada tahap yang mampu diurus dan membuat pertimbangan dan proses utama yang perlu difahami oleh bakal peminjam apabila mendapat pembiayaan untuk membeli rumah dan kereta atau kemudahan kad kredit. Sejak pelancaran pada tahun 2010 hingga Januari 2016, lebih daripada 204,000 orang pengguna telah menghadiri program POWER. Daripada segi peranan AKPK, kerajaan sentiasa memberi promosi melalui akhbar dan media dan juga kita boleh melihat laman web AKPK di mana saya telah menegaskan bahawa peranan AKPK untuk menstrukturkan hutang bukan salah satu sahaja tetapi mereka juga mempunyai peranan yang lain.

Banyak yang mempunyai salah anggapan bahawa AKPK ialah apabila seseorang itu menghadapi masalah, baru jumpa AKPK. Sebenarnya AKPK juga memberi khidmat nasihat. Kalau seseorang itu baru bekerja, mungkin dia tidak tahu daripada segi pendapatan mereka apakah atau boleh dikatakan kemampuan mereka untuk membeli kenderaan dan rumah, berapa harga yang sebenarnya mampu dibeli, mereka boleh berjumpa dengan AKPK dan *information* atau maklumat yang diberi adalah secara sulit dan tidak dikongsi dengan agensi-agensi yang lain.

Selain daripada itu, kita juga lihat daripada segi kerajaan kita juga sentiasa mengetatkan daripada segi pinjaman atau pinjaman peribadi dan kad kredit kerana ia juga merupakan salah satu sebab terdapat isu *bankruptcy* di negara ini. Akan tetapi ini diurus dengan baik dan kita berharap kepada terutamanya menyeru kepada orang ramai bahawa walaupun fasiliti ini disediakan tetapi seseorang itu harus sedia datang ke AKPK untuk mendapat khidmat nasihat. Kalau mereka berasa segan, mereka boleh menelefon *hotline* yang juga diurus oleh kebanyakan boleh dikatakan pegawai AKPK yang boleh bertutur dalam pelbagai bahasa. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Chua Tee Yong, Timbalan Menteri Kewangan dan sekejap saja, ringkas ya, sila.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih. Soalan tambahan saya salah satu daripada sebab mengapa pasaran hartanah sedikit lembap pada masa ini ialah amalan bank-bank di bawah arahan Bank Negara supaya lebih teliti apabila memberi hutang untuk membeli rumah.

Soalan saya kepada menteri ialah apakah tindakan kerajaan untuk dalam satu sudut memberi peluang seluas-luasnya untuk membeli rumah tetapi dalam sudut yang lain mengurangkan hutang isi rumah dalam negara. Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Seperti yang tadi saya dah ulaskan, kita harus menggalakkan daripada segi isi-isi rumah atau rumah-rumah kalau seseorang itu ingin membeli kenegaraan atau harta tanah tetapi daripada segi kemampuan untuk membayar balik hutang tersebut juga merupakan sesuatu kriteria yang penting. Oleh itu, walaupun hutang isi rumah negara kita boleh dikategorikan ada yang mengatakan tinggi tetapi kita sebenarnya tidak mempunyai boleh dikatakan *guideline-guideline* yang terus tidak menggalakkan bank-bank atau institusi kewangan untuk memberi pinjaman.

Akan tetapi daripada segi penegasan kerajaan adalah khususnya untuk memastikan pinjaman-pinjaman yang diberi boleh dibayar balik kerana kita hendak memastikan kestabilan kewangan dan untuk memastikan ia tidak menjadi isu apabila sesebuah aset itu dibeli, pada akhir masanya ia menjadi satu bebanan kepada sesebuah keluarga.

Oleh itu disebabkan kawalan yang boleh dikatakan baik, maka kita boleh melihat walaupun hutang isi rumah ada pada 89 peratus tetapi walaupun kita membuat *stress test* baru-baru ini, ia jelas menunjukkan bahawa sistem kewangan kita masih adalah stabil. Daripada segi kelulusan khususnya untuk pinjaman perumahan, tahun 2015, 2014, 2013 dan 2012 mengikut sumber Bank Negara Malaysia, daripada segi jumlah pinjaman nilainya pada kadar boleh dikatakan kelulusannya adalah sentiasa antara tahap 49 peratus hingga 52 peratus. Maka pada tahun 2015, ia tidak menunjukkan penurunan yang ketara. Maka tidaklah boleh dikatakan langkah-langkah yang dikatakan mengetatkan sehingga tidak mampu untuk seseorang itu meminjam. Sekian, terima kasih.

6. Datuk Koh Chin Han minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apa perkembangan dalam perbincangan Perjanjian Ekonomi Komprehensif Serantau atau RCEP.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, Kerjasama Komprehensif Ekonomi Serantau atau *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) dengan izin, telah disasarkan untuk dimuktamadkan pada akhir tahun 2015. Namun begitu, masa yang lebih banyak diperlukan untuk memuktamadkan perjanjian ini khususnya dalam perkara-perkara teknikal. Oleh yang demikian, pada 22 November 2015, dua orang ketua negara RCEP telah mengeluarkan kenyataan bersama yang antara lainnya memanjangkan masa untuk RCEP supaya dimuktamadkan pada akhir tahun 2016.

Sehingga Februari 2016, sebanyak 11 pusingan rundingan RCEP telah dijalankan. Fokus rundingan kini adalah kepada akses pasaran dalam bab perdagangan barangan, perdagangan perkhidmatan dan pelaburan. Teks perjanjian RCEP juga sedang dirundingkan dengan lebih agresif bagi memastikan ia dapat dimuktamadkan dalam masa yang telah ditentukan. Sehingga kini, terdapat sekurang-kurangnya 19 bab bagi perjanjian RCEP yang merangkumi antara lainnya perdagangan barangan, perdagangan perkhidmatan, pelaburan, kerjasama ekonomi dan teknikal, harta intelek, dasar persaingan, penyelesaian pertikaian, perdagangan elektronik dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana.

Pada masa ini, bab-bab yang dianggap sensitif bagi Malaysia dan sebilangan negara ASEAN seperti perolehan kerajaan, alam sekitar dan buruh tidak mendapat persetujuan penuh negara-negara anggota RCEP untuk dirundingkan. Namun begitu, elemen-elemen tambahan penting seperti perdagangan elektronik ataupun *electronic commerce* dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana telah dipersetujui untuk dirundingkan sesuai dengan suasana perniagaan, pelaburan dan perdagangan masa kini.

Dijangka sebanyak lima pusingan rundingan lagi akan diadakan sehingga penghujung tahun ini untuk memuktamadkan RCEP. Bagi menyelesaikan isu-isu sensitif RCEP, Menteri-menteri yang bertanggungjawab terhadap RCEP juga telah bertemu dengan kerap untuk memberikan kata putus dan pandangan masing-masing sebagai usaha untuk memuktamadkan RCEP.

Perjumpaan kerap Menteri-menteri ini juga merupakan satu mekanisme untuk memantau komitmen-komitmen yang dirundingkan untuk memastikan ia sejajar dengan kapasiti ekonomi negara masing-masing dan akan memberikan manfaat ekonomi secara keseluruhan.

■1140

Sukacita saya menjelaskan bahawa Perjanjian RCEP ini usaha untuk mengumpul semua perjanjian perdagangan bebas ASEAN iaitu ASEAN-China, ASEAN-Korea, ASEAN-Jepun, ASEAN-India dan ASEAN-Australia-New Zealand ke dalam satu perjanjian dengan tujuan untuk memudahkan perniagaan serantau dan memastikan syarikat-syarikat ASEAN adalah kompetitif di peringkat global.

Sektor-sektor baru seperti harta intelek, dasar persaingan dan perdagangan elektronik atau *e-commerce* adalah perlu bagi memastikan Perjanjian RCEP kekal relevan dan menepati keperluan perusahaan di peringkat global, terutamanya dalam menarik pelaburan dan memodenkan ekonomi rantau ASEAN.

RCEP akan merangkumi lebih 3.3 bilion orang penduduk dunia iaitu hampir separuh populasi global dengan 30 peratus jumlah dagangan dunia. RCEP juga menyumbang kepada 29.3 peratus atau USD22.7 trilion pengeluaran dunia pada tahun 2014. Negara-negara RCEP juga mencatatkan jumlah dagangan dan kemasukan pelaburan yang kukuh iaitu sebanyak USD10.8 trilion atau 28.4 peratus jumlah dagangan dunia dan USD366.3 bilion atau 29.8 peratus jumlah pelaburan global.

Jumlah perdagangan negara Malaysia dengan ahli-ahli RCEP iaitu ASEAN, Australia, New Zealand, Republik Rakyat China, Republik Korea, Jepun dan India pada tahun 2015 adalah sebanyak USD234.7 bilion iaitu 62.5 peratus daripada jumlah dagangan global Malaysia. Jumlah perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara ASEAN pada tahun 2015 - USD102.8 bilion iaitu 27.4 peratus daripada jumlah perdagangan global Malaysia. Negara-negara rakan FTA ASEAN juga berada pada kedudukan-kedudukan utama rakan dagang Malaysia pada tahun 2015.

Jumlah perdagangan ini menunjukkan bahawa RCEP melibatkan rakan-rakan dagang yang penting buat Malaysia dan penglibatan Malaysia dalam RCEP ini akan memperkukuhkan kedudukan negara ini sebagai pedagang utama dunia. Komitmen-komitmen Malaysia di bawah RCEP ini dijangkakan untuk merangkumi penambahbaikan kepada komitmen di bawah FTA sedia ada ASEAN.

Dalam rundingan ini, kerajaan akan memastikan bahawa kepentingan-kepentingan negara akan sentiasa dipelihara. Dalam konteks ini, kerajaan sedang mengadakan konsultasi berterusan dengan sektor swasta dan lain-lain *stakeholder* untuk memastikan kepentingan Malaysia diambil kira dan dilindungi. Sekian, terima kasih.

Datuk Koh Chin Han: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab secara menyeluruh. Saya nampak RCEP ini akan membawa manfaat yang besar kepada negara kita terutamanya terdapat dua buah negara gergasi dalam perjanjian ini iaitu China dengan India. Walau bagaimanapun, saya cuma hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada kementerian akan ataupun sudah membuat kajian menganalisis impak dan faedah secara terperinci ke atas RCEP iaitu seperti yang telah dilakukan ke atas TPPA. Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini Malaysia telah pun membuka pasarannya kepada kesemua negara perunding RCEP dan pada masa yang sama, telah mendapat akses pasaran kepada negara-negara tersebut. RCEP adalah bertujuan untuk menambah baik Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN+1 sedia ada, termasuk memperbaiki sebarang kelemahan perjanjian-perjanjian dengan mengambil kira persekitaran perdagangan dan pelaburan semasa. Jadi oleh yang demikian, kementerian belum ada cadangan untuk mengadakan kajian analisis impak dan faedah.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Soalan tambahan. Seperti RCEP, kita juga ada FTA Malaysia dengan *European Union*. Soalan saya, saya hendak tahu sama ada kementerian telah *consider* implikasi *Brexit* kemungkinan akan berlaku lepas referendum pada bulan Jun. Implikasi *Brexit* bukan sahaja atas *European Union* dengan Malaysia punya FTA, tetapi secara *indirect* atas RCEP juga. Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, perundingan FTA dengan EU belum dimuktamadkan. Jadi bermaksud...

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Saya tahu, saya tahu belum dimuktamadkan. Saya tahu *I think* bulan ini pun ada satu *round of discussion*. Soalan saya, sama ada kementerian telah *consider* implikasi *Brexit* pasal kalau England keluar dari *European Union*, kalau keluar selepas referendum, implikasi pengeluaran Britain atas *European Union* saya rasa impak dia besar. Mungkin itu juga akan impak FTA Malaysia dengan *European Union*, sama ada kita masih hendak teruskan selepas England keluar dari *Brexit*.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, memang FTA Malaysia belum ada atau ASEAN belum ada FTA dengan *European Union* (EU). Jadi isu yang dibangkitkan tidak timbul.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, bagaimana SME yang mempunyai produk halal, pertanian dan komuniti Malaysia mendapat manfaat melalui RCEP ini? Apakah penyederhanaan ekonomi China dan USA serta prestasi mata wang USD berbanding Ringgit akan meningkatkan kapasiti eksport negara? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, rundingan RCEP ini memang dia ada satu rundingan untuk memperbaiki FTA yang sedia ada iaitu FTA ASEAN dengan rakan dagang iaitu negeri China, Australia, New Zealand, Jepun, Korea dan sebagainya, enam ekonomi. Memang ini ada berlanjutan FTA. Jadi, bagaimana untuk membantu SME, memang ada berterusan, So, memang kerajaan melalui MITI dan agensi-agensi ada membuat program, ada banyak cara untuk membantu SME.

7. Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, langkah-langkah keselamatan yang diambil bagi rombongan pegawai-pegawai dan atlet Malaysia yang akan mengunjungi negara Brazil untuk menyertai Sukan Olimpik disebabkan wabak *Epidemic Zika*.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan A/L Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Institut Sukan Negara sedang memantau, mengambil langkah-langkah pencegahan bagi mengurangkan risiko jangkitan virus Zika terhadap pegawai-pegawai dan atlet yang akan menyertai Sukan Olimpik di Rio.

■1150

Sekiranya berlaku jangkitan terhadap pegawai-pegawai dan atlet-atlet di temasya Sukan Olimpik Rio, pasukan perubatan ISN akan memantau perkembangan kesihatan dan memberi rawatan rapi kepada pesakit. Penilaian tahap jangkitan yang dialami akan dinilai. Sekiranya ia nyata serius, maka pegawai-pegawai dan atlet-atlet akan dinasihatkan untuk tidak menyertai kejohanan dan mendapatkan rawatan yang bersesuaian. Sebagai langkah pencegahan berdasarkan saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan *World Health Organization* (WHO), dengan izin, pegawai-pegawai dan atlet digalakkan memakai baju berlengan panjang dan seluar panjang serta menggunakan *repellent*, bahan untuk menghalau nyamuk dan tidur di tempat yang dipasang kelabu. KBS melalui ISN juga akan mendapatkan nasihat dari KKM berkenaan langkah-langkah pencegahan jangkitan virus Zika dari semasa ke semasa untuk kemas kini. Sekian, terima kasih.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Saya berdoa semoga atlet kita yang akan pergi ke Rio akan berjaya dan diharapkan membawa balik pingat emas pertama kali ini. Pada zaman sekarang, sukan bukan sahaja bergantung kepada kekuatan fizikal tetapi ia adalah suatu bidang yang begitu saintifik sekali.

Kita dapati banyak atlet terkenal dunia ini pernah didakwa mengambil steroid dan mereka kata mereka tidak tahu tentang ubat-ubat yang mengandungi steroid.

Saya minta keterangan dari Kementerian Belia dan Sukan, apa kaedah kementerian memantau dan menyiapkan seorang atlet daripada segi makanan, mental dan suplemen-suplemen yang diambil? Saya juga hendak tahu sama ada kementerian ada satu *hotline* seorang pakar supaya atlet boleh hubungi jikalau mereka sakitkah atau apa-apa sebelum mengambil ubat-ubat, terutamanya atlet-atlet yang sedang dilatih untuk pergi ke Olimpik?

Datuk Saravanan A/L Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas keprihatinan terhadap pembangunan sukan di negara ini. Seperti mana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kita lihat hari ini sukan memainkan peranan penting. Apabila kita sudah sampai tahap di mana sukan bukan lagi sebagai aktiviti sukan tetapi lebih untuk memperkasakan ekonomi golongan belia. Hari ini perkembangan sukan begitu pesat dan bukan sahaja bergantung dengan kebolehan dan kelebihan atlet tetapi lebih kepada pembangunan teknologi ataupun *the technology advancement*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Maka, saya yakin dengan kebolehan atlet-atlet dan pegawai-pegawai yang begitu komited, mungkin kali ini- kemungkinan besar kali ini kita akan bawa balik pingat daripada Olimpik Rio.

Pada masa yang sama, menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, ISN mengawal semua bahan makanan dan suplemen. Melalui pakar-pakar yang ada di ISN, kita mengawal semua makanan dan suplemen yang diberikan kepada atlet dalam latihan. Pada masa yang sama, apabila atlet-atlet hendak mencuba ataupun mengambil *supplementary* tambahan, mereka harus meminta pandangan, dorongan dan tunjuk ajar daripada pegawai-pegawai atau pakar-pakar yang berada di ISN.

Semua bahan makanan atau bahan-bahan suplemen diperoleh sendiri oleh atlet adalah di luar daripada kawalan kita. Apabila atlet- kadang-kadang ada juga atlet yang tidak memaklumkan kepada ISN dan mengambil keputusan sendiri untuk mengambil bahan suplemen, di luar kawalan kami. Walau bagaimanapun, kita memang memantau dari semasa ke semasa daripada segi latihan, makanan dan juga segala aspek. Terima kasih.

8. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin minta Perdana Menteri menyatakan, bilangan individu yang ditahan dan didakwa kerana penyebaran ajaran sesat di negara ini seperti Syiah, Qadiani, Millah Ibrahim, Wahabi dan sebagainya bagi tahun 2013 hingga 2015 dan nyatakan langkah kerajaan bagi membendung dan menghalang penyebaran ajaran sesat yang boleh merosakkan aqidah umat Islam negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]: "*Sorong papan tarik papan, saya jawab nombor lapan*".

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap tahniahlah kepada Tuan Yang di-Pertua atas lantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan penguatkuasaan terhadap ajaran sesat adalah di bawah bidang kuasa agama negeri seperti mana termaktub dalam akta atau Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri masing-masing. Tindakan penguatkuasaan di seluruh negara berkaitan dengan kes ajaran salah pada tahun 2013 ialah sebanyak 215 kes. Manakala pada tahun 2014 ialah sebanyak 152 kes.

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan agensi-agensi lain yang berkaitan, bekerjasama dalam menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan serta sebagai langkah pencegahan. Antara langkah-langkah bagi mengawal penularan fahaman-fahaman menyeleweng adalah seperti berikut:

- (i) aspek pencegahan. Menyebar luaskan fatwa-fatwa berkaitan. Mengadakan program-program penjelasan fahaman-fahaman yang menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah melalui ceramah, seminar dan menerusi media cetak dan elektronik;
- (ii) pemantauan dan risikan. Menjalankan program pemantauan terhadap individu atau kumpulan yang berfahaman menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah serta menapis bahan-bahan penerbitan sama ada bercetak atau elektronik;
- (iii) penguatkuasaan undang-undang. Dengan meningkatkan kerjasama antara pihak berkuasa agama dengan negeri-negeri, agensi-agensi keselamatan terhadap fahaman-fahaman yang telah diwartakan menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah; dan
- (iv) gerakan saraf ataupun Gerak Saraf Perang Saraf (GSPS). Dengan mengadakan kerjasama bersama jabatan mufti, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan agensi-agensi keselamatan bagi sesi perbincangan dan dialog dengan pihak-pihak berkaitan dengan fahaman yang telah diwartakan dan difatwakan menyeleweng.

Berhubung dengan fahaman Wahabi, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah membincangkan perkara ini beberapa kali iaitu pada kali-12 tahun 1985, kali ke-14 tahun 1985, kali ke-16 tahun 1986, kali ke-40 tahun 1996, kali ke-42 tahun 1997 dan kali ke-44 tahun 1998. Ia juga telah dibincangkan dalam Mesyuarat Panel Kajian Akidah JAKIM pada kali ke-14 tahun 2000, kali ke-20 tahun 2002 dan kali ke-23 pada tahun 2003. Dengan memutuskan bahawa kumpulan Wahabi adalah daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah. Walau bagaimanapun, pendekatan yang bijaksana perlulah diambil bagi mengatasi isu-isu khilafiah ataupun isu-isu yang boleh diperbahaskan dalam Islam yang dibangkitkan oleh mana-mana pihak supaya tidak menjejaskan perpaduan masyarakat Islam negara ini. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sangatlah baik dan cerah masa depanlah untuk hendak menjadi Menteri penuh barangkali. Di samping soalan saya, di samping tindakan undang-undang dan pendakwaan, apa kerajaan menyediakan khidmat kaunseling, khidmat nasihat seperti yang telah dibuat terhadap kumpulan Al-Arqam dulu dengan mengadakan dialog secara bijaksana?

Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan terhadap pengikut-pengikut yang telah ditangkap seperti pengikut-pengikut Ayah Pin dan sebagainya? Apa fahaman-fahaman ini juga, pengikut-pengikut ini ada kecenderungan untuk melakukan keganasan terhadap negara dan menyertai kumpulan ataupun fahaman *Islamic State* (IS), Da'ish dan sebagainya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan selain daripada penguatkuasaan undang-undang, memanglah sudah menjadi SOP, dengan izin, prosedur di peringkat Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, khususnya untuk melakukan proses pencerahan ataupun proses untuk memberikan mereka kaunseling, mengembalikan mereka kepada kefahaman yang benar atas asas akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Perkara ini dilakukan secara berterusan kerana kita melihat bahawa walaupun setengah mereka didapati bersalah dan ada yang dipenjarakan.

■1200

Berkenaan dengan kecenderungan kumpulan-kumpulan sehingga membawa kepada isu-isu keselamatan, memang ada segelintir atau pun sesetengah kumpulan, sebagai contoh ajaran Millaah Abraham yang terbaru, yang sudah pun kita melakukan tangkapan. Semenjak tahun 2014 sehingga 1 Februari 2016, secara keseluruhannya 81 orang telah ditangkap di peringkat Wilayah Persekutuan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan atau JAWI.

Maklumat yang terbaru juga, mereka ini sudah pun membeli tanah di Sabah dan menganggap bahawa mereka perlu berhijrah ke Sabah dan Sarawak bagi menubuhkan daulah di negeri-negeri tersebut. Ini kerana, itulah, peringkat awal mereka merasakan bahawa mereka ini membawa suatu ajaran yang lebih lengkap dan mereka menganggap bahawa mereka ini ada Rasul selepas daripada Nabi Muhammad SAW dan mereka tidak sembahyang kerana mereka mentafsirkan konsep solat itu sebagai silah, sebagai satu jalinan atau pun penghubung dengan sesama manusia. Maknanya, tidak perlu sembahyang menghadap Allah, kita buat baik sesama manusia pun itu sebahagian daripada sembahyang.

Ini antara perkara-perkara yang memang didapati bahawa ajaran Millah Abraham ini sebagai telah difatwakan sesat dan menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Cuma, seperti mana yang saya katakan tadi, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun mengarahkan supaya agensi keselamatan bertindak segera memantau kumpulan ajaran Millah Abraham ini kerana telah sampai ke peringkat keselamatan apabila ajaran mereka memasuki peringkat penghijrahan ke Sabah dan Sarawak untuk menubuhkan daulah seperti mana yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Duduk Yang Berhormat. Saya hendak beri peluang kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Betul saya ya? Ha, okey. Sudah 10 kali saya bangun tidak dapat bercakap. Terima kasih banyak. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup menyokong bahawa masalah-masalah antara agama, sesama agama, antara agama dengan agama lain di Malaysia ini merupakan satu masalah yang serius yang cukup berbahaya, bahkan dikatakan lebih berbahaya daripada IS jika kita tidak dapat memantau dengan baik. Ini amat membimbangkan kepada negara kita Malaysia.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, mohon Yang Berhormat Menteri menyatakan apakah kita tidak mempunyai dasar atau garis panduan yang tegas, yang khusus, yang jelas bagi penceramah-penceramah atau pun pendakwah dari luar negara yang mana kita dapati contohnya, ada kalanya tajuk-tajuk ceramah boleh membawa perpecahan perpaduan antara rakyat. Itu yang pertama. Tajuknya itu. Saya tidak bercakap daripada segi penceramah, tajuknya yang boleh mengelirukan rakyat.

Kedua, terdapat juga penceramah-penceramah dari luar yang membawa fahaman yang cukup mengelirukan, yang ekstrem atau pun tidak selari dengan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pada hari ini saya agak keliru. Apabila kita belajar agama semasa kecil, cukup jelas kalau dikatakan kafir harbi itu siapa, contohnya. Cukup jelas, murtad tidak boleh. Cukup jelas, kahwin sejenis tidak boleh. Akan tetapi dengan arus perkembangan hak asasi manusia pada hari ini yang didukung dan disokong oleh parti-parti tertentu untuk mendapat undi dan kuasa, saya bimbang ini akan mempengaruhi pemikiran anak-anak muda dalam aspek-aspek agama dan ini amat berbahaya bukan sahaja daripada segi perpaduan bahkan keselamatan negara kita. Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah yang membangkitkan persoalan berkenaan dengan sejauh manakah tindakan kerajaan dalam mengawal banjiriran atau pun kemasukan penceramah-penceramah luar.

Ini saya boleh katakan bahawa sebenarnya di peringkat JAKIM, JAKIM sentiasa bekerjasama rapat dengan pihak Kementerian Dalam Negeri. Pihak Kementerian Dalam Negeri mempunyai kuasa yang mutlak dalam konteks untuk menapis penceramah-penceramah dari luar ini dan kerjasama ini sentiasa kita jalinkan.

Harus diingat, sudah banyak kita lakukan untuk memastikan tidak berlakunya kemasukan mereka yang didapati secara jelas membawa fahaman yang boleh merosakkan kerukunan dan kestabilan serta keharmonian dalam konteks negara kita.

Cuma, seperti mana Yang Berhormat Tan Sri pun sedia maklum, kita hidup dalam dunia tanpa sempadan. Sebab itulah kerjasama daripada semua pihak ini diperlukan. Kita tidak boleh mengharapkan pihak penguasa semata-mata kerana kadang-kala pemilihan tajuk itu dibuat pada saat akhir apabila telah diluluskan di peringkat Kementerian Dalam Negeri, dan penganjur yang membawa penceramah ini pula di pelbagai program susulan yang lain selalunya akan memilih tajuk-tajuk yang berasaskan kepentingan mereka. Jadi inilah antara perkara yang kita memerlukan kerjasama daripada semua pihak.

Selain daripada itu, kita juga harus ingat bahawa seperti mana yang saya sebutkan daripada awal tadi, kuasa agama ini terletak di bawah jabatan agama Islam negeri-negeri. Mereka ini juga memainkan peranan memantau secara berterusan penceramah-penceramah ini. Sebab itulah kita sering kali dengar bahawa ada senarai nama penceramah yang tidak dibenarkan masuk ke dalam negeri-negeri tertentu. Selalunya ramai orang keliru, apabila ini berlaku, dimarahnya JAKIM kerana JAKIM tidak ada kuasa pun. Ini kuasa mutlak terletak di bawah jabatan agama Islam negeri-negeri. Hak mereka, hak sultan dan hak kerajaan negeri untuk menentukan siapa yang boleh, siapa yang tidak boleh berpandukan kepada prinsip dan memastikan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah itu dipertahankan. Sebab itulah di negeri-negeri adanya pentauliahan untuk mereka mengajar di peringkat negeri melalui surat kuasa yang diberikan oleh pejabat mufti negeri masing-masing. Itu yang pertama.

Kedua, berkenaan dengan soal pelbagai ajaran yang mengelirukan. Sebenarnya berasaskan prinsip hak asasi manusia, saya perlu tegaskan di sini, bahawa kita di Malaysia, kita tidak pernah membenarkan atau pun mengiktiraf kebebasan hak asasi manusia secara mutlak sebagaimana yang di deklarasi atau pun *universal declaration of human rights*, dengan izin. Kita Malaysia, kita tidak pernah menandatangani pun kerana prinsip kita, kita memartabatkan dan menghormati hak asasi manusia tetapi hak asasi manusia yang kita definisikan mestilah batasannya adalah berpandukan pada Perlembagaan Persekutuan. Dalam konteks Perlembagaan Persekutuan, dimaktubkan secara jelas bahawa asasnya asas Islam dan kehidupan beragama. Perkara 3 itu sebagai satu asas yang penting.

Maknanya, hak asasi manusia kita dipelihara selagi mana, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak melangkaui prinsip agama Islam dan prinsip agama-agama lain. Saya rasa mana ada agama pun mengiktiraf hubungan sejenis lelaki dengan lelaki, perempuan dengan perempuan atas nama hak asasi manusia. Jadi kalau kita faham seperti ini, dengan sendirinya, apa juga fahaman, ideologi yang songsang dan juga menyeleweng, bukan sahaja menyeleweng daripada segi agama Islam tetapi juga menyeleweng daripada segi agama-agama lain sebagaimana yang dipaterikan dalam Perlembagaan kita, harus kita pertahankan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Kita ada seorang Timbalan Menteri yang betul-betul pandai dalam agama Islam. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya hendak mengucapkan tahniah atas lantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Saya hendak berterima kasih kepada Timbalan Menteri kita yang telah memberikan jawapan. Soalan saya ada kaitan dengan jawapan yang telah diberikan oleh Timbalan Menteri kita tadi, Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi.

Tadi disebut golongan Abraham ini merupakan golongan yang telah dikenal pasti dan didakwa di mahkamah, kemudian mereka adalah terdiri di kalangan anak-anak muda. Ini yang merisaukan kebajikan daripada kalangan kita di mana ajaran ini mendapat sambutan dengan secara senyap-senyap.

■1210

Biasanya orang ini Tuan Yang di-Pertua istilah Arab dengan maaf... [*Membaca sepotong hadis*] Orang suka perkara yang tidak boleh. Jadi ini perkara yang tidak boleh ini tadi orang suka. Ini satu tabiat manusia yang ada dalam sesetengah kalangan mereka. Saya juga tengok dia merupakan satu agresif. Hal yang sama saya hendak bertanya berhubung dengan hampir sama tetapi belum ternyata iaitu golongan Hizb ut-Tahrir juga ke arah yang sama. Sejauh mana kerajaan dapat pantau hal-hal begini dan seterusnya saya menjadi jawapan tadi saya melihat Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi penjelasan dengan golongan Wahabi di sini sebut sebagai golongan yang juga menyeleweng daripada ajaran Islam.

Namun penjelasan tadi mengatakan bahawa ajaran Wahabi itu termasuk dalam ajaran Ahli Sunah. Namun, saya melihat ramai lagi di kalangan cendekiawan Islam termasuk yang ada di peringkat universiti pun mengatakan ajaran ini menyeleweng dan ada yang lebih agresif mengatakan ajaran ini terkeluar daripada agama Islam. Jadi, saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki berhubung dengan keadaan ini. Kenapa dia boleh terjadi begitu sedangkan JAKIM telah memberi beberapa kali penjelasan dan juga dalam Dewan ini pun saya telah dengar beberapa kali penjelasan. Namun, tetap ada, dan sentiasa ada, sama ada di dada akhbar ataupun di laman sosial. Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat. Saya rasa perkaranya mudah sahaja. Kita perlu memahamkan rakyat kita supaya menghormati institusi. Mendaulatkan, menghormati institusi bermakna kita boleh berbeza pandangan di peringkat mana sekali pun. Orang hendak kata ini sesat kah tidak sesat kah, itu saya kira kalau kita menghormati institusi, institusi yang paling utama ialah institusi fatwa dan institusi fatwa ini terletak di bawah kuasa negeri-negeri.

Maknanya, kalau fatwa itu tidak dikeluarkan oleh mana-mana negeri di dalam negara kita ini, selagi itulah kita tidak boleh sewenang-wenangnya mengatakan orang ini sesat, orang itu sesat mengikut hawa nafsu kita. Begitu juga dalam isu tadi, saya beritahu soalan terakhir yang soalan Wahabi tadi. Saya sudah sebutkan tadi bahawa Jawatankuasa Fatwa di peringkat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agam Islam pun sudah banyak kali bersidang dan saya rasa ini perkara yang semua pun fahami bahawa kita tidak pernah mengatakan bahawa kumpulan Wahabi ialah ajaran sesat.

Dia merupakan sebahagian daripada Ahli Sunah Waljamaah. Perbezaan-perbezaan, kita ini kena belajarlah berbeza, bersedia untuk berbeza pandangan. Sebagaimana Imam Syafi'i Rahimahullah, dengan izin, menyebutkan... [*Membaca sepotong hadis*]. "*Pandangan aku benar tetapi mungkin salah. Pandangan orang lain salah tetapi mungkin benar*". *This is the principal*, dengan izin. Prinsip paling penting dalam kita berbeza pandangan ini bersetuju untuk tidak bersetuju. Masalah kita dalam konteks masyarakat umat Islam di Malaysia hari ini kadangkala kita tidak boleh bersedia untuk berbeza pandangan.

Apabila kita berpegang kepada satu-satu pandangan kita menjadi taksub dan kita fanatik dengan pandangan kita dan melihat pandangan orang lain itu dengan pandangan yang begitu lekeh sekali. Ini disebutkan oleh Allah SWT dalam al-Quran dengan izin... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] "Setiap puak itu merasakan pandangan dia sahaja yang hebat". Inilah penyakit hati yang saya kira boleh merosakkan ketenteraman.

Berkenaan dengan Hizb ut-Tahrir. Sebenarnya jelas sudah ada dua buah negeri telah memfatwakan bahawa Hizb ut-Tahrir ini menyeleweng daripada ajaran Ahli Sunah Waljamaah terutamanya Selangor dan juga Pahang. Sebab itulah saya kira, kita harus merujuk. Kalau ada kekhilafan kita tidak pasti rujuklah kepada JAKIM dan JAKIM boleh memberikan pencerahan negeri mana yang telah memfatwakan. Ada yang telah memfatwakan tetapi belum lagiewartakan. Itu konsep.

Berkenaan yang pertama tadi ajaran Milah Abraham ini. Saya rasa memang betul ramai anak muda sekarang ini terpengaruh dengan ajaran seperti ini. Sebab itulah dalam Islam yang paling mudah untuk menyesatkan orang ialah soal akidah kerana syaitan dia di peringkat Jeneral Tuan Yang di-Pertua. Dia boleh mempengaruhi dan menyesatkan orang walaupun orang itu kuat beribadah. Inilah antara perkara-perkara yang perlu diambil berat. Sebab itu kerajaan kita, untuk pengetahuan semua kita *alhamdulillah* mempunyai kerajaan yang ditunjangi oleh UMNO Barisan Nasional yang mana kerajaan ini berbanding dengan kerajaan negeri serantau, kita mengambil berat soal memartabatkan, mempertahankan akidah umat Islam.

Ini disebut dalam konteks *maqasid syariah* sebagai *hifzuddiin* menjaga akidah dan itu menjadi satu tanggungjawab pemerintah. Bukan baru-baru ini, tetapi sejak kita merdeka. Kena ingat bahawa perlembagaan UMNO fasa tiga mengatakan bahawa UMNO sebagai parti yang memperjuangkan, memartabatkan Islam dan diterjemahkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3 yang mengambil apa yang telah pun termaktub dalam perlembagaan UMNO. Asas itulah sebenarnya yang menjadikan negara kita ini stabil dalam konteks kita tidak mempunyai fahaman-fahaman yang boleh menyebabkan umat Islam ini berpecah. Kerana apa? Kerana pemerintah mengambil tanggungjawab untuk mempertahankan akidah yang benar dan mempertahankan ajaran Islam yang suci supaya tidak menjadi ekstremis ke kanan mahupun ekstremis ke kiri.

Sebab itu, dalam konteks Milah Abraham ini, untuk pengetahuan memang hampir semua negeri telah pun memfatwakan ajaran ini sesat dan saya mungkin kena terangkan jugalah berkenaan dengan ajaran kerana dia merupakan satu ajaran yang baru mendakwa wujud Rasul selepas Nabi Muhammad. Mencampuradukkan ajaran al-Quran, *Bible*, Taurat sebagai sama sahaja dan dia menyeleweng konsep siratulmustakim ini. Jalan yang lurus bagi dia, jalan yang lurus itu tidak semestinya seperti mana yang diajar dalam Islam.

Syurga, neraka ini mengikut fahaman dia pun adalah berbeza dan yang paling merbahaya kumpulan ini seperti mana yang saya sebutkan tadi kerana anggota-anggotanya sudah berbai'ah dan bai'ahnya perlu wujudkan daulah Islamiah. Itu lebih merbahaya kerana daripada ajaran yang sesat kepada soal akidah, dia membawa kepada isu-isu keselamatan. Ini yang saya sebutkan tadi Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun mengarahkan agensi-agensi keselamatan supaya memantau secara dekat ajaran ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya berharap untuk pendekatan mengatasi masalah ajaran sesat ini parti Yang Berhormat bekerjasama dengan parti UMNO. Yang Berhormat, ini soalan akhir saya kena beri kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Nur Jazlan bin Mohamed kerana semalam saya telefon beliau, saya kena cakaplah penghargaan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerana sebenarnya mereka tidak dapat hadir tetapi saya telefon kepada Yang Berhormat saya minta dia kalau boleh hadir. So, dia cakap dia akan hadir. Oleh sebab itu, kita bagilah dia soalan akhir. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

9. Datuk Chin Su Phin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh mana tahap ancaman pengaruh *Daish* telah menular di Sabah dan apakah langkah persediaan kerajaan dalam menangani isu ini kerana Sabah mempunyai risiko yang tinggi berhubung ancaman-ancaman keselamatan sebegini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua kerajaan memandangi serius berkenaan dengan isu keselamatan negara terutama daripada ancaman kumpulan pengganas termasuklah *Daish*. Saya hendak maklumkan di dalam Dewan ini bahawa sehingga 26 April 2016, pihak polis telah berjaya menangkap seramai 179 orang yang terlibat dengan elemen kumpulan pengganas *Daesh* di Malaysia.

Daripada jumlah tersebut, terdapat lima orang warga berasal dari Sabah juga terlibat dan berjaya di tahan. Kerajaan terutamanya di negeri Sabah telah mengadakan berbagai-bagai langkah untuk memastikan keselamatan Sabah terkawal. Di antaranya adalah dengan mewujudkan rangkaian kerjasama strategik dengan kementerian dan agensi kerajaan seperti Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Dalam Negeri dan juga Kementerian Pertahanan.

Kerajaan juga memperkasakan ESSCOM dengan penambahan keanggotaan dan aset-aset keselamatan serta meneruskan arahan perintah berkurung dan juga kawalan dan beroperasi berterusan di darat dan perairan oleh APMM, PDRM dan ATM diteruskan.

Kita juga menyediakan pelan pengurusan krisis sebagai persediaan berhadapan dengan sebarang ancaman keganasan, Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, sila.

■1220

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi, satu jawapan yang akan sedikit sebanyak melegakan rakyat Sabah khususnya di kawasan Pantai Timur Sabah. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Mac yang lalu Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa ancaman terhadap keselamatan yang sebelum ini terhad di kawasan Pantai Timur Sabah kini sudah merebak ke kawasan Pantai Barat Negeri ini. Beliau juga menyatakan maklumat risikan mendapati bahawa telah ada panglima-panglima dari sebuah kesultanan yang telah dilantik bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri di Sabah.

Soalan tambahan saya, adakah kerajaan sedar bahawa dengan kenyataan ini kerisauan rakyat Sabah mengenai keselamatan mereka semakin bertambah dan persepsi mereka kerajaan dalam mengendalikan isu-isu keselamatan khasnya di negeri ini semakin tidak baik. Oleh yang demikian, saya mohon kerajaan menyatakan di sini langkah yang telah diambil bagi mengurangkan kerisauan masyarakat Sabah dan memulihkan keyakinan mereka kepada kerajaan dan mengurus hal-hal keselamatan di negeri terutamanya daripada ancaman pengganas dan ancaman dari luar. Sekian, terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan itu memang sebenarnya memang relevan dalam segala tindakan yang diambil oleh kerajaan menangani masalah keselamatan dalam negara. Saya telah maklumkan tadi bahawa kita telah menangkap lima orang dari Sabah yang sebenarnya berkaitan dengan aktiviti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu aktiviti untuk meluaskan pengaruh Sulu ini di daerah di Sabah. Kita berjaya menangkap lima orang ini dan juga sedang menyiasat banyak lagi mereka yang terlibat kerana pengumpulan maklumat risikan kita amat mendalam di Negeri Sabah. Kita juga sentiasa berwaspada mengenai tindakan kumpulan pengganas Sulu ini kerana mereka telah pernah menyerang negara kita dan juga mengacau kedaulatan negara kita.

Jadi antara langkah-langkah yang boleh diambil selepas ini adalah untuk mengadakan kerjasama erat Agensi Perisikan Sahabat dalam kerajaan untuk memastikan bahawa maklumat di kongsi dan juga tindakan lanjut diambil dengan segera. Selain itu, kita menjalin kan kerjasama dengan semua agensi dengan jabatan kerajaan, swasta, NGO, parti politik dan segenap lapisan masyarakat bagi mengekang pengaruh kumpulan pengganas. Sesungguhnya dengan kesatuan, semua pihak ini maka pihak-pihak pengganas yang berniat untuk hendak mengganggu gugat keselamatan negara ini akan dapat di kekang lebih awal dan kita boleh menamatkan hasrat mereka untuk menimbulkan kekacauan di negeri Sabah dan seterusnya mengganggu gugat keselamatan di negeri Sabah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekian sahaja soalan-soalan jawab lisan pada hari ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri

12.24 tgh.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pentadbiran dan pembubaran syarikat dan perbadanan dan bagi perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pengenalan Rang Undang-undang Syarikat yang dicadangkan ini adalah bertujuan untuk menggantikan dan memansuhkan Akta Syarikat 1965, Akta 125. Akta 125 ini merupakan satu salah satu akta yang ditadbir dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan telah mula dikuatkuasakan pada tahun 1966. Memandangkan usia Akta 125 ini yang telah menjangkau 50 tahun, terdapat keperluan untuk memperkenalkan dasar-dasar serta prosedur baru selaras dengan perkembangan ekonomi dan sektor korporat negara serta arus globalisasi masa kini.

KPDNKK melalui SSM telah memulakan program semakan semula undang-undang syarikat dengan menubuhkan Jawatankuasa Semakan Semula Undang-undang Korporat atau *Corporate Law Reform Committee* (CLRC) pada 17 Disember 2003. Objektif penubuhan CLRC ialah untuk mengkaji semula secara komprehensif rangka perundangan syarikat negara sejajar dengan perkembangan semasa ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih dinamik, kondusif dan kompetitif. CLRC dianggotai oleh 25 orang ahli yang mewakili sektor awam dan sektor swasta dari pelbagai bidang kepakaran yang terdiri daripada wakil badan pengawal selia, ahli akademik, pengamal undang-undang, akauntan dan pengamal kesetiausahaan syarikat.

CLRC telah dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Datuk Karam ChandVohrah, mantan Hakim Mahkamah Rayuan Malaya. Sebagai sebahagian daripada proses konsultasi yang menyeluruh untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada pihak-pihak berkepentingan dan masyarakat awam, CLRC telah menerbitkan sejumlah dua buah belas Kertas Konsultasi yang meliputi pelbagai aspek perundangan syarikat bermula daripada konsep, prosedur, penubuhan dan pendaftaran, pengurusan dan pentadbiran sehinggalah penggulangan sesebuah syarikat. Hasil daripada proses konsultasi tersebut, CLRC menerima maklum balas yang amat positif daripada badan pengawal selia, badan-badan profesional, dewan perniagaan, ahli-ahli akademik, syarikat-syarikat korporat, bank-bank, pengamal undang-undang, pengamal kesetiausahaan syarikat serta orang perseorangan.

Setiap maklum balas yang diterima telah diteliti untuk memastikan cadangan atau pandangan yang diterima diberi pertimbangan sewajarnya. CLRC telah memuktamadkan kajian semakan semula tersebut dengan menyerahkan laporan akhir atau *final report* kepada SSM pada 20 Oktober 2008 yang mengandungi 188 cadangan yang menyentuh pelbagai aspek perundangan syarikat bermula daripada pemodenan proses pemerbadanan, penambahbaikan tadbir urus korporat, pengenalan mekanisme untuk membantu syarikat yang menghadapi masalah kewangan sehinggalah pengukuhan kepada prosedur penggulangan dan penutupan syarikat.

Setelah kajian dan perbincangan lanjut dibuat, SSM menerima 183 cadangan yang dirumuskan menjadi 19 kenyataan polisi. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 18 Jun 2010 mengambil maklum akan keterangan bahawa 19 kenyataan polisi atau *policy statement* tersebut merupakan asas kerangka am ke aras merumuskan Rang Undang-undang Syarikat yang baru bagi menggantikan akta sedia ada yang terlalu lama dan *rigid*.

Selepas itu, proses penggubalan rang undang-undang syarikat telah dimulakan berdasarkan 19 kenyataan polisi tersebut. Pada masa yang sama, SSM telah menubuhkan satu lagi jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Konsultatif Isu-isu Perakaunan (AICC) untuk menyemak semula dan menyelaraskan perkara-perkara yang berkaitan peruntukan perakaunan yang terkandung dalam Akta Syarikat 1965 dan piawaian perakaunan yang diluluskan dan yang diguna pakai.

SSM juga telah menjalankan satu rundingan awam pada tahun 2011 berkenaan isu pengenalan rejim tiada nilai par atau *no-par value regime* serta peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan perkara ini. Selanjutnya, satu proses semakan gubalan secara komprehensif draf Rang Undang-undang Syarikat yang disediakan oleh SSM dilaksanakan dengan Bahagian Gubalan Jabatan Peguam Negara dan Bahagian Undang-undang KPDNKK dan pegawai-pegawai SSM.

■1230

Draf Rang Undang-undang Syarikat yang telah disemak ini kemudiannya telah didedahkan kepada awam untuk proses konsultasi selama enam minggu bermula dari 2 Julai 2013 hingga 10 Ogos 2013. Sesi perbincangan tertutup juga telah diadakan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan seperti agensi kerajaan, badan pengawal selia, badan profesional, kesatuan industri dan perdagangan.

Di samping itu, pihak SSM turut menerima maklum balas daripada pihak berkepentingan lain termasuk peguam, juruaudit, setiausaha syarikat, pegawai syarikat dan orang perseorangan. Maklum balas yang diterima daripada pihak-pihak berkenaan telah diteliti oleh pihak SSM dan telah diterima pakai di mana yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan kajian menyeluruh yang disokong oleh proses konsultasi yang komprehensif, Rang Undang-undang Syarikat yang dicadangkan ini menyediakan sebuah kerangka perundangan moden untuk komuniti perniagaan di Malaysia. Rang undang-undang ini akan menghapuskan prosedur-prosedur lapuk serta mengurangkan kos pematuhan melalui konsep pemudahcaraan atau *simplification of laws and deregulatory measures*.

Di samping itu, rang undang-undang ini juga bersifat maju ke hadapan dengan mengambil kira perkembangan dan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang akan memudahkan lagi pengurusan sesebuah syarikat. Secara keseluruhannya, rang undang-undang ini akan membantu komuniti perniagaan terutamanya industri kecil dan sederhana (IKS) untuk lebih berdaya saing tanpa berkompromi dengan keperluan tadbir urus korporat yang teguh dan telus.

Apa yang saya sebut ini Tuan Yang di-Pertua bukan bermakna tidak payah kita *debate* lagi tapi hendak menjelaskan bahawa ia adalah merupakan suatu yang merangkumi kesemua dan mengambil masa yang begitu panjang untuk kita bawa ke Dewan ini. Antara ciri-ciri penting terkandung dalam Rang Undang-undang Syarikat adalah seperti berikut:

- (i) memperkenalkan kerangka perundangan baru yang terpakai ke atas semua syarikat;
- (ii) memudahkan undang-undang dan prosedur untuk syarikat-syarikat berdasarkan perbezaan persendirian atau awam;
- (iii) menghapuskan halangan dan permudahkan syarikat persendirian untuk berkembang dan bersaing;
- (iv) memberikan akses mudah untuk pemerbadanan termasuk memperkenalkan konsep syarikat yang dianggotai oleh seorang ahli dan ahli tersebut juga boleh menjadi pengarah, *single member single director*;
- (v) menyingkirkan halangan kepada proses pemerbadanan dengan memperkenalkan proses yang lebih mudah;

- (vi) memperkenalkan pelbagai peraturan baru bagi mempermudah pematuhan bagi syarikat persendirian termasuk menghapuskan keperluan mengadakan mesyuarat agung tahunan, sebaliknya menggunakan prosedur ketetapan bertulis bagi tujuan membuat keputusan;
- (vii) mempertingkatkan lagi tadbir urus korporat (*corporate governance*) dan kawalan dalaman bagi penambahbaikan pengurusan syarikat secara keseluruhannya;
- (viii) memperkenalkan rejim tiada nilai par (*no-par value regime*);
- (ix) memperkenalkan peruntukan baru mengenai saham dan penyelenggaraan modal bagi memudahkan pelaksanaan korporat supaya lebih anjal;
- (x) memperkenalkan skim rehabilitasi syarikat berbentuk penyusunan korporat secara sukarela (*corporate voluntary arrangement*) dan pengurusan kehakiman (*judicial management*) untuk memulihkan syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan; dan
- (xi) menambah baik sistem tatacara pendaftaran gadaian dengan memperbaiki prosedur dan proses yang terlibat.

Rang undang-undang ini mencadangkan lima bahagian yang dipecahkan kepada 620 seksyen serta 13 Jadual seperti yang berikut.

Bahagian I. Bahagian ini menerangkan tajuk ringkas permulaan kuat kuasa dan tafsiran.

Bahagian II. Bahagian ini menerangkan ciri-ciri berkenaan penubuhan dan pentadbiran sebuah syarikat. Bahagian ini terdiri daripada 10 penggal.

Penggal 1 mengandungi peruntukan bekalan berkaitan ciri-ciri utama suatu syarikat serta jenis-jenis syarikat yang boleh diperbadankan di bawah akta yang dicadangkan. Suatu syarikat boleh diperbadankan sebagai syarikat berhad menurut syer, syarikat berhad menurut jaminan atau syarikat tidak berhad. Penggal ini juga menjelaskan bahawa suatu syarikat berhad menurut syer dan syarikat tidak berhad hendaklah sama ada suatu syarikat persendirian atau syarikat awam, manakala suatu syarikat berhad menurut jaminan hendaklah merupakan suatu syarikat awam.

Penggal 2 mengandungi peruntukan berkenaan pemerbadanan sesebuah syarikat dan kesannya. Penggal ini menerangkan bahawa suatu syarikat boleh diperbadankan oleh sekurang-kurangnya satu anggota dengan mematuhi keperluan-keperluan pendaftaran yang ditetapkan. Setelah diperbadankan, suatu syarikat merupakan suatu entiti perundangan yang berasingan dengan ahlinya, *separate legal entity* yang berkekalan atau *perpetual succession* serta diberikan kapasiti tidak terhad, *unlimited capacity* untuk menjalankan apa-apa aktiviti yang sah di sisi undang-undang. Ini termasuk kuasa untuk mengambil tindakan undang-undang atau diambil tindakan undang-undang, kuasa untuk memiliki dan menjual aset dan hartanah serta memasuki sebarang transaksi yang dibolehkan mengikut perundangan.

Penggal 3 mengandungi peruntukan berkenaan sekatan ke atas anak syarikat daripada menjadi anggota syarikat pemegangnya kecuali dalam keadaan di mana anak syarikat tersebut menjalankan aktiviti sebagai peniaga sekuriti atau *participating dealer* yang dibenarkan di bawah *exchange credit fund* yang dikeluarkan di bawah Akta Perkhidmatan Pasaran Modal 2007.

Penggal 4 merangkumi peruntukan berkenaan nama suatu syarikat termasuk nama yang dibenarkan untuk digunakan serta proses kelulusan nama. Penggal ini juga turut menerangkan bahawa orang ramai juga boleh memilih untuk membuat permohonan penyimpanan nama atau *name reservation* sekiranya ada keperluan berbuat demikian.

Penggal 5 mengandungi peruntukan berkenaan Perlembagaan Syarikat di mana syarikat mempunyai pilihan untuk mempunyai Perlembagaan.

Penggal ini juga menerangkan kesan serta keperluan yang perlu dipatuhi sekiranya sesuatu syarikat memilih untuk mempunyai Perlembagaan termasuk prosedur untuk meminda atau mengubah Perlembagaan tersebut. Penggal ini juga menjelaskan keperluan syarikat berhad menurut jaminan untuk mempunyai Perlembagaan serta perkara-perkara yang perlu dimuatkan dalam Perlembagaan tersebut.

Penggal 6 merangkumi peruntukan berkenaan penukaran status suatu syarikat tidak terhadap kepada syarikat berhad serta penukaran status syarikat persendirian kepada syarikat awam dan sebaliknya.

Penggal 7 mengandungi peruntukan yang terpakai kepada jenis syarikat tertentu. Penggal ini memberikan takrifan syarikat persendirian dan sekatan yang terpakai kepada syarikat persendirian dalam menawarkan saham atau deposit kepada pihak awam serta keadaan di mana pengecualian diberikan. Penggal ini juga menjelaskan bahawa penubuhan syarikat menurut jaminan hanya boleh ditubuhkan untuk tujuan tertentu sahaja termasuk bagi menggalakkan perdagangan dan industri, sains, kebajikan serta apa-apa tujuan yang memberi manfaat kepada masyarakat dan negara. Apa-apa keuntungan yang diperoleh hendaklah digunakan untuk tujuan tersebut.

Penggal 8 memperkatakan perkara-perkara berhubung pejabat berdaftar dan daftar-daftar yang perlu disimpan. Penggal ini menerangkan kewajipan syarikat untuk mempunyai pejabat berdaftar yang perlu dibuka sewaktu masa perniagaan serta kewajipan untuk menyimpan daftar dan dokumen.

■1240

Penggal ini juga membolehkan orang awam memeriksa dan meminta sesalinan daftar dan dokumen tertentu yang disimpan oleh syarikat. Penggal ini turut menerangkan keperluan syarikat untuk memaklumkan kepada pendaftar, butiran dan perubahan terhadap daftar-daftar tertentu seperti daftar anggota syarikat dan daftar pegawai dan setiausaha syarikat. Penggal ini juga menerangkan kuasa syarikat untuk meminta maklumat berhubung pemegangan saham termasuk kepentingan *beneficial* atas inisiatif sendiri atau atas arahan Pendaftar Suruhanjaya Sekuriti atau Bursa Saham.

Penggal 9 menerangkan peruntukan berkenaan penyempurnaan dokumen dan kontrak termasuk penyempurnaan dokumen menggunakan meterai syarikat atau *company seal* sekiranya ada.

Penggal 10 mengandungi peruntukan berkenaan penyata tahunan yang perlu diserahkan oleh syarikat setiap tahun dalam tempoh 30 hari daripada tarikh ulang tahun pemerbadanannya.

Bahagian III menerangkan perkara-perkara berkenaan pengurusan dan pentadbiran sebuah syarikat dan terbahagi kepada lapan penggal seperti yang berikut.

Penggal 1, Bahagian III ini mengandungi peruntukan berkenaan syer dan pengkalan modal dan terbahagi kepada 11 subpenggal. Subpenggal 1 menerangkan jenis-jenis syer yang boleh diterbitkan oleh syarikat serta hak-hak yang terikat dengan syer tersebut termasuk hak untuk mengundi, mendapatkan dividen atau lebih aset.

Subpenggal 1 ini juga memperkenalkan konsep *regime* syer tanpa nilai tara atau *no par value regime* yang melupakan konsep nilai nominal untuk sesuatu syer yang dikeluarkan. Subpenggal ini memberi kuasa kepada pengarah untuk menumpukan syer kepada kebenaran syarikat dan keperluan untuk mendaftarkan menumpukan tersebut dalam daftar anggota dalam tempoh 14 hari.

Seterusnya subpenggal ini juga memperkatakan perkara-perkara berhubung bayaran dan pelucutan hak syer sekiranya bayaran tidak dibuat dalam tempoh yang ditetapkan. Subpenggal ini juga memberikan kuasa kepada syarikat untuk mengubah hak berkaitan sesuatu kelas syer dan prosedur yang berkaitan termasuk hak yang membolehkan pemegang syer mendapatkan perintah mahkamah untuk tidak membenarkan perubahan hak berkaitan syer.

Subpenggal 2 menerangkan bahawa syarikat tidak lagi diwajibkan untuk mengeluarkan Sijil Syer dan daftar anggota merupakan keterangan *prima facie* berhubung hak milik pemegang syer di dalam sesebuah syarikat. Subpenggal ini juga menerangkan tanggungjawab setiausaha untuk menyelenggarakan daftar anggota bagi memastikan keperluan yang berkaitan dipatuhi. Seterusnya subpenggal ini juga memperkatakan perkara-perkara yang berhubung prosedur pindah milik saham termasuk pindah milik akibat kematian atau kebangkrapan.

Subpenggal 3, 4 dan 5 pula menerangkan perkara-perkara berkaitan penyataan kesolvenan atau syarat dan prosedur yang perlu dipatuhi oleh pengarah untuk menjalankan pelaksanaan korporat yang melibatkan pengurangan modal syer atau *reduction of share capital*. Penebusan syer keutamaan (*redemption of preference shares*), bantuan kewangan (*financial assistance*) dan pembelian balik syer (*share buyback*).

Subpenggal 6 pula menerangkan kuasa syarikat untuk membayar dividen setelah memenuhi ujian konsolvenan yang memerlukan syarikat untuk berkebolehan membayar hutang apabila tiba masanya dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh dividen dibayar.

Subpenggal 7 ini pula memperkatakan perkara-perkara berhubung pemegang *substantial* keperluan pemegang syer *substantial* untuk memaklumkan kepada syarikat sekiranya pemegang syer tersebut berhenti menjadi atau terdapat pertukaran kepentingan pemegang syer ataupun pemegang syer *substantial* tersebut. Pada masa yang sama keperluan untuk memaklukkannya kepada pendaftar.

Subpenggal 8 pula memperuntukkan perkara berhubung *central depository system* yang merekodkan pemilikan serta pindah milik saham syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham. Subpenggal 8 ini juga menjelaskan rekod pendeposit yang disimpan di bawah *central depository system* ini dianggap sebagai keterangan *prima facie* berhubung pemilikan syer di dalam syarikat yang berkenaan.

Subpenggal 9 pula memperkatakan perkara-perkara berhubung prospektus dan keperluan yang berkaitan yang perlu dipatuhi termasuk keperluan kelulusan dan pendaftaran oleh sesebuah kelab rekreasi yang tidak disenaraikan atau *unlisted recreational club* sekiranya berhasrat untuk menawarkan syer mereka kepada pihak awam.

Subpenggal 10 pula memperihalkan keperluan yang perlu dipatuhi oleh syarikat yang mengeluarkan debentur.

Subpenggal 11 pula memperkatakan perkara berhubung sekatan ke atas pengumpulan dan permulaan perniagaan bagi syarikat yang didaftarkan sebagai syarikat berhad.

Penggal 2, Bahagian III pula memperuntukkan perkara-perkara berkenaan dengan anggota, pengarah dan pegawai syarikat dan terbahagi kepada empat subpenggal.

Subpenggal 1 memperuntukkan perkara berhubung anggota syarikat termasuk hak dan liabiliti sebagai anggota dalam keadaan tertentu. Subpenggal 1 juga memperuntukkan hak anggota untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat dan memberikan syor pada Lembaga Pengarah untuk kebaikan syarikat.

Subpenggal 2 pula memperihalkan perkara-perkara berkaitan pengarah termasuk keperluan untuk melantik sekurang-kurangnya seorang pengarah untuk syarikat persendirian dan dua orang pengarah untuk syarikat awam. Subpenggal ini juga memperkatakan orang-orang yang dianggap berkaitan dengan seorang pengarah, syarat dan kelayakan sebagai pengarah termasuk hak minimum umur serta kuasa pendaftar untuk menghalang seseorang daripada dilantik sebagai pengarah. Subpenggal 2 ini juga memperihalkan prosedur pelantikan, pemecatan dan persaraan seseorang pengarah dan keadaan apabila terdapat kekosongan dalam jawatan pengarah.

Subpenggal 3 memperuntukkan perkara-perkara berhubung tugas dan tanggungjawab pengarah termasuk keperluan untuk menjalankan tugas demi kepentingan syarikat serta larangan untuk menggunakan kedudukan sebagai pengarah untuk kebaikan dirinya atau orang lain. Subpenggal 3 ini juga menggariskan keperluan untuk menzahirkan kepentingan sebagai pengarah dalam keadaan tertentu seperti ketika berkontrak dengan syarikat. Pengarah juga dikehendaki untuk mendapatkan kebenaran pemegang syer dalam penjualan aset syarikat yang melebihi had yang ditetapkan.

Subpenggal ini juga melarang syarikat awam untuk melakukan apa-apa pengiraan atau transaksi dengan pengarah, pemegang syer *substantial* atau orang-orang yang mempunyai kaitan dengan mereka tanpa mendapat kebenaran pemegang syer terlebih dahulu. Subpenggal 3 ini juga memperuntukkan supaya fi pengarah sebuah syarikat awam diluluskan oleh pemegang syer dan mana-mana kontrak pengarah tersebut dengan syarikat hendaklah ditempatkan di pejabat berdaftar untuk pemeriksaan oleh pemegang syer yang mempunyai sekurang-kurangnya 5 peratus jumlah modal berbayar.

Subpenggal 4 pula memberikan peruntukan berkenaan setiausaha syarikat yang merangkumi keperluan pelantikan setiausaha bagi setiap syarikat, kuasa lembaga pengarah untuk melantik setiausaha, peletakan jawatan dan pemecatan serta larangan untuk membiarkan jawatan setiausaha kosong melebihi 30 hari. Subpenggal ini juga menghendaki mana-mana orang yang lain bertindak sebagai setiausaha untuk mendaftar dengan pendaftar sebelum membolehkan mereka dilantik sebagai setiausaha syarikat.

Penggal 3, Bahagian III ini mengandungi peruntukan berkenaan dengan akaun dan audit dan terbahagi kepada dua subpenggal.

Subpenggal 1 memperuntukkan perkara berhubung keperluan pengarah untuk menyediakan penyata kewangan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan. Subpenggal ini juga menerangkan keperluan syarikat untuk menyimpan rekod perakaunan dan dokumen yang berkaitan bagi membolehkan penyata kewangan disediakan dan diaudit. Subpenggal ini juga memerlukan penyata kewangan diluluskan oleh lembaga pengarah dan menyatakan bahawa penyata kewangan telah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan dan telah memberikan gambaran yang benar dan saksama atau *true and fair view* berhubung kedudukan dan prestasi kewangan syarikat.

Subpenggal ini juga menerangkan keperluan pengarah untuk menyediakan laporan pengarah seperti mana yang ditentukan dalam Jadual Kelima. Seterusnya subpenggal ini juga memerlukan pengarah untuk mengedarkan penyata kewangan beraudit kepada ahli syarikat dalam tempoh masa yang ditentukan serta menyerah simpan penyata kewangan tersebut dengan pendaftar.

Subpenggal 2 pula memperuntukkan perkara berhubung Juruaudit yang merangkumi kelayakan dan syarat pelantikan sebagai Juruaudit serta keperluan untuk mendaftar dengan pendaftar.

■1250

Subpenggal ini juga menggariskan tugas dan tanggungjawab serta hak dalam menjalankan tugas sebagai juruaudit. Subpenggal ini mewajibkan setiap syarikat untuk melantik juruaudit bagi setiap tahun kewangan tetapi memberikan kuasa kepada pendaftar untuk mengecualikan mana-mana syarikat persendirian daripada keperluan ini berdasarkan syarat dan terma yang ditentukan oleh pendaftar. Subpenggal ini juga menggariskan prosedur yang berbeza dalam pelantikan juruaudit dalam sesebuah syarikat persendirian, berbanding syarikat awam berdasarkan cadangan yang tidak mewajibkan syarikat persendirian untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan. Subpenggal ini turut memperuntukkan perkara-perkara berhubung peletakan jawatan, pemecatan juruaudit serta keperluan untuk memaklumkan pendaftar berhubung perkara tersebut.

Penggal 4 mengadakan peruntukan berkenaan tanggug rugi dan insurans bagi pegawai syarikat termasuk pengarah dan juruaudit.

Penggal 5 mengandungi peruntukan berkenaan tatacara mesyuarat dan ketetapan syarikat serta perkara-perkara yang berkaitan dan terbahagi kepada sembilan subpenggal.

Subpenggal 1 menjelaskan bagaimana ketetapan syarikat persendirian boleh diluluskan dalam mesyuarat anggota syarikat atau secara edaran, manakala ketetapan syarikat berhad hanya boleh diluluskan dalam mesyuarat anggota. Subpenggal ini juga menggariskan jenis-jenis ketetapan dan prosedur untuk meluluskan sesuatu ketetapan.

Subpenggal 2 memperuntukkan perkara-perkara berhubung ketetapan bertulis yang hanya terpakai kepada syarikat persendirian dan prosedur yang berkaitan.

Subpenggal 3 pula memperuntukkan perkara-perkara berhubung prosedur meluluskan ketetapan dalam mesyuarat anggota.

Subpenggal 4 menjelaskan perkara-perkara berhubung notis mesyuarat termasuk tempoh notis, perkara-perkara yang hendak dimasukkan ke dalam notis serta perkara berkaitan.

Subpenggal 5 pula memperkatakan perkara berhubung prosedur mesyuarat termasuk mengadakan mesyuarat melebihi dari satu tempat pelantikan pengerusi mesyuarat dan hak perwakilan bagi menghadiri mesyuarat.

Subpenggal 6 menjelaskan perkara-perkara berhubung pelantikan proksi serta hak mereka ketika menghadiri mesyuarat.

Subpenggal 7 pula menyentuh perkara-perkara berhubung mesyuarat kelas sesuatu syer.

Subpenggal 8 memberi penjelasan berhubung keperluan syarikat awam untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan serta perkara-perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut.

Subpenggal 9 pula menjelaskan kewajipan untuk menyimpan rekod ketetapan dan perjalanan mesyuarat yang menjadi bukti bahawa keputusan berhubung sesuatu ketetapan itu telah dibuat atau sebaliknya.

Penggal 6 mengandungi peruntukan berkenaan dengan remedi yang menjelaskan peraturan berhubung penindasan hak atau *operation* seseorang pemegang syer serta pemakaian tindakan *derivative statutory* atau *statutory derivative action* oleh pihak-pihak tertentu.

Penggal 7 memberikan penjelasan berhubung gadaian, perkiraan dan penyusunan semula dan penerimaan serta terbahagi kepada tiga subpenggal.

Subpenggal 1 menjelaskan keperluan syarikat untuk memaklumkan kepada pendaftar berhubung butiran gadaian yang dibuat oleh syarikat dalam tempoh tertentu untuk tujuan pendaftaran. Subpenggal ini juga memperincikan jenis-jenis gadaian yang perlu didaftarkan serta keperluan untuk memaklumkan kepada pendaftar terhadap sebarang perubahan berkaitan gadaian yang telah didaftarkan termasuk penyelesaian gadaian tersebut.

Subpenggal 2 pula menjelaskan perkara-perkara berhubung perkiraan dan penyusunan semula atau *arrangement and reconstruction* dengan memberikan kuasa kepada mahkamah untuk meluluskan pelan perkiraan atau penyusunan semula yang dipersetujui oleh syarikat, anggota-anggota dan pemiutangnya. Subpenggal ini memberikan kuasa kepada mahkamah untuk memberi tempoh tidak melebihi tiga bulan bagi menjayakan pelan yang dicadangkan.

Subpenggal 3 pula memberikan peruntukan berhubung penerima atau penerima dan pengurus (*receiver or receiver and manager*). Subpenggal ini menjelaskan kelayakan dan kategori orang-orang yang boleh dilantik sebagai penerima atau penerima dan pengurus serta cara-cara pelantikan. Subpenggal ini juga menjelaskan keperluan untuk memaklumkan kepada pendaftar berhubung pelantikan penerima atau penerima dan pengurus serta obligasi mereka untuk menyerah simpanan penyata hal ehwal syarikat dalam tempoh tertentu. Subpenggal ini juga memberikan kuasa kepada penerima atau penerima dan pengurus seperti mana yang ditetapkan dalam Jadual Keenam.

Penggal 8 memperkenalkan peruntukan-peruntukan alternatif bagi menyelamatkan syarikat korporat yang mengalami masalah kewangan, tetapi mempunyai perniagaan yang berdaya maju dan terbahagi kepada dua subpenggal.

Subpenggal 1 memperuntukkan perkara-perkara berhubung penyusunan korporat secara sukarela atau *corporate voluntary arrangement* yang tidak terpakai kepada syarikat yang dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia atau tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Pasaran Modal 2007, atau syarikat yang mempunyai gadaian terhadap hartanya.

Subpenggal 1 menjelaskan kategori pemohon yang dibolehkan untuk mencadangkan penyusunan korporat secara sukarela ini. Subpenggal ini juga menjelaskan keperluan pelantikan *nominee* yang perlu memberikan pandangan berhubung sesuatu cadangan penyusunan korporat. Cadangan ini perlu dipersetujui oleh sekurang-kurangnya 75 peratus daripada keseluruhan pemegang sebelum ia boleh dilaksanakan.

Subpenggal 2 pula menjelaskan perkara-perkara berhubung pengurusan kehakiman atau *judicial management* yang membolehkan syarikat yang menghadapi kesukaran untuk membayar hutang memohon kepada mahkamah untuk membaik pulih kedudukan kewangannya. Subpenggal ini memberikan kuasa kepada mahkamah untuk melantik pengurus kehakiman untuk mencadangkan pelan penyelamat yang boleh dipersetujui oleh syarikat, anggota-anggota dan pemegangnya. Subpenggal ini turut menggariskan orang yang boleh dilantik sebagai pengurus kehakiman, tugas dan tanggungjawabnya serta prosedur yang berkaitan. Dalam kedua-dua keadaan sama ada syarikat memilih untuk penyusunan korporat secara sukarela atau pengurusan kehakiman, tiada tindakan dibenarkan untuk menggulung syarikat terbabit.

Bahagian IV. Secara umumnya Bahagian IV menjelaskan perkara-perkara berhubung pemberhentian sesebuah syarikat melalui proses penggulungan atau pembatalan nama syarikat daripada daftar. Bahagian ini terbahagi kepada empat penggal seperti berikut.

Penggal 1 menjelaskan perkara-perkara berhubung penggulungan secara wajib atau secara sukarela dan terbahagi kepada sembilan subpenggal.

Subpenggal 1 menerangkan perkara-perkara asas proses penggulungan termasuk kaedah penggulungan yang boleh digunakan, pihak yang boleh memohon supaya sesebuah syarikat boleh digulung serta syarat dan kelayakan yang perlu dipatuhi sebelum seseorang boleh dilantik sebagai penyelesai atau penyelesai sementara.

Subpenggal 2 memperincikan hal-hal berkaitan penyumbang atau *contributories* yang bertanggungjawab terhadap liabiliti syarikat sekiranya digulung. Subpenggal ini juga menjelaskan bahawa sekiranya penyumbang itu merupakan seorang yang bankrap, maka pemegang amanahnya akan bertanggungjawab terhadap liabilitinya.

Subpenggal 3 menjelaskan perkara-perkara berhubung penggulungan syarikat secara sukarela termasuk yang disebabkan berlaku sesuatu keadaan yang sekiranya syarikat tersebut telah meluluskan ketetapan untuk digulung. Sub penggal ini juga menerangkan bahawa kesan penggulungan secara sukarela syarikat tersebut hendaklah berhenti daripada menjalankan perniagaan daripada tarikh permulaan penggulungan itu.

Subpenggal 4 menjelaskan perkara-perkara berhubung penggulungan sukarela oleh anggota. Sub penggal ini menjelaskan prosedur berhubung pelantikan atau pemecatan penyelesai dan setelah pelantikan penyelesai dibuat, kuasa pengarah hendaklah terhenti kecuali dengan kebenaran mesyuarat anggota dan dibenarkan oleh penyelesai. Subpenggal ini juga meletakkan obligasi kepada penyelesai untuk mengadakan mesyuarat dengan pemegang sekiranya syarikat tersebut menjadi tidak *solvent*.

Subpenggal 5 menerangkan perkara berkaitan dengan penggulungan sukarela oleh pemegang. Subpenggal ini menjelaskan tugas pengarah untuk melantik penyelesai sementara setelah membuat deklarasi bahawa syarikat telah menjadi tidak *solvent* dan mesyuarat dengan pemegang telah diadakan. Subpenggal ini juga menjelaskan bahawa syarikat dan pemegang masing-masingnya boleh mencadangkan penyelesai yang boleh dilantik.

Subpenggal 6 menerangkan perkara-perkara yang terpakai dalam semua kaedah penggulungan termasuk pembahagian harta, pelantikan dan pemecatan penyelesai oleh mahkamah, kuasa penyelesai seperti yang diperuntukkan dalam Jadual Kesebelas, keperluan untuk mengadakan mesyuarat tahunan sekiranya proses penggulungan itu telah melebihi satu tahun serta kuasa mahkamah untuk meminda apa-apa persetujuan yang telah dipersetujui oleh syarikat.

Subpenggal 7 menjelaskan perkara-perkara berhubung penggulangan oleh mahkamah. Antaranya, subpenggal 7 menjelaskan pihak yang boleh mengemukakan petisyen penggulangan kepada mahkamah termasuk syarikat penyumbang, pemiutang atau penyelesaian serta pihak-pihak lain dalam keadaan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri ...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Bersambung balik jam 2.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan berhenti berehat. Dewan ditangguhkan dan akan bersambung semula pada jam 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.00 tengah hari.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan saya nampak Yang Berhormat Menteri sudah ada di sini. Jadi, dengan itu saya minta Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Dato' Hamzah menyambung ucapan. Sila.

2.32 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung semula pembentangan Rang Undang-undang Akta Syarikat ini dengan saya mulakan kembali kepada Bahagian IV, Penggal 1, subpenggal 7.

Subpenggal 7 menjelaskan perkara-perkara berhubung penggulangan oleh mahkamah. Antaranya, subpenggal 7 menjelaskan pihak yang boleh mengemukakan petisyen penggulangan kepada mahkamah termasuk syarikat, penyumbang, pemiutang atau penyelesaian serta pihak-pihak lain dalam keadaan tertentu. Subpenggal 7 juga menggariskan keadaan yang membolehkan syarikat digulung oleh mahkamah serta memberikan takrifan ketidakupayaan membayar hutang.

Subpenggal 7 ini juga menjelaskan kuasa-kuasa mahkamah berkaitan prosiding penggulangan, termasuk kuasa untuk menangguh atau menyekat prosiding. Subpenggal 7 juga memperkenalkan konsep pelupusan yang dikecualikan atau *exempt disposition* seperti mana yang ditentukan dalam Jadual Kedua Belas yang membolehkan penyelesaian melakukan perkara-perkara yang perlu dalam mentadbir penggulangan syarikat tanpa perlu memperoleh kebenaran mahkamah terlebih dahulu.

Subpenggal 8 menjelaskan peruntukan berkaitan penyelesaian dalam penggulangan oleh mahkamah, termasuk kuasa untuk melantik penyelesaian sementara sebelum perintah penggulangan dikeluarkan. Subpenggal ini juga memberikan kuasa mahkamah untuk menentukan fi yang perlu dibayar kepada penyelesaian serta kuasa untuk melucutkan jawatan penyelesaian. Subperenggan ini juga menjelaskan obligasi dan kuasa penyelesaian dalam menjalankan tugasnya.

Subpenggal 9 menerangkan kuasa-kuasa am mahkamah dalam penggulangan oleh mahkamah, termasuk kuasa untuk menangguhkan penggulangan, menentukan tarikh bagi pemiutang mengemukakan bukti keberhutangan, kuasa untuk memanggil mana-mana orang yang berkaitan dengan pentadbiran syarikat, termasuk kuasa untuk mengakibatkan mana-mana pengarah atau penyumbang yang lari daripada tanggungjawab untuk ditangkap serta kuasa untuk menamatkan penggulangan.

Penggal 2 menjelaskan perkara-perkara am yang terpakai kepada semua jenis penggulangan dan terbahagi kepada empat subpenggal.

Subpenggal 1 memperincikan keperluan yang perlu dipatuhi oleh penyelesaian dalam menguruskan kewangan syarikat, termasuk pelaburan yang boleh dibuat, keperluan untuk mengemback aset yang tidak dituntut kepada pegawai penerima serta obligasi penyelesaian untuk menyimpan buku dan kertas serta minit prosiding mesyuarat yang diadakan. Obligasi penyelesaian untuk menyerah simpan notis pelantikan dengan pendaftar serta pegawai penerima serta kenyataan berhubung bayaran, butiran dan status penggulangan dalam tempoh yang ditetapkan.

Subpenggal 2 pula memperuntukkan perkara-perkara berhubung bukti keberhutangan dan kedudukan hutang, termasuk hak dan tugas pemiutang bercagar berkaitan harta syarikat yang dicagarkan. Subpenggal 2 juga menjelaskan hak dan tanggungjawab pemiutang tidak bercagar dalam pembuktian keberhutangan.

Subpenggal 3 memperuntukkan perkara-perkara berkaitan kesan penggulangan terhadap transaksi lain serta kuasa-kuasa penyelesaian untuk mendapatkan harta, *realization of property*, dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

Subpenggal 4 menjelaskan kesalahan berhubung prosiding penggulangan, termasuk kuasa untuk mendakwa pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab dan tindakan-tindakan yang dianggap sebagai suatu kesalahan dalam proses penggulangan syarikat.

Penggal 3 membolehkan syarikat yang tidak didaftarkan di bawah akta yang dicadangkan ini digulung melalui proses penggulangan yang terkandung dalam bahagian ini dengan modifikasi yang dibenarkan.

Penggal 4 pula memperuntukkan perkara berhubung pembatalan nama syarikat daripada daftar serta pengurusan aset syarikat yang telah dibubarkan serta terbahagi kepada dua subpenggal.

Subpenggal 1 antara lainnya memperuntukkan kuasa Pendaftar untuk membatalkan nama syarikat sama ada atas inisiatifnya sendiri atau melalui permohonan daripada pengarah, anggota atau penyelesaian sesebuah syarikat dalam keadaan tertentu.

Antara lainnya, termasuk syarikat tidak lagi menjalankan perniagaan atau telah melanggar peruntukan akta yang dicadangkan ini serta prosedur pembatalan tersebut.

Subpenggal 1 juga memperuntukkan hak mana-mana orang yang mempunyai kepentingan untuk membantah proses pembatalan tersebut serta memberi hak kepada pemohon untuk menarik balik permohonan pembatalan tersebut.

Subpenggal 1 juga menjelaskan liabiliti pengarah dan pegawai syarikat yang dibatalkan serta kuasa untuk memasukkan semula nama syarikat ke dalam daftar dengan perintah mahkamah dalam tempoh 7 tahun.

Subpenggal 2 memperuntukkan kuasa Pendaftar untuk menguruskan harta atau aset syarikat yang telah dibubarkan, yang terletak hak kepada Pendaftar serta prosedur yang berkaitan.

Bahagian V, Bahagian V memperuntukkan pelbagai perkara, termasuk peruntukan berhubung syarikat asing, penguatkuasaan serta perkara-perkara am yang lain. Bahagian V ini terbahagi kepada empat penggal seperti yang berikut:

- (i) Penggal 1, Bahagian V, ini menjelaskan keperluan pendaftaran syarikat asing untuk menjalankan perniagaan di Malaysia, termasuk keperluan pelantikan agen, mempunyai pejabat berdaftar di Malaysia serta keperluan pematuhan berhubung penyediaan penyata kewangan, penyata tahunan dan prosedur pemberhentian perniagaan di Malaysia.

- (ii) Penggal 2 pula menjelaskan peruntukan-peruntukan berhubung penguatkuasaan, hukuman dan penalti berkaitan kesalahan-kesalahan am. Penggal ini juga memberi perlindungan kepada pegawai sesuatu syarikat yang melaporkan kepada Pendaftar berhubung apa-apa perkara yang mungkin atau akan melibatkan pelanggaran sebarang peruntukan akta yang dicadangkan ini atau melibatkan kesalahan serius berkaitan dengan *fraud* atau ketidakjujuran yang dilakukan oleh mana-mana pegawai lain syarikat itu.

■1440

Penggal ini juga memperuntukkan bahawa seseorang yang membuat atau memberikan apa-apa kenyataan, maklumat atau laporan yang palsu atau mengelirukan kepada pendaftar melakukan suatu kesalahan.

Penggal 3 bahagian ini menjelaskan perkara-perkara am berhubung pentadbiran sesebuah syarikat yang memperincikan perkara-perkara seperti butir-butir dan cara maklumat dikehendaki diserahkan simpan di bawah akta ini serta masa untuk menyerah simpan dokumen dan pelanjutan masa.

Penggal ini juga memberi kuasa kepada pendaftar untuk menyedia serta menyenggara daftar-daftar berhubung syarikat serta kuasa untuk menyediakan perkhidmatan penyerah simpanan dokumen secara elektronik.

Penggal ini juga memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat sebarang peraturan atau meminda mana-mana jadual di bawah akta ini serta kuasa untuk mengecualikan mana-mana orang, perbadanan atau kelas perbadanan daripada semua atau mana-mana peruntukan akta ini.

Penggal 4 bahagian ini memperuntukkan perkara-perkara berhubung kecualian dan peralihan. Penggal ini menjelaskan peruntukan peralihan berhubung pemansuhan nilai nominal serta tatacara yang berkaitan. Selain memperuntukkan perkara-perkara berhubung peralihan secara am, penggal ini juga menjelaskan pemansuhan Akta Syarikat 1965 serta perkara-perkara yang masih terpakai.

Jadual, Jadual Pertama menerangkan bentuk dan kandungan prospektus perlu dipatuhi oleh suatu syarikat berhubung tawaran syer oleh sebuah kelab tidak tersenarai atau tawaran atau pelawaan pendeposit wang dengan perbadanan yang tertentu.

Jadual Kedua, menjelaskan butiran berhubung pernyataan sebagai ganti kepada prospektus.

Jadual Ketiga, akta ini pula menerangkan prosiding lembaga pengarah termasuk tatacara pemilihan pengerusi, notis mesyuarat, kuorum dan perkara-perkara yang berkaitan.

Jadual Keempat, menyenaraikan badan-badan yang diluluskan yang anggota-anggotanya layak dilantik sebagai setiausaha.

Jadual Kelima, memperihalkan kandungan laporan pengarah perlu disediakan oleh syarikat.

Jadual Keenam, menjelaskan kuasa-kuasa penerima atau penerima dan pengurus.

Jadual Ketujuh, menjelaskan kuasa dan kewajipan penama dalam memantau perkiraan sukarela korporat (*corporate voluntary arrangement*) sesuatu syarikat.

Jadual Kelapan, menjelaskan kelayakan dan tempoh moratorium bagi perkiraan sukarela korporat serta impak moratorium bagi perkiraan sukarela korporat tersebut.

Jadual Kesembilan, menjelaskan kuasa-kuasa mengurus kehakiman sekiranya syarikat mendapat perintah pengurusan kehakiman.

Jadual Kesepuluh, memperihalkan perkara-perkara berkaitan jawatankuasa pemeriksaan dalam suatu penggulungan syarikat termasuk pelantikan dan prosiding jawatankuasa tersebut.

Jadual Kesebelas, menjelaskan kuasa penyelesaian dalam perkara-perkara berkaitan penggulungan sukarela.

Jadual Kedua Belas, pula menjelaskan kuasa penyelesaian dalam perkara-perkara berkaitan penggulungan oleh mahkamah.

Jadual Ketiga Belas, menyenaraikan aktiviti yang tidak dianggap sebagai menjalankan perniagaan bagi tujuan pendaftaran syarikat asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pentadbiran dan pembubaran syarikat dan perbadanan dan bagi perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya minta Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman, sila.

2.45 ptg.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan atas inisiatif untuk menggubal Undang-undang Syarikat 2015 yang begitu komprehensif sehingga mengandungi tiga naskhah macam ini yang sungguh tebal dan 620 fasal kesemuanya. Ia mengandungi lima bahagian, beberapa penggal dan sub penggal meliputi daripada syarikat dimulakan kepadalah penggulungan syarikat.

Seperti yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri, proses ini telah bermula dari tahun 2003 untuk mengganti Akta 125 yang telah berkuat kuasa semenjak tahun 1966 iaitu 50 tahun dahulu.

Undang-undang Syarikat 2015 ini akan memudahkan prosedur untuk memulakan *business* ataupun dengan izin, *ease of doing business* sambil memastikan peraturan-peraturan yang tertentu dipatuhi untuk menjaga kepentingan rakyat keseluruhannya.

Misalannya, satu peruntukan dalam akta ini iaitu satu syarikat boleh ditubuhkan oleh hanya seorang pemegang saham dan seorang pengarah sahaja. Lain daripada dulu di mana sekurang-kurangnya ada dua orang pemegang saham dan sekurang-kurangnya ada dua orang Ahli Lembaga Pengarah. Dan satu lagi yang memudahkan ialah ketidakperluan syarikat dorman untuk menyediakan laporan kewangan.

Saya mengaku, dalam masa yang terhad ini dan oleh sebab begitu tebal undang-undang ini, tidak dapat menyemak secara terperinci setiap fasal, tetapi pada keseluruhannya saya berpuas hati dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalamnya, dalam rang undang-undang yang telah dikemukakan.

Saya hanya hendak bangkit berhubung dengan satu perkara sahaja iaitu berhubung dengan nama yang diperuntukkan di bawah seksyen 26(a) di mana disebut "*Sesuatu nama boleh disediakan jika nama itu bukan tidak wajar atau tidak boleh diterima*" oleh pendaftar. Dan dalam peruntukan 26(d), "*Suatu nama daripada jenis yang diarahkan oleh Menteri kepada Pendaftar supaya tidak boleh diterima bagi pendaftaran*".

Jadi, saya hendak minta penerangan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah kriteria yang menentukan wajar atau tidak wajarnya satu-satu nama syarikat dan jenis-jenis syarikat yang tidak boleh diterima untuk didaftar? Dan adakah kerajaan akan membuat satu-satu *guidelines* untuk pengetahuan berhubung dengan perkara ini?

Jadi seperti yang saya kata, saya sudah tidak dapat memperincikan tetapi pada keseluruhannya, istimewa pula daripada penerangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri yang saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah, sudah lebih daripada 10 tahun kita sudah buat perkara ini, jadi saya pada keseluruhannya sebagai orang berniaga jugalah, amat berpuas hati dengan akta ini dan saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Giliran kepada Yang Berhormat Mulia Engku Naimah binti Engku Taib, silakan.

■1450

2.50 ptg.

Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang ini kepada saya untuk bersama bangun dan membahaskan Rang Undang-undang Syarikat 2015 ini. Sebelum itu, saya juga ingin bersama-sama rakan lain mengucapkan tahniah atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Kami barisan Ahli-ahli Dewan Negara berikrar akan terus memberi kerjasama kepada pihak Yang Berhormat Datuk dan juga Yang Berhormat Datuk Seri.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak-banyak.

Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib: Tuan Yang di-Pertua, saya melihat lebih kepada sudut positif iaitu Rang Undang-undang Syarikat 2015 yang akan menggantikan *Companies Act* sedia ada ini bakal melakukan beberapa penambahbaikan demi kepentingan pengguna dan rakyat hari ini. Secara peribadinya saya melihat rang undang-undang itu sangat baik kerana bakal membantu perkembangan pesat sektor perakaunan dan guaman di negara ini. Ia juga selaras dan bertepatan dengan masanya bagi membolehkan undang-undang syarikat di negara kita bertaraf dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan sesi Persidangan Dewan Rakyat lalu telah meluluskan Rang Undang-undang Syarikat 2015 dengan pindaan bagi memberi impak dalam meningkatkan kawalan dalaman tadbir urus dan tanggungjawab korporat. Jelas rang undang-undang ini bakal melihat beberapa fasal baru untuk syarikat baru berkonsepkan perundangan korporat yang dinamik sejajar saranan kerajaan ke arah memendekkan prosedur dan mengurangkan kos komuniti perniagaan.

Saya juga meneliti setiap fasal dan penambahbaikan dan saya berpandangan Rang Undang-undang Syarikat 2015 itu juga dapat memberi perlindungan kepada pihak berkepentingan melalui penambahbaikan kerangka amalan tadbir urus korporat setanding dengan negara maju. Ia juga dapat memenuhi keperluan semasa ke arah menyediakan persekitaran korporat yang lebih dinamik, kondusif dan kompetitif.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya turut memberikan kredit kepada SSM yang telah mengambil inisiatif menyemak semula Akta Syarikat sedia ada dan merumuskan cadangan memperkenalkan perundangan hal ehwal korporat yang moden serta relevan bagi memenuhi keperluan masa depan setanding negara maju. Kajian menyeluruh terhadap Akta Syarikat 1965 sedia ada dijalankan Jawatankuasa Penyemakan Semula Undang-undang Korporat (CLRC), Jawatankuasa Konsultatif Isu-isu Perakaunan (AICC) yang ditubuhkan oleh SSM. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa peruntukan dalam rang undang-undang 2015 itu dijangka memberi impak dalam meningkatkan kawalan dalaman tadbir urus dan tanggungjawab korporat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh beberapa fasal serta turut ingin mengajukan beberapa soalan kepada Kementerian berkaitan. Soalan pertama, isu pelantikan pengarah untuk melantik pengarah bersekutu (*affiliated director*). Sejauh mana bidang kuasanya dan keupayaan membuat keputusan.

Juga di perenggan yang sama, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan ungkapan bahawa, "*Seorang yang dilantik sedemikian tidak mempunyai apa-apa hak untuk menghadiri atau mengundi dalam mana-mana mesyuarat Lembaga kecuali melalui pelawaan dan dengan persetujuan Lembaga.*"

Soalan kedua, jika di bawah senarai badan yang diluluskan turut tersenarai ialah Persatuan Undang-undang Sabah dan Persatuan Peguam Bela Sarawak. Isunya di sini ialah adakah terdapat perbezaan untuk kedua-dua badan ini dari semua segi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Syarikat 2015. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib. Seterusnya saya jemput pula Yang Berhormat Puan Shahanim.

2.54 ptg.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [*Memberi kata-kata aluan dalam Bahasa Arab*]

Pertama sekali saya ingin mengucapkan penghargaan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan kerana telah menggubal dan membuat beberapa perubahan kepada Akta Syarikat 1965 kepada Rang Undang-undang Syarikat 2015. Jika dibandingkan dengan Akta Syarikat 1965, beberapa perubahan telah dilakukan oleh pendaftar syarikat dalam urusan penyelenggaraan *share* dan modal syarikat. Saya ingin menyentuh mengenai fasal 123 hingga fasal 125 di mana diperuntukkan klausa kebenaran oleh rang undang-undang ini berkaitan dengan urusan bantuan kewangan oleh syarikat dalam urus niaga *sharenya* dan sebagainya.

Dalam Akta Syarikat 1965, menjadi larangan bagi sesuatu syarikat untuk memberikan bantuan kewangan secara langsung atau tidak langsung bagi sesuatu inisiatif pembelian saham syarikatnya atau syarikat *holdingsnya*. Akan tetapi dalam fasal 123 rang undang-undang 2015, pengecualian telah dibuat di mana bantuan ini diberikan sekiranya mematuhi peruntukan di bawah fasal 125.

- (a) pemberian pinjaman untuk urusan perniagaan normal syarikatnya;
- (b) peruntukan oleh sesuatu syarikat bagi membeli atau melanggan *share* berbayar penuh dalam syarikatnya atau syarikat *holdingsnya*;
- (c) memberi bantuan kewangan oleh syarikat kepada seseorang selain pengarah, *bona fide* secara pemunyaan benefisial; dan
- (d) pembuatan sesuatu pinjaman atau pemberian satu jaminan atau penyediaan satu cagaran jika aktiviti syarikat dikawal selia oleh undang-undang *statutory* lain.

Saya dengan ini memohon penjelasan terperinci tentang bagaimanakah Suruhanjaya Syarikat Malaysia menetapkan satu mekanisme terbaik agar kebenaran (*white wash*), dengan izin, atau pemberian bantuan kewangan menepati integriti dan kebolehpercayaan pemilik saham minoriti.

Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan oleh pemain industri dan *financial research agency* bahawa liberalisasi dalam aktiviti *white wash* ini akan membantu syarikat-syarikat senarai awam untuk membantu anak-anak syarikat yang juga tersenarai di bursa saham apabila berlakunya krisis ekonomi yang tidak dijangka.

Jika kita mengambil contoh jika syarikat 'A' mengalami penurunan nilai aset bersih kerana kemerosotan harga komoditi dan perolehan syarikat dalam aktiviti perladangan telah terjejas, jadi syarikat 'A' ini mempunyai beberapa buah syarikat lain seperti *trading* atau kejuruteraan yang amat berprestasi dan mempunyai prestasi kewangan yang baik. Jadi bantuan kewangan diperlukan bagi memastikan *survival* nilai *share* berbayar penuh syarikat yang dibantu.

Justeru, untuk memastikan liberalisasi ini berlaku secara telus dan adil, saya mohon KPDNKK memberikan sedikit penjelasan mengenai perkara seperti berikut:

- (i) rasional liberalisasi ini dibuat;
- (ii) liabiliti sivil dan kepentingan kumpulan pemegang saham minoriti;
- (iii) kaedah pelaksanaan yang terbaik memerlukan kelulusan 75 peratus pemegang saham; dan
- (iv) kaedah-kaedah pematuhan serta implikasi perundangan *statutory* lain sekiranya syarikat bantuan ini melibatkan pemain industri seperti institusi kewangan yang dikawal selia oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Kewangan Islam 2013.

Akhir kata saya berharap dengan adanya Rang Undang-undang Syarikat 2015 ini, persekitaran kerangka kerja perniagaan yang lebih mudah dan fleksibel di Malaysia dan kepentingan orang awam terpelihara. Sebelum saya mencadang, saya juga ingin menzahirkan rasa kasih sayang, keprihatinan kepada seorang pelajar Tingkatan 2 yang telah putus tangan dan kini berada di HKL. Saya difahamkan anak ini juga di dalam Parlimen Yang Berhormat Menteri. Jadi saya hanya hendak menzahirkan keprihatinan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadang.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff. Saya jemput pula Yang Berhormat Tuan Ramli bin Shariff.

2.59 ptg.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1500

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, bagi mengambil bahagian di dalam membahaskan rang undang-undang ini, terlebih dahulu saya menyambut baik dan menyatakan sokongan penuh terhadap rang undang-undang yang ada di depan kita pada hari ini. Saya percaya rata-rata rakyat terutama masyarakat peniaga juga menyokong rang undang-undang yang pastinya memberi impak yang positif kepada tadbir urus korporat dan persekitaran korporat. Saya juga yakin rang undang-undang ini mampu memajukan dan menambah baik lagi sektor korporat seterusnya setanding dengan negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Menteri yang bercakap iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Hamzah bin Zainudin yang masih segar bergaya dan juga *friendly* yang telah berjaya membentang, membawa dan membahar usul ini dengan sempurna hingga ia berjaya diluluskan di Dewan Rakyat, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin meminjam kata-kata daripada Ketua Pegawai Eksekutif SSM bahawa Rang Undang-undang Syarikat 2015 ini dapat memberi perlindungan kepada pihak berkepentingan melalui penambahbaikan kerangka amalan tadbir urus korporat setanding dengan negara maju.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada kementerian yang telah berjaya mengadakan *engagement process*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua iaitu dengan diwujudkan jawatankuasa semakan semula undang-undang korporat dan juga dengan disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi 19 kenyataan polisi yang telah dibentangkan di dalam Jemaah Menteri. Dengan proses AICC bagi menyemak dan memperhalusi peruntukan-peruntukan yang diperlukan dalam Rang Undang-undang Syarikat 2015.

Saya musykil Tuan Yang di-Pertua ialah kenapa dinamakan Rang Undang-undang Syarikat 2015? Sedangkan ia dibentangkan pada tahun 2016 kerana kami kelmarin, semalam juga membahaskan Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kenapakah dinamakan sebagai Rang Undang-undang Syarikat 2015? Walaupun perkara ini telah dimulakan sejak 2003, kalau saya tidak silap. Kupasan yang telah dibuat oleh Menteri begitu komprehensif dan saya rasa ini memberi suatu harapan dan keyakinan kepada masyarakat peniaga tempatan dan juga luar negara di dalam *moving forward*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Keperluan memperbadankan syarikat ini seperti mana yang dibentangkan dalam rang undang-undang ini yang saya baca dimukadimahnyanya mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pentadbiran dan pembubaran. Saya rasa rang undang-undang ini telah merangkumi segala keperluan yang dinanti-nantikan oleh masyarakat peniaga.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab fasal 9 di bawah rang undang-undang ini tidak memerlukan perkongsian lagi seperti mana terdapat di dalam Akta Syarikat 1965. Jadi, saya juga tertanya-tanya kenapa yang keperluan *duo* ataupun keperluan perkongsian ini ditiadakan? Adakah soal keyakinan ataupun soal keperluan atau soal ketidakamanaan kepada rakan kongsi kita disedari oleh pihak kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, saya gariskan beberapa sebab kenapa saya menyatakan sokongan penuh usaha ini dan bersetuju atas rang undang-undang. Rang undang-undang ini memberi suatu proses korporat yang lebih mudah kepada industri-industri kecil dan sederhana di mana kita dapat lihat bahawa pemansuhan mesyuarat tahunan bagi syarikat persendirian akan memberi fleksibiliti dalam operasi harian *without compromising internal controls and corporate governance practice*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga ingin tegaskan ada sesetengah pihak menyatakan keprihatinan dan kerisauan mereka mengenai ketidakperluan AGM yang digariskan dalam rang undang-undang ini akan memberi kesukaran kepada pemegang saham. Ini kerana *ownership*, dengan izin, berbeza dengan *control*, dengan izin. *Control*, dengan izin, diberikan kepada pengarah dan hanya dalam tempoh satu tahun pemegang saham mendapat suatu peluang untuk berjumpa dengan pengarah-pengarah yang mengambil ataupun menjemput pelaburan di dalam syarikat tersebut. Pada ketika itu, dalam setahun sekali sahaja pemegang-pemegang saham ini boleh menyoal syarikat ataupun Lembaga Pengarah, apa yang telah dibuat dengan wang pelaburan pelabur-pelabur ini.

Walau bagaimanapun, saya juga sedar bahawa dalam rang undang-undang ini juga memberi kuasa kepada pemegang saham untuk meminta diadakan satu mesyuarat. Oleh yang demikian, tiada lagi kekhuatiran kepada pemegang-pemegang saham untuk mendapatkan info dan pertanyaan kepada pengarah-pengarah syarikat. Malah pengarah-pengarah harus sentiasa *update, aware and alert*, dengan izin, mengenai pengendalian syarikat mereka kerana pemegang saham boleh meminta mereka untuk mengadakan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga turut memberikan satu garis masa yang perlu dipatuhi pengarah syarikat untuk menyampaikan *audited account*, dengan izin, kepada pemegang saham. Jadi pemegang saham akan sentiasa mendapat info dan saluran tentang kewangan syarikat. Rang undang-undang ini juga seperti mana yang saya sebut tadi membenarkan syarikat-syarikat persendirian untuk mempunyai seorang pengarah sahaja dan seorang pemegang saham ataupun satu pemegang saham sahaja yang di mana ia menggantikan keperluan minimum dalam Undang-undang Syarikat 1965.

Maka jelas di sini pengurusan baik syarikat-syarikat persendirian yang diperkenalkan oleh rang undang-undang ini adalah lebih mudah dan tidak terlalu *rigid*. Ini akan menggalakkan lagi pertumbuhan syarikat-syarikat persendirian dan membuka lagi ruang perniagaan kepada bakal-bakal ahli perniagaan. Saya harap juga dengan kemudahan dan penambahbaikan yang termaktub dalam rang undang-undang ini, industri-industri kecil dan sederhana tidaklah mengambil kesempatan terhadap perkara ini.

Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, sehingga ke hari ini masih terdapat banyak sindiket haram seperti sindiket *Ah long*, perjudian haram dan pengubahan wang haram yang berselindung atas nama syarikat-syarikat kecil persendirian ini. Dengan kemudahan yang digariskan oleh rang undang-undang ini, saya harap SSM perlu benar-benar tegas memantau perkembangan sesebuah syarikat yang diragui perniagaannya. Jadi, janganlah kita biarkan mereka sekadar datang mendaftar dengan meletakkan tujuan pelbagai jenis perniagaan. Akan tetapi hakikatnya dimanipulasikan dengan kegiatan-kegiatan jenayah dan tidak sah.

■1510

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga difahamkan telah memberi kuasa kepada Menteri di mana syarikat yang tidak aktif ataupun *dormant*, dengan izin, tidak perlu diaudit lagi. Saya percaya ini merupakan satu langkah yang wajar kerana kita sedia maklum bahawa saban hari bilangan syarikat yang ditubuhkan adalah bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Apabila tiba waktu audit maka bilangan juruaudit tidak mencukupi dan memaksa juruaudit untuk audit lebih daripada lima buah syarikat bagi setiap orang.

Oleh yang demikian, saya percaya apabila syarikat yang tidak aktif ataupun *dormant*, dengan izin tidak perlu diaudit, ia memberi ruang kepada juruaudit untuk fokus kepada syarikat-syarikat yang aktif sahaja dan secara tidak langsung meningkatkan kualiti kerja dan kualiti pengauditan dan akan menjadi lebih sempurna dan tepat. Saya juga yakin akta syarikat yang baharu ini boleh membantu syarikat-syarikat menyediakan laporan kewangan yang lebih telus, lebih tepat dan benar-benar bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut fasal 214 rang undang-undang ini, pengarah syarikat diberikan pembelaan dalam membuat sesuatu keputusan. Saya menyokong penuh peruntukan ini atau fasal ini kerana risiko sesuatu perniagaan itu adalah besar. Ia melibatkan untung rugi dan *safety*, dengan izin, syarikat itu sendiri. Setiap keputusan pasti ada risikonya. Oleh yang demikian, apabila seseorang pengarah syarikat sebagai seorang *reasonable man*, dengan izin, melakukan sesuatu dengan pertimbangan yang sewajarnya beliau tidak berhak atau tidak layak untuk dihukum atas risiko yang diambil olehnya. Jadi fasal 214 memberi perlindungan pengarah-pengarah syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan memperkenalkan seksyen ini yang akan menghilangkan rasa takut atau beban kepada pengarah syarikat dalam membuat sesuatu keputusan. Malah ia akan melahirkan pengarah-pengarah yang berani mengambil risiko dan lebih proaktif serta menggalakkan pertumbuhan syarikat itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu inovasi baru yang saya dapati dalam rang undang-undang ini adalah ketidakperluan mengadakan suatu perlembagaan syarikat ataupun memorandum syarikat yang seperti mana diamalkan sekarang. Saya percaya langkah ini memberi kemudahan kepada syarikat-syarikat persendirian baru untuk ditubuhkan kerana tak perlu melalui proses yang rumit. Hak-hak syarikat persendirian dan individu di dalam syarikat adalah merujuk di bawah rang undang-undang ini jadi maka keperluan untuk perlembagaan ataupun *memorandum and articles of association*, dengan izin, tak diwajibkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga memperkenalkan kenaikan hukuman kepada pengarah yang melanggar rang undang-undang ini iaitu kesalahan yang serius boleh dikenakan lima tahun penjara atau denda sehingga RM3 juta atau kedua-duanya sekali. Saya menyambut baik perkara ini kerana dengan adanya *provision*, dengan izin, seperti ini ia memberi satu tanggungjawab kepada pengarah untuk memikul dengan amanah dan juga dengan sebaik-baiknya. Ia juga akan melahirkan sikap sentiasa menitik beratkan hal-hal syarikat dan sikap *alert*, dengan izin, dan juga *aware*, dengan izin. Oleh yang demikian pengurusan syarikat juga akan menjadi lebih tepat, cekap dan telus.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada perkara-perkara yang saya nyatakan tadi, jelas bahawa rang undang-undang ini merupakan satu usaha yang baik dan wajar kita laksanakan atas perkara-perkara yang positif yang dapat diperoleh dan dimanfaatkan. Saya ingin memuji pihak SSM yang terus berusaha untuk mengadakan program-program bagi memberi kefahaman lanjut dan keterangan yang lebih mendalam terhadap rang undang-undang ini. Seperti mana yang saya dimaklumkan bahawa ada seminar *on the Companies Bill 2015*, dengan izin, yang dijalankan sejak bulan ini bulan April sehingga Disember tahun ini. Saya ucapkan syabas kepada SSM yang mengambil satu langkah proaktif.

Saya juga ingin memuji usaha pihak kerajaan yang mengambil serius atas perkara ini dan sentiasa menambah baik undang-undang negara kita supaya negara kita lebih maju progresif dan berkembang baik. Maka dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Syarikat 2015. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff. Nampaknya Yang Berhormat ada membuat *homework* baik. Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh, sila.

3.16 ptg.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya membahaskan Rang Undang-undang Syarikat 2015. Semalam bila saya berbahaskan mengenai Akta Perhutanan saya memberitahu Dewan ini saya berasa seperti seorang muda tetapi bila saya pegang rang undang-undang ini hendak baca saya rasa seperti seorang pelajar di universiti. Macam hari ini ada peperiksaan [*Ketawa*]

Rang undang-undang ini mengandungi 628 muka surat dan mempunyai lima bahagian iaitu *preliminary*, nombor dua, dengan izin, *formation of companies* ada sepuluh penggal. *Part III* tentang pengurusan syarikat ada lapan penggal. *Part IV voluntary and compulsory winding up*, dengan izin, ada empat penggal. Lepas itu Bahagian V mengenai *foreign companies* ada tiga penggal. Ada 13 jadual, seluruhnya *620 clauses*. Jadi saya ingatkan mungkin ambil masa dua tahun hendak baca betul-betul.

Saya hendak ucapkan tahniah sebab mengikut Menteri pun sudah *start* 2013 dan satu rang undang-undang yang ditulis begitu komprehensif, hendak ucapkan tahniah *and this is really an exemplary for many others to follow* tentang begitu seriusnya kementerian ini dan Menteri tentang Rang Undang-undang Syarikat 2015. Saya lihat setelah membaca seperti Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim sudah beritahu tadi kita tak dapat betul-betul hendak ambil masa dua tiga minggu seperti seorang pelajar tetapi kita *glance overall* dua hari, tiga hari saya dapati ada lebih kurang lapan *interesting points* yang akan membawa Malaysia kepada satu tahap yang lain.

Nombor satu, seperti Yang Berhormat Menteri dah beritahu tadi ada satu inovasi baru iaitu saham *no par value*. *No par value* ini yang mana *shareholder* ini *promoter* tak payah bimbanglah tiada liabiliti kepada *shareholder* kalau syer itu turun kepada *par value*. Kalau dahulu ada liabiliti, sekarang tiada liabiliti. Jadi ini memanglah cara yang lebih inovasi dan lebih moden yang dipraktikkan kebanyakan tempat terutamanya di Asia. Hong Kong pun dia buat macam itu.

Lepas itu senang hendak buka *company*. Seperti Yang Berhormat Senator Tuan Ramli cakap tadi M&A pun tidak payah. Satu *director*, satu *shareholder* pun sudah cukup. *Benefit* lain itu *lower cost of doing business*, itu penting. Tidak payahlah dulu kita hendak jumpa *company secretary* bayar RM5,000 atau RM6,000. Dapat *company* buat ini, buat itu tetapi sekarang kalau hendak buka *business* kos *entry* dia itu *very low*. Itu bagus sekali dan untuk syarikat-syarikat yang kecil saya dapati dalam undang-undang ini senang hendak buat resolusi. Kita tak payah panggil semua orang datang ke satu tempat. Kita boleh buat resolusi dengan menulis, dia punya prosedur senang *a bit more* senang hendak buat *business*.

■1520

Walaupun sebelah ada senang, ada sebelah dia yang ketat. Dia punya *governance* itu kuat, itu penting. Sebab kita tak mahu syarikat ini dia tak *responsible*, jadi *director* di dalam syarikat itu mesti memegang satu *responsibility* yang kuat. Saya lihat ada banyak cara *safeguard* ini dalam rang undang-undang ini, di mana dia *protect* kepada *third party*. Itu pun saya ucapkan tahniahlah seperti hendak bagi dividen pun *director* mesti hendak *declare* dulu syarikat ini dia *solvent*. Tidak boleh bagi dividen kalau tidak ada wang. Bagi dividen, bankrap nanti macam mana?

Selepas itu tentang *share buyback* pun syarikat mesti mahu ada wang. Tidak boleh hendak *suggest* hendak beli *share buyback* tetapi *not solvent* ya. Selepa itu tentang kalau silap, kalau mereka ini tidak mengambil serius tentang *declaration* ini, ada *director* ini mengikut rang undang-undang ini, dia akan *face personal liability which I think is very good*.

Jadi daripada segi *restructure*, kalau dulu hendak *restructure* kita kena pergi mahkamah macam-macam, rang undang-undang ini ada dua cara inovasi baru. Satu ini *corporate rescue scheme* ini di mana kita boleh bincang dengan kita punya *creditor*. Katakan 75 peratus *creditor* itu sudah boleh setuju dengan konsep ini, tidak payah pergi ke mahkamah. Ini sangat cara bagus, *no need to waste time and easier for the company* hendak *restructure, carry on with their business*. Ada juga *privacy* untuk mahkamah melantik seorang *judicial management*, dia mempunyai kuasa. Jadi semua ini ada cara-cara baru untuk menjalankan syarikat dengan lebih- *restructure* dia lebih cepat.

Saya mempunyai lebih kurang lapan soalan mengenai rang undang-undang ini. Nombor satu tentang M&A. Sebab dalam rang undang-undang ini, M&A itu *is- you may not require an M&A*. Jadi saya hendak tahu, selepas itu *object clause* pun dia tidak ada. Jadi syarikat yang *existing* itu yang ada M&A dan *object clause* apa yang dia boleh buat dan tidak boleh buat itu, adakah M&A ini tidak payah dipakai lagi atau mereka sepatutnya *review* dan membuat sekali lagi dan objek *clause* itu saya rasa mengikut pendapat saya, so tak payah. Saya hendak minta klasifikasi daripada Menteri.

Nombor dua, ada banyak syarikat ketika ini dia ada *existing joint adventure agreement* dan *shareholder agreement*. *So that* memang ada *existing*. Sudah buat sudah tetapi mengikut rang undang-undang ini mungkin konflik dan daripada segi itu, bila rang undang-undang ini dilaksanakan, apakah *time frame* diberikan sama ada tidak boleh ataupun mesti diselesaikan dalam masa tempoh enam bulan atau setahun, saya hendak minta keterangan sikit. Tentang *annual return*, memang senang. *Annual return* itu kita boleh *sign* seorang sahaja. Satu *director* atau *secretary* dalam rang undang-undang ini. Akan tetapi saya hendak tahu kalau *company* itu ada banyak *director*, dua atau tiga *director*, jadi *shareholder*, kita perlu buat *board resolution* atau masih satu *director* boleh *sign* dan diambil punya *responsibility*. Apa dia punya- macam mana kita hendak baca rang undang-undang ini *that to predict that part?*

Saya suka rang undang-undang ini di mana *director* itu kena *sign company* itu *solvent* bila hendak bagi dividen. Bagaimana dengan bonus sebab saya tengok banyak syarikat ini walaupun dia hutang banyak, dia memang sudah buat *profit* tetapi sebelum hendak bayar dia punya penghutang itu, dia bagi bonus sampai tinggi kepada *director*. Jadi adakah sebab syarikat dengan *shareholder* itu *is two different thing*. Kalau dia bayar bonus begitu banyak kepada diri dia tak boleh bayar dia punya penghutang, kalau penghutang kata dia kata tidak apalah, *you* bankrapkan syarikat, *it doesn't affect me*. Adakah *loop holes* seperti ini ataupun rang undang-undang ini *is protecting the creditors?* Apabila kita *the low par value*, dia ada impak kepada *share premium account* dengan *capital redemption reserve*. Jadi yang ini ada *time frame* atau bagaimana? Apakah yang boleh dibuat dengan akaun ini? *What is allowed?* Saya ingat dalam rang undang-undang ada tetapi saya tidak ada masa hendak baca, tebal sangat.

Jadi satu lagi fenomena baru yang saya dapati dalam rang undang-undang ini, bagaimana syarikat ini *risk capital* selain daripada membenarkan ekuiti, membuat *debenture bond*, ada cara baru iaitu *club funding*. *Club funding* ini kadang-kadang *is based on the promise*. *On the perception promise*, dia ada *maybe some promising* votekah, macam-macam. Jadi benda seperti *club funder* ini, adakah dalam lingkungan SSM ataupun ini di bawah *Ministry of Finance?* Ini saya minta keterangan.

Tentang 45 itu, mengenai syarikat-syarikat *foreign*. Sebenarnya hari itu pun saya tanya satu soalan tentang syarikat *foreign* buat *business online*. Saya hendak tanya seperti syarikat ABNB, Agoda ini, aset dia bilik-bilik *apartment* di Malaysia. Akan tetapi saya rasa syarikat itu bukan *register* dengan Malaysia. Orang boleh sewa bilik di satu *apartment* di Marc Residence ataupun Park City One, macam mana, *transaction* itu dibuat melalui *internet* dan syarikat itu mendapat wang daripada Amerika. Selepas itu dia bayar balik kepada orang yang pegang *apartment* itu di Malaysia, sama dengan syarikat seperti hotel punya *booking*, Agoda macam-macam itu. Jadi saya tidak tahu sama ada rang undang-undang ini ada cukup untuk kita *control businesses* seperti ini.

Last sekali seperti apa yang dibawa tadi oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff tadi, sebab senang hendak buka syarikat ini, senang juga untuk orang yang dalam fikiran dia memang jahat bila hendak buka syarikat perjudian, dia pakai *proxy*. Dia cari seorang itu yang tidak tahu, 70 tahun atau 69 tahun, dia pun tidak boleh bernafas dalam koma pula dalam hospital, tidak tahu apa-apa, dia guna nama dia, dia buka syarikat. Dia buat macam-macam cari untung tetapi apabila autoriti datang, dia buat tidak tahu. Okeylah, *you go after somebody*.

Jadi, bagaimanakah *proxy shareholder* atau macam mana you hendak link kepada mereka yang *mastermind* itu dalam rang undang-undang ini? Walaupun senang hendak buat *business*, saya hendak tahu *is there a mechanism* hendak monitor orang yang berniat jahat ini? Jadi sekali lagi saya hendak ucapkan tahniahlah kepada Menteri, memang 5 tahun di dalam Parlimen ini tidak pernah pegang rang undang-undang tebal ini. *Very comprehensive, congratulations*. Jadi dengan ini, saya sokong penuh kepada Rang Undang-undang Syarikat 2015. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Jaspal. Jadi tahniah kepada Menteri itu kenalah pada tempatnya. Terima kasih. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Datuk Hajah Mariany. Silakan.

3.29 ptg.

Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang secara bersama untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Syarikat 2015. Sebelum ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri kerana hari ini beliau terpaksa membentangkan dua rang undang-undang yang agak tebal dan banyak fasal iaitu lebih 620 fasal dalam Rang Undang-undang Syarikat dan 92 fasal dalam Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh sedikit sahaja. Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa tujuan pembentangan rang undang-undang syarikat ini adalah untuk melaksanakan sebuah kerangka kerja perundangan bagi memastikan persekitaran aktiviti dan urusan kawal selia perniagaan di Malaysia lebih mudah dan berintegriti.

■1530

Saya ingin menyentuh mengenai fasal 3 yang menyentuh akaun dan audit bagi syarikat yang beroperasi di Malaysia. Saya ingin menyentuh perkara mengenai audit dan perakaunan ini adalah kerana cukai korporat menyumbang kepada pendapatan utama kerajaan. Anggaran pada 2016 dianggarkan sebanyak RM68.32 bilion dan kutipan GST adalah RM39 bilion. Oleh yang demikian, setiap urusan dan kawal selia juruaudit untuk syarikat persendirian dan syarikat awam diperkemas agar ketirisan kutipan cukai dapat diminimumkan. Tuan Yang di-Pertua, fasal 259 adalah bertujuan bagi pendaftar syarikat untuk memastikan pematuhan bagi syarikat persendirian untuk menyerah simpan penyata kewangan serta laporan dalam masa yang ditetapkan.

Kini, syarikat-syarikat persendirian di Malaysia yang berdaftar sebagai syarikat berdaftar GST dan terdapat kes di mana syarikat-syarikat itu adalah dorman. Saya memohon penjelasan Yang Berhormat Menteri yang pertama, bagaimanakah pendaftar syarikat membuat tindakan menyahdaftar daripada daftar SSM? Kedua, perkongsian data dengan kastam dan LHDN agar prestasi kutipan cukai GST dan korporat ditingkatkan secara maksimum?

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini tatacara dan urusan pelantikan juruaudit dan peranan juruaudit dalam syarikat awam telah diperkemas. Akan tetapi dalam fasal 276, terdapat satu klausa mengenai hak syarikat bagi memecat juruaudit sebelum berakhir sesuatu penggalnya.

Proses pemecatan ini boleh dilakukan dengan pemberitahuan bertulis kepada pendaftar dalam masa 14 hari dalam fasal 278 dan 277, akan menyebabkan berlakunya pertikaian awam dan ketidakpuasan hati pemilik saham minoriti. Paling dibimbangkan, ketetapan dalam fasal pemecatan juruaudit secara notis, makluman atau pemberitahuan kepada pendaftar akan dipolitikkan jika sekiranya syarikat-syarikat awam ini melibatkan syarikat berkaitan kerajaan atau syarikat pelaburan kerajaan. Di sini saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat Menteri iaitu:

- (i) bagaimanakah cara kepentingan awam, khususnya pemegang saham minoriti dijaga;
- (ii) bagaimana cara untuk tidak berlaku salah faham atau tohmahan berlakunya aktiviti tidak berintegriti bagi sesuatu syarikat awam untuk menutup sebarang kecuaiian atau penyelewengan yang berlaku dalam tatacara dan tata urus syarikat awam; dan
- (iii) bagaimanakah cara menentukan akauntabiliti pengarah dan eksekutif syarikat awam.

Seterusnya, saya berharap agar penggubalan rang undang-undang ini akan memberikan ruang yang lebih fleksibel dan mudah bagi komuniti perniagaan dan manfaat liberalisasi Akta Syarikat dapat memastikan persekitaran sektor korporat negara benar-benar menyumbang kepada pendapatan negara. Saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan mengucapkan selamat bersara kepada rakan karib saya sebelah saya, Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat yang akan bersara mulai dua hari bulan. Jadi, hari ini adalah hari yang terakhir Yang Berhormat Datuk Noriah bersama kita. Saya ada dua rangkap pantun. Tuan Yang di-Pertua, minta sedikit masa sebelum saya mohon menyokong.

*Banyak teluk ke Pulau Penarik,
Teluk ada di kanan kiri,
Nan elok bawalah balik,
Nan tak elok tinggallah di sini.*

*Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga,
Hancur badan di kandung tanah,
Budi yang baik dikenang juga.*

Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Mariany. Sekarang kita minta pula Yang Berhormat Datuk Seri Boon Som.

3.35 ptg.

Datuk Seri Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahas Rang Undang-undang Syarikat 2015.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, rang undang-undang ini dibentangkan tepat pada masanya. Akta baru ini selaras dengan perkembangan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang memudahkan lagi pengurusan sesebuah syarikat. Rang undang-undang ini juga akan membantu komuniti perniagaan, khususnya industri kecil dan sederhana untuk lebih berdaya saing tanpa berkompromi dengan keperluan tadbir urus korporat yang teguh. Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sangat penting adalah memastikan kepentingan orang ramai, khususnya pengguna dilindungi.

Kita perlu memastikan bahawa jangan sampai membuka ruang kepada mana-mana pihak mengambil kesempatan membuka syarikat yang bertujuan memperdayakan orang ramai. Oleh itu, apabila undang-undang baru ini dilaksanakan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) perlu lebih aktif memantau syarikat yang bergabung dengan agensi tersebut.

Sejak kebelakangan ini, banyak kes penipuan dilaporkan berlaku dan melibatkan syarikat. Misalnya, pada 23 Mac lalu, akhbar *Utusan Malaysia* melaporkan 11 individu mendakwa rugi hampir RM6.3 juta selepas ditipu oleh sebuah syarikat yang berselindung di sebalik urus niaga wang asing atau *Forex*. Apabila mangsa membuat semakan dengan SSM, mereka dapati syarikat itu telah pun ditutup. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap akta baru ini akan turut mengenakan tindakan tegas ke atas individu yang membuka syarikat dan kemudiannya menutup syarikat sesuka hati selepas tidak membayar gaji pekerja mereka. Misalnya, pada 18 Mac, media melaporkan lebih 20 orang pekerja pembersihan di tujuh sekolah di sekitar Kuala Lumpur membuat laporan polis kerana majikan mereka sudah dua bulan tidak membayar gaji. Malangnya syarikat itu sudah lapan tahun berpindah di lokasi yang tidak diketahui. Premis yang didaftarkan dalam SSM pada tahun 2008 telah ditutup.

Apakah tindakan yang boleh dilakukan terhadap individu seperti ini? Adakah perlu SSM senarai hitamkan individu yang terlibat dalam syarikat-syarikat yang melarikan diri setelah gagal membayar gaji pekerja dan menipu orang ramai? Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, ada syarikat yang buat potongan PERKESO dan KWSP tetapi sebenarnya mereka tidak bayar pun. Perkara ini hanya terbongkar selepas syarikat dah tutup atau diisytiharkan mufliis. Bolehkah kita masukkan dalam rang undang-undang ini satu kaedah yang ada dalam Akta KWSP? Dalam Akta KWSP juga, sebuah syarikat gagal bayar caruman untuk pekerja dia dan mengatakan dia sudah mufliis. Semua pengarah kena bayar caruman KWSP yang tidak dibayar oleh syarikat sebab mufliis. Peruntukan seperti ini perlu untuk jaga kepentingan pekerja dan apabila syarikat mufliis, apabila pekerja tidak dibayar pampasan, mesti ada satu syarat dalam akta ini supaya pengarah-pengarah membayar pampasan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah syarikat yang terbabit dengan aktiviti pengubahan wang haram. Kalau kita lihat laporan pihak berkuasa menunjukkan sesetengah sindiket sengaja membuka syarikat dan mendaftar dengan SSM bagi tujuan berkenaan. Kita bimbang ada sindiket judi dan jenayah yang terlibat dalam perbuatan itu. Buka syarikat untuk sementara sahaja dan kemudian tutup. Lepas itu, buka syarikat lain bagi mengaburi pihak berkuasa.

Oleh itu, pihak berkuasa perlu benar-benar tegas memantau perkembangan syarikat yang diragui perniagaannya. Janganlah kita biarkan mereka berselindung di sebalik pelbagai jenis perniagaan untuk melakukan kegiatan jenayah. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan, Koperasi dan Kepenggunaan telah umumkan, mulai tahun hadapan setiap urus niaga yang dibuat secara *online* juga perlu berdaftar dengan SSM.

■1540

Langkah ini dapat mengelakkan orang ramai daripada menjadi mangsa penipuan urus niaga menerusi *online*. Kita perlu pandang serius penipuan melalui perniagaan dalam talian ini. Statistik Jabatan Jenayah Komersial Bukit Aman baru-baru ini menunjukkan penipuan menerusi kegiatan eDagang mencatatkan jumlah kes penipuan paling tinggi iaitu seramai 4,955 individu menjadi mangsa dan melibatkan kerugian sebanyak RM16.5 juta. Oleh itu, kita harap akta baru ini juga akan memastikan pendaftaran syarikat yang melibatkan e-dagang tidak dilakukan secara sewenang-wenangnya. Kita bimbang jika mereka berdaftar dengan SSM hanya sebagai tiket untuk memperdayakan orang ramai.

Akhir sekali, saya ingin menggesa SSM mengambil tindakan tegas terhadap syarikat yang terlibat dalam perbuatan ketirisan hasil kerajaan. Saya juga ingin tahu apakah kesan Rang Undang-undang Syarikat ini terhadap perjanjian TPPA? Rang undang-undang ini sudah pasti memudahkan seseorang memulakan perniagaan. Saya tertanya-tanya apabila perjanjian TPPA berkuat kuasa, rang undang-undang ini akan memburukkan keadaan kerana ia bukan sahaja memudahkan rakyat Malaysia menjalankan perniagaan tetapi juga orang asing untuk terlibat dalam perniagaan di negara kita.

Apakah Akta Syarikat yang baru ini boleh membantu untuk syarikat-syarikat menyediakan laporan kewangan yang lebih telus dan bertanggungjawab?

Ini kerana kalau dahulu semua syarikat kena audit tidak kira sama ada syarikat itu aktif ataupun tidak aktif atau dorman, dalam rang undang-undang ini difahamkan syarikat yang tidak aktif tidak perlu diaudit lagi.

Rang undang-undang ini juga memperkenalkan rejim tiada nilai atau par yang menghapuskan *authorized capital* ataupun modal yang dibenarkan. Kalau dahulu saham yang dikeluarkan ikut *at par value*, dalam rang undang-undang baru ini, tidak perlu lagi *at par value* tetapi bergantung kepada NTA ataupun, dengan izin, *net tangible asset* ataupun apa-apa nilai yang dicadangkan oleh pemegang saham berdasarkan sebenar syarikat.

Soalannya, jika nilai saham syarikat mengikut *net tangible asset* adalah RM2 tetapi syarikat itu menawarkan saham pada harga lebih rendah, misalnya 50 sen, adakah ini menyalahi undang-undang? Bagaimanakah pula kalau syarikat ini menawarkan pada harga yang lebih tinggi daripada nilai NTA, misalnya ditawarkan pada harga RM3, adakah ia merupakan satu kesalahan? Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pelaksanaan akta baru ini akan memberi faedah kepada peniaga dan orang ramai. Pada masa yang sama, kita mengharapkan pelaksanaan ini diiringi dengan pemantauan yang ketat dan kepentingan orang ramai. Dengan itu, saya menyokong.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, oleh kerana sekarang ini perpisahan antara kita dengan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah, dan ramai yang pandai pantun sejak Timbalan Yang di-Pertua berpantun, jadi saya akan berpantun. Saya sediakan dua rangkap pantun tetapi saya lain sedikit sebab saya akan membaca pantun ini dalam bahasa Siam [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Datuk Seri Boon Som A/L Inong: [*Membaca pantun*]

*Semakin berat hati terasa,
Semakin kelu rasanya lidah,
Semakin berat untuk berkata,
Semakin sedih untuk berpisah, Datuk Noriah [Tepuk]*

*Tidak sampai rasanya jari,
Hendak mencecah tingginya awan,
Tidak sampai rasanya hati,
Hendak berpisah dengan puan.*

*Walaupun jauh beribu batu,
Walaupun jauh di mata,
Jangan pula jauh di hati,
Janganlah lupa kami di sini.*

Sekian, terima kasih [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Nampak gayanya pantun itu tertarik juga hati kita punya sahabat. Itu kita punya Yang Berhormat Tuan Chandra pun suka dengar itu. Baik, sekarang saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan. Dipersilakan.

3.44 ptg.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti rakan-rakan sebelum ini, saya pun tidak sempat hendak baca 620 fasal yang terkandung dalam Akta Syarikat ini. Kalau hendak baca, saya ingat bukannya – pada saya, kurang-kurang dua minggu untuk baca. Untuk faham, saya ingat kurang-kurang dua bulan pasal saya bukan pakar dalam bidang syarikat ini.

Walau bagaimanapun, saya ada satu isu yang saya hendak bangkitkan di Dewan yang mulia ini pada petang ini iaitu isu *glass syndrome* atau *glass ceiling syndrome* yang kita pernah dengar sebelum ini *glass ceiling syndrome* iaitu dari segi peratusan perwakilan wanita di peringkat lembaga pengarah dan juga di peringkat pengurusan tinggi.

Secara mata kasar, saya tidak pasti sama ada mana-mana peruntukan yang dicadangkan dalam akta ini ada kaitan dengan isu *glass ceiling syndrome* tetapi apa yang saya nampak itu tidak adalah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok isu *glass ceiling syndrome* ini, dia bukan satu isu yang baru di negara kita. Saya masih ingat satu *statement* yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun lepas di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyuarakan perasaan dukacita kerana dari segi peratusan kaum wanita dalam lembaga pengarah, masa itu pada *listed company*, hanya setakat 16 peratus. Pada masa itu, *target* Malaysia yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah 30 peratus.

Kalau kita ambil sasaran 30 peratus ini, sasaran 30 peratus ini bukan satu sasaran yang baru. Daripada pengetahuan saya, ia mula pada tahun 2004 tetapi yang beza pada tahun 2004 dengan *last year* ialah pada tahun 2004, sasarannya atau *target* hanya kepada sektor awam sahaja tetapi sekarang ini dia sudah masuk, saya ingat selepas Rancangan Malaysia Kesembilan antara tahun 2006 hingga 2010, dia sudah masuk untuk semua sektor termasuk sektor swasta.

Untuk sektor swasta, kalau tidak salah, dia diperluaskan pada tahun 2010. Kalau kita tengok bajet pada bulan Oktober 2010, Bajet 2011, dia mengandungi sasaran 30 peratus ini. Begitu juga dalam Bajet 2012. So, soalan saya pada hari ini ialah adakah kita telah capai sasaran ini? Apakah keadaannya sekarang?

Saya tidak mempunyai maklumat terperinci atau maklumat *latest statistics* mengenai sasaran dari segi pencapaian. Akan tetapi saya pernah baca dalam satu statistik dari *Economic Transformation Programme* di mana dia cakap dari segi peratusan pada tahun 2012, peratusan penyertaan wanita dalam lembaga pengarah syarikat *public listed* pada masa itu ialah 7.9 peratus tetapi telah meningkat kepada 10.2 peratus pada tahun 2014 dalam dua tahun.

Saya akui ada peningkatan sedikit tetapi ia masih jauh dari sasaran 30 peratus dan isu saya pada petang ini ialah kenapa kita masih gagal untuk mencapai sasaran 30 peratus itu? Pada saya, mungkin salah satu faktor kenapa kita gagal ialah pendekatan yang digunakan oleh kerajaan.

Kalau kita tengok pendekatan yang digunakan oleh kerajaan sekarang, dia menggunakan pendekatan *policy making*, *that means* dia buat polisi dan dia harap semua orang akan ikut polisi kerajaan. Seperti yang kita tahu daripada pengalaman kita sebelum ini, dalam kehidupan sebenarnya terdapat satu jurang yang besar antara polisi dan amalan *on the ground*.

So, pada saya, kalau kita tengok dari segi pelaksanaan polisi, biasanya kita pakai *approach* untuk pujukan, desakan dan sebagainya. Pada saya, saya rasa sudah sampai masanya kita kena tukar *approach* kita. Mungkin jangan pakai *approach* pujukan dan desakan, mungkin kena pakai *approach the weight of law*.

■1550

Ini kita pakai undang-undang untuk mencapai sasarannya. Kalau kita tengok dari segi apa yang saya nampak dalam undang-undang yang dicadangkan ini tidak ada sistem kuota. Pada saya bila saya cakap kena pakai pendekatan undang-undang ini, saya maksudkan pakai sistem kuota bukan pendekatan...

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Boleh mencelah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang diperbahaskan oleh Yang Berhormat ini berhubung dengan kuota pelantikan wanita dan sebagainya. Seperti yang kita tahu rang undang-undang ini termasuk *public listed company* dan *private companies*. Saya tidak berapa setuju kalau Yang Berhormat hendak memaksa, tidak setuju memaksa *private companies* untuk mengadakan beberapa ahli lembaga wanita.

Akan tetapi boleh jadi kita boleh fikir kalaulah syarikat itu syarikat *public company* kerana ianya terlibat *public as a whole*. Akan tetapi kalau syarikat saya misalannya yang *private company* kalau Yang Berhormat fikir kita kena paksa syarikat saya hendak tubuh, mesti ada beberapa orang wanita yang mungkin saya tidak dapat mencari wanita yang *while I appreciate* kepentingan wanita dalam beberapa sektor dan sebagainya. Akan tetapi *in a private company* pendapat Yang Berhormat patut kita paksa. Terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya secara peribadi saya pun tidak suka sistem kuota pada saya. Saya lebih *prefer* kalau syarikat-syarikat itu melaksanakan polisi-polisi ini dengan sukarela. Akan tetapi kalau balik kepada soalan ini, *private* dengan ini, kalau kita tengok sasaran, dua cara kita boleh capai itu. Kuota cuma satu aspek kita pakai sistem kuota. Saya cadangkan pakai sistem kuota ini bukan sebagai satu *solution* untuk jangka masa panjang cuma sebagai buat masa kini. Fasal kita tengok sambutannya sambutan dari syarikat-syarikat *private* ini dari segi sambutannya kurang sedikit.

Saya sedar salah satu sebab kenapa sambutan ini kurang ialah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tan Sri isu kepakaran dalam bidang-bidang tertentu dan sebagainya, saya sedar. *First time* saya bercakap untuk buat masa sekarang sahaja tetapi kalau kita tengok pada keseluruhan saya akui kita kena bezakan antara syarikat *public listed* dengan *private company*.

Oleh kerana di Malaysia kita amalkan polisi *new liberalism* kalau kita hendak campur sangat dalam urusan *private companies* pun tidak boleh. Salah satu cara yang lain ialah kita meningkatkan peratusan di *public sector*. Pada keseluruhannya dia akan *balance* kepada 34 peratus. Sebenarnya, *I* ingat pada tahun 2014 bukan pada peringkat lembaga pengarah tetapi pada peringkat pengurusan tinggi, *I* tidak berapa pasti *figure* untuk pengurusan tinggi, JUSA *for public sector* sudah sampai 34 peratus *I* rasa. Bukan sahaja di *public sector*, juga *I* pernah baca satu laporan HEI Malaysia punya ini untuk *public sector* pun dari segi *senior management* pun sudah sampai 30 lebih peratus, lebih dari sasaran 30 peratus. Cuma dari segi peringkat Lembaga Pengarah.

So, cadangan saya ini kalau boleh sebagai satu langkah jangka masa pendek, pujuk. Kalau tidak dapat pujuk, mungkin kenakan sebagai satu kuota tetapi bukan setakat 30 peratus. *That means* apa yang saya cadangkan ialah kita pakai *inching strategy*. Kalau tidak ada, dua tahun kita tujuh sampai sepuluh. Peningkatan 3 peratus pun ambil dua tahun. So, saya cadangkan kuota sebagai *inching strategy*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencelah. Saya mohon mencelah boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong penuh apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dan juga apa yang rakan saya Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman ucapan tadi. Saya memang setuju tetapi apa yang kita perlukan kalau boleh kita jadikan perkara ini mandatori pada setiap GLC dan juga swasta dengan insentif-insentif. Kalau di dalam swasta dia sangat rendah peratusan wanita di peringkat pembuat dasar tetapi apa yang lebih menyedihkan ialah peratusan wanita di dalam Parlimen. Itu saya kira tidak sampai 20 peratus dan tidak sampai pun 15 peratus. Inilah saya mohon *political will* untuk menambahkan peratusan wanita di dalam Parlimen, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua saya hendak tumpang pandangan Yang Berhormat masuk dalam cadangan saya kepada kementerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih dan sekarang saya kata tadi bahawa kita ada seorang sahabat kita yang hari ini *last day*. Beri penghormatan kepada Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat. Saya hendak katakan bahawa kami di sini mengucapkan selamat berjumpa lagi. Harapan kita jasa kita punya Yang Berhormat ini banyak kepada Parlimen dan negara kita. Itu tidak boleh kita lupa budi dia Yang Berhormat. Bak kata orang tua-tua tadi,

*Di atas bukit tanamnya ubi,
Burung tempua buat sarang,
Bukan budi sebarang budi,
Budi baiknya dikenang orang [Tepuk]*

Jadi kita harap berjumpa lagi. Dengan ini sebagai penghormatan kita minta Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat, silakan.

5.57 ptg.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bertambah sedihlah lagi saya dengan apa yang diungkapkan oleh Tuan Yang di-Pertua sebentar tadi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan yang dikasihi sekalian.

Sebelum saya membawakan bahas Rang Undang-undang Syarikat 2015 ini, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada rakan-rakan saya, pada tengah hari tadi jam 2 petang mengadakan majlis meraikan persaraan saya, dibuat potong pulut kuning. Saya ingat ada majlis hantar tanda kah apakah tadi, seperti majlis bertunang.

Terima kasih kepada Tan Sri Pengerusi Majlis Senator dan rakan-rakan dan kebetulan pula dibacakan doa oleh Dato' Dr. Johari bin Mat. Terima kasih pada semua dan jasamu tetap ku kenang. Pantun saya Tuan Yang di-Pertua.

*Pisang emas bawa belayar,
Masak sebiji di atas peti,
Hutang emas boleh ku bayar,
Hutang budi ku bawa mati.*

*Buah pauh delima batu,
Anak sembilang di tapak tangan,
Walau jauh beribu batu,
Hilang di mata di hati jangan.*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut ingin membahaskan Rang Undang-undang Syarikat 2015 yang setebal mana saya tidak dapat hendak hitung dia punya helaiannya tetapi saya nampak dia beratur atas meja Yang Berhormat Menteri. Tahniah Yang Berhormat Menteri, Menteri baru kuat kerja. Saya difahamkan orang kampung pun banyak kenal Menteri ini rajin turun padang, tahniah Yang Berhormat [Tepuk]

Sekali lagi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya bangun untuk turut bersama membahaskan tentang Rang Undang-undang Syarikat yang baru ini dan secara tidak langsungnya Akta Syarikat 1965 dimansuhkan. Akta Syarikat 1965 ini dikuatkuasakan sejak 49 dengan 35 kali pindaan bagi memastikan ianya selaras dengan perkembangan semasa bidang perniagaan.

■1600

Namun dengan perkembangan terbaru kita memerlukan akta yang lebih efisien dan efektif dan selaras dengan aliran dunia yang cukup cepat dan tanpa sempadan ini. Rang Undang-undang Syarikat ini juga akan memberi keanjalan dan fleksibiliti kepada syarikat dalam urusan kawalan dalaman dan amalan tadbir urus korporatnya sendiri. Secara keseluruhan, Rang Undang-undang Syarikat akan membantu komuniti perniagaan terutamanya industri kecil dan sederhana atau IKS untuk lebih berdaya saing dengan memastikan amalan tadbir urus korporat yang teguh dan telus bagi memelihara kepentingan bukan sahaja pemegang saham syarikat tetapi juga pihak-pihak berkepentingan lain seperti pekerja sektor korporat yang bertransaksi dengan syarikat kreditor ataupun institusi kewangan dan perbankan para pengguna dan negara amnya.

Dalam akta baru ini sangat memudahkan semua pihak di mana untuk menubuhkan syarikat yang di cadang dengan hanya seorang pemegang saham dengan liabiliti terhadap pemegang saham tunggal syarikat dibenarkan juga bertindak sebagai pengarah syarikat jenis ini. Walau bagaimanapun, akta baru mereka hendaklah mematuhi segala peruntukan berhubung tadbir urus korporat bagi memastikan hak dan kepentingan pihak-pihak *shareholder* yang lain adalah terpelihara. Satu perkara yang amat penting yang saya hendak cadangkan adalah pendidikan dan kesedaran kepada rakyat tentang peruntukan akta baru agar warga peniaga dan usahawan jelas dengan akta baru ini. Justeru, wajar sekali kerajaan menganjurkan program dan ceramah memperkenalkan akta baru ini kepada rakyat dan warga peniaga.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah merangka dan mengadakan mekanisme undang-undang yang komprehensif, sempurna dan selaras dengan aliran semasa bagi memastikan bidang perniagaan kita lebih berdaya saing selaras dengan negara kita menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi. Di harap semua akta ini bila dikuatkuasakan dapat dilaksanakan dengan bijak dan efektif.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri. Kita bercakap di sini, dia tunggu di situ. Inilah yang nak jadi contoh Tuan Yang di-Pertua. Bukan nak mengampu, saya pun lepas ini dah habis. Jadi contoh ini perlu diikuti oleh Menteri-menteri yang lain. Saya teringat waktu nak menjawab soalan-soalan dalam Parlimen, dalam Dewan Negara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengarahkan supaya semua Menteri akan menjawab soalan-soalan dalam Parlimen dan juga dalam Dewan Negara dan ini sesuai.

Saya harap Tuan Yang di-Pertua, lain kali kalau saya tengok di TV, bukan saya tidak suka Timbalan Menteri, kalau boleh Menteri-menteri inilah yang jawab kerana dia ada kuasa untuk memutuskan boleh atau tidak dan ikutlah contoh Menteri yang ada di hadapan kita ini [*Tepuk*] Mudah-mudahan lepas ini boleh berjempal ya Menteri. Majlis tertinggi, saya juga Exco Wanita UMNO Malaysia. Hari ini saya pakai baju merah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini- yang itu sedikit saja Tuan Yang di-Pertua... Yang Berhormat Menteri dan yang lain itu saya rasa Yang Berhormat Menteri yang kena buat kajian yang lebih terperinci. Kita ini saja untuk membuat sokongan kepada Menteri supaya keadaan undang-undang itu lebih kuat dan lebih kukuh. Di kesempatan ini saya juga ingin mengambil peluang mengucapkan kata-kata akhir sebagai Ahli Dewan yang mulia ini kerana tarikh tamat tempoh saya ialah 2 Mei 2016. Memandangkan 2 Mei itu jatuh pada hari cuti maka hari ini ialah hari terakhir buat saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mula dilantik pada 3 Mei 2010 sehingga 2 Mei 2013. Kemudian lantikan yang kemudian 3 Mei 2013 dan berakhirnya 2 Mei 2016 walaupun saya mengangkat sumpah pada bulan, 19 Julai, mungkin ada sedikit konflik tetapi tarikh termaktub ialah 3 Mei.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh enam tahun berada di sini, saya sangat gembira berada bersama-sama dengan rakan-rakan Yang Berhormat yang sangat ceria dan sama-sama menyokong saya sewaktu saya berada di dalam Dewan ini. Saya sungguh mendapat banyak pengalaman yang indah-indah sebagai Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara. Saya sesungguhnya berbesar hati dan berterima kasih kerana diberi peluang menjadi sebahagian daripada penggubal undang-undang negara yang pastinya setiap perbahasan kita bertujuan untuk menjaga kepentingan rakyat dan kemakmuran negara.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengulangi dan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana mempersetujui pelantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara. Saya juga berterima kasih yang amat sangat kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

Kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin sewaktu itu Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, waktu itu Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana telah mempersetujui dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara sehinggalah tamat pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pantun daripada saya:

*Pergi memancing ke Pulau Rokan,
Terus singgah ke Pulau Pedati,
Budi mu Dato' Sri takkan ku lupakan,
Akan ku kenang sampai ke mati.*

Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab yang telah diamanahkan telah saya laksanakan dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas untuk kepentingan rakyat seluruhnya dan demi bangsa, agama dan negara yang tercinta. Sesungguhnya pengalaman selama enam tahun yang saya memegang amanah sebagai Senator dan Ahli Parlimen ini telah banyak pengalaman dan pengajaran buat diri saya dalam melaksanakan tugas sebagai Senator untuk menyuarakan suara rakyat dalam merangka dasar dan polisi negara yang tercinta ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pengalaman saya ke luar negara bersama-sama dengan mantan Tuan Yang di-Pertua juga menyedarkan saya betapa kita patut sayangkan negara kita, memelihara perpaduan dan sama-sama menyumbang untuk pembangunan negara dibandingkan dengan negara maju yang saya lawati. Saya percaya negara kita banyak kebaikan dan banyak kemajuannya. Malah lebih maju dari mereka dalam setengah perkara dan Malaysia adalah yang paling terbaik.

Cuma saya ada satu kenangan saya sewaktu saya ke luar negara bersama-sama dengan mantan Tuan Yang di-Pertua, bersama-sama dengan rakan saya Datuk Nalla, Yang Berhormat Perlis dan juga Yang Berhormat Khalid dan juga Yang Berhormat Datuk Olian dan rakan-rakan yang lain. Waktu itu kaki saya sakit dan terseliuh tetapi oleh kerana atas permintaan Tuan Yang di-Pertua waktu itu, dia minta saya pergi dan saya pergi juga walaupun kaki saya bengkok dan merah dan saya tahankan hati saya.

Ditanya sakittak, orang politik ini Yang Berhormat Tan Sri Ali Rustam, orang politik kalau cakap sakit, dia cakap tak sakit, betul tak? Kalau cakap sakit, nanti dah tidak boleh jadi wakil rakyat. Akan tetapi saya bukan nak yang bab itulah tetapi politik memang jenis itulah. Jadi waktu saya di sana, ini cerita sikit Tuan Yang di-Pertua, boleh saya ambil masa sedikit saja?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh.

■1610

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ini Tuan Yang di-Pertua baru ini dia hebat lah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Waktu itu, Datuk Nalla dia hendak balik. Kemudian dia pesan dengan Datuk Olian. Saya ingat, ini sejarahlah. Dia kata "*Budi yang baik tetap dikenang juga dan akan ku bawa hingga ke mati*". Itu dia yang mahalnya Datuk Nalla.

Saya tidak fikir Datuk Nalla boleh baik dengan saya kerana saya baru sebentar berjumpa. Selalu yang saya tahu dia baik dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim sahaja. Mana fikir dengan saya dia boleh baik tetapi hari itu dia boleh baik tetapi bukan berkasihlah tetapi Datuk Nalla memang orang yang baik dan dia hendak balik, dia pesan dengan Tuan Yang di-Pertua *you* tolong jaga Yang Berhormat Noriah dia kata. Pasal saya sakit dan saya berterima kasih banyak kepada Yang Berhormat Datuk Olian dan Yang Berhormat Khalid dia tolong bawa beg saya. Jadi, saya hari itu macam ada *bodyguard* lah.

Terima kasih kepada rakan-rakan saya dan khasnya kepada Datuk Nallakaruppan. Budimu tetap ku kekang. Jadi, kepada Datuk Nalla dan rakan-rakan ini satu pantun buat saya.

*Harum sungguh bunga melati,
Kembang setangkai di waktu pagi,
Hancur seluruh rasa hati,
Sedang berkasih terpaksa pergi.*

Seterusnya bagi rakan-rakan Ahli Dewan yang mulia ini saya ucapkan selamat maju jaya, selamat berjuang rakan-rakan sekalian, rajin-rajinlah duduk dalam Dewan ini. Jangan rajin duduk di luar Dewan kerana saudara-saudara dilantik sebagai Ahli Dewan Negara. Bukannya sebagai Ahli Dewan Kafeteria. Ini bergurau ya tetapi benar [Ketawai] Kepada rakan-rakan saya, ingatlah pesan bekas Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Abu Zahar Ujang supaya kita duduk di dalam Dewan ini, kerana kalau tidak duduk dan turut membahaskan perkara-perkara yang sepatutnya kita bimbang nanti kalau di akhir hayat kita di mahsyar nanti kita bimbang takut kita ditanya. Apa hendak kita jawab di padang mahsyar, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kepada sidang hadirin sekalian saya juga turut ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan saya terutama pada jiran saya yang dua ini. Kalau kita bercakap dia tolong ambil gambar. Kalau saya ada masalah sedikit saya tolong tanya dengan Datuk Boon. Hari ini pula Datuk Boon dia hendak suapkan saya tadi. Tadi ada jamu dekat sini, saya kena hormat tetapi jangan *viral* kan benda itu. Saya tidak ada masalah, saya takut Datuk Boon yang bermasalah. Jadi, jangan susah hati. Tadi kata Tuan Yang di-Pertua, saya sudah lama orang tidak hidangkan saya. Jadi, saya cubit sedikit pulut itu. Saya cuma hulurkan sahaja dengan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Rahim. Mudah-mudahan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Rahim akan terubat juga lah.

Saya juga berterima kasih kepada Setiausaha Dewan Negara Encik Riduan Rahmat pegawai dan kakitangan Parlimen, pegawai-pegawai penyelidik, pegawai kewangan. Nampaknya pegawai kewangan ini *up to date* lah buat kerja. Kenaikan gaji kita, elaun-elaun kita, semua dimasukkan *ad hoc*, cepat, pantas, dan juga tuntas. Tahniah.

Bahagian protokol antarabangsa, pegawai-pegawai dari kementerian-kementerian yang mencatat hujah-hujah kita, kepada media saya rasa kerap gambar-gambar saya terurai di dalam TV dan juga di surat khabar mulai tahun 2010 hinggalah sekarang. Terima kasih banyak juga kepada rakan karib saya Wan Noorzaleha Wan Hasan daripada pegawai penyelidik yang selama ini membantu sepenuhnya kepada saya. Kepada rakan-rakan saya yang membantu saya ucapkan berbilang-bilang terima kasih dan Allah SWT sahaja yang membalasnya.

*Pohon berangan tempat bertemu,
Girangnya rasa si anak dara,
Teruslah tuan melabur budimu,
Binalah bangsa bangunkan negara.*

*Bunga seroja di atas para,
Seroja datang dari Pekan,
Andai saya tersilap bicara,
Kemaafan jua saya pohonkan.*

*Dari Kedah ke Pekan Sehari,
Beli suasa di Kota Tinggi,
Selesai Amanah ku undur diri,
Di lain masa berjumpa lagi.*

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi jutaan terima kasih dan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang baru dan juga Timbalan Yang di-Pertua. Mudah-mudahan Tuan Yang di-Pertua dan Timbalannya akan dapat membawa nama Parlimen ini ke mercu tanda di peringkat dunia sana. Terima kasih dan maaf banyak-banyak sekali lagi kepada rakan-rakan sekalian kalau ada silap dan salah sepanjang saya bersama dengan tuan-tuan dan pegawai sekalian.

Maklumlah saya ini mulut ada celopar sedikit Tuan Yang di-Pertua. Anggaplah itu perkara biasa dan kalau ada yang berkecil hati jumpalah saya *insya-Allah*. Saya mohon maaf banyak-banyak dan kepada yang lain-lain kalau ada terhutang minta halalkan sahajalah kalau sedikit-sedikit itu. Jadi, terima kasih banyak. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan saya mohon menyokong [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah. Hendak cakap?

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Hendak cakap sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai anak saya hendak sampaikan tiga pantun saya kepada Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah yang saya anggap sebagai bonda saya. Walaupun dari jauh. Semenjak saya jadi Yang Berhormat ini saya dikelilingi oleh lelaki-lelaki semua. Hari ini genap dua tahun, dekat depan lelaki, kiri lelaki. Nasib baik ada Yang Berhormat Khairiah. Jadi, pantun saya kepada Datuk Noriah ialah.

*Pok amai-amai,
Belalang kupu-kupu,
Datuk Noriah nampak sahaja santai,
Tetapi orang nya banyak ilmu.*

*Pok amai-amai,
Belalang kupu-kupu,
Datuk Noriah orang yang pandai,
Saya anggap dia sebagai sifu.*

*Pok amai-amai,
Belalang kupu-kupu,
Kami Yang Berhormat ramai-ramai hendak habaq,
We will miss you, dengan izin.*

We love you, itu Tan Sri Ali Rustam yang cakap kalau tidak silap saya. Tuan Yang di-Pertua, sebagai Yang Berhormat yang muda, yang baru, saya melihat dari jauh segala pengalaman Datuk Noriah saya ambil dan hari ini saya hendak katakan celoteh Datuk Noriah, lawak Datuk Noriah, garang Datuk Noriah ada ilmu. Membuatkan hati saya hendak ambil pengalaman daripada Datuk Noriah. Jadi, di kesempatan ini juga saya hendak terus terang kepada Datuk Noriah. Sebelum Datuk Noriah bersara saya hendak katakan di sini sampai ke isu tandas murid-murid sekolah pun Datuk Noriah bawa masuk dalam Dewan Negara.

Itulah pejuang sejati, itulah seorang pemimpin yang saya hendak ucapkan selamat bersara. Saya doakan Datuk Noriah dan sekeluarga dilimpahi kasih sayang Allah, mendapat keberkatan, kerahmatan dan kesejahteraan dunia akhirat dan *insya-Allah* 30 hari bulan ini saya akan *pi* tengok bola Kedah lawan JDT. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja dari saya. Kepada Datuk Noriah, salam sayang. Datuk Shukor kata bagi pihak dia lah juga dan semua lah. Salam perjuangan, teruskan perjuangan membela rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan kata-kata itu, jangan lupa kami dalam Dewan Negara ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah kerana akan bersara dari menjadi seorang Senator pada 2 hari bulan yang akan datang. Akan tetapi hari ini adalah hari terakhir bagi beliau. So, kita pun hendak raikan bersama tetapi pihak Parlimen dahulu dia kumpulkan semua orang kalau satu atau dua orang tetapi kita akan beri jemputan kepada Datuk Hajah Noriah supaya datang ke Parlimen balik untuk jamuan yang kita akan adakan untuk Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada minta maaf dan berbesar hati dengan semua Yang Berhormat cakap itu. Ini adalah adat orang Melayu. Mohon maaf dan berjasa kepada pemimpin-pemimpin kita.

■1620

Terima kasihlah contoh Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah. Ini ada satu pantun, cakap adat orang Melayu ini, "*Biar mati anak, jangan mati adat*". So Yang Berhormat tadi, saya tengok *you*, saya pernah berjalan ke Filipina dengan Yang Berhormat. Pertama kali kita pergi, saya tengok Yang Berhormat bukan sahaja pendiam, apabila buka mulut itu macam Yang Berhormat cakap itulah [*Ketawa*]

Akan tetapi saya berdoa supaya Yang Maha Esa itu panjangkan umur Yang Berhormat dan khidmat Yang Berhormat ini akan berterusan. Okey, sekarang kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali untuk berucap.

4.20 ptg.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ingat tadi tidak ramai, saya pun letak nama. Atas kebenaran untuk memberikan perbahasan dalam Rang Undang-undang Koperasi- maaf saya, Rang Undang-undang Syarikat 2015. Sebelum itu saya juga hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah dan selamat bersara. Saya kenal beliau lama, selalu jumpa. Saya doakan sihat, panjang umur dan juga murah rezeki. Mudah-mudahan kita akan kerap lagi bertemu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Seri Hamzah bin Zainudin kerana telah berjaya mengetuai kementerian ini dengan jayanya walaupun dalam tempoh yang singkat, dapat mengawal isu-isu kawalan harga terutamanya yang sentiasa menghantui kehidupan kita. Hari ini beliau juga sedang memperkukuhkan lagi akta-akta berkaitan dengan perniagaan yang juga telah menyebabkan ramai orang bankrap ya. Dengar khabar 29,000 dan dengan adanya akta yang telah dikemas kini ini, saya percaya akan dapat menggerakkan untuk menubuhkan perniagaan, menggalakkan orang berniaga dan juga dapat mengurangkan kebangkrupan kerana kawalan-kawalan lebih ketat yang saya lihat sedang dilakukan.

Antara kemudahan yang telah diketengahkan yang memang ditunggu-tunggu, macam yang disebut oleh kawan-kawan kita iaitu hendak tubuh syarikat sendirian berhad tidak perlu lagi ada dua. Dulu kita kena pinjam nama orang. Jadi hendak pinjam nama orang pun kena bayar Tuan Yang di-Pertua. Jadi dengan adanya seorang, maka tidak perlulah kita bayar yuran bulanan yang tidak sepatutnya dilakukan.

Kedua, tidak perlu mesyuarat agung. Dulu, kadang-kadang kita pun terlupa mesyuarat agung, lebih-lebih lagi syarikat yang tidak baik. Selepas itu sudah kena denda pula, padahal tidak apa pun yang berniaga. Jadi dengan ada ini, ini juga telah mengurangkan lagi isu pada peniaga-peniaga.

Ketiga, M&A. Sekarang ada juga M&A tetapi kalau hendak pun boleh, tidak hendak pun tidak apa. Kita tubuh syarikat tujuan kita pertanian, tiba-tiba kita hendak masuk *construction*, sudah termasuk pula. Jadi itu salah kerana tidak ikut dalam M&A, hendak kena betul dahulu. Baru ini difahamkan kalau berniaga pertanian katalah berniaga lembu, tiba-tiba hendak buat pembinaan, boleh. Tidak perlu lagi hendak ubah *article of memorandum* kerana ikut akta ibu. Kalau ini saya fikir amatlah baik kecuali kalau hendak berniaga pula kesihatan, itu sudah lari tentukan oleh pakar. Kalau hendak berniaga kesihatan boleh, tanpa M&A. Itu saya harap dapat dijelaskan lagi.

Satu lagi isu berkaitan dengan *conflict of interest*. Orang-orang saya- saya dulu Ketua Menteri, pegang syarikat kerajaan. Katalah Syarikat Air Melaka, pegang juga Perbadanan Ekonomi Negeri Melaka. Kemudian syarikat air hendak beli bangunan perbadanan hendak buat pejabat, jadi saya kena keluar padahal saya tidak ada kepentingan. Saya cuma wakil kerajaan. Jadi, ada dua versi. Satu kata elok keluar, satu kata tidak keluar pun tidak apa. Akan tetapi antara elok dengan tidak elok, kita keluarlah.

Jadi hendak tengok sepatutnya saya fikir tidak perlu keluar kerana kita tidak ada kepentingan, kita cuma wakil kerajaan. Jadi yang ini kadang-kadang boleh juga disalahertikan dan orang-orang politik boleh mengata, "*Wah, ini satu kepentingan. Syarikat air dia pengerusi, dia beli bangunan perbadanan ekonomi negeri dan dia juga jadi pengerusi*". Saya fikir yang ini patut jelas. Saya punya pandangan tidak perlulah tetapi dalam nasihat daripada peguam, ada kata perlu dan ada kata tidak perlu. Akan tetapi kedua-dua pun okey, tetapi mana satu okey? Jadi apabila kita buat keputusan, selalunya kita keliru.

Saya juga hendak tanya, ada syarikat dulu dia berniaga emas Tuan Yang di-Pertua, namanya Syarikat Wakalah. Jadi dia datang jumpa saya. Kita pun tubuhlah satu *company* dan kita pun belilah. Kalau satu emas itu katakanlah 100 gram RM100. Kita janji dengan dia ada sijil ada emas.

Emas itu mesti disimpan dalam bank, semua setuju *board meeting*. Jadi apabila lepas itu kita serah pengurus besar, so *start*lah berniaga, orang pun beli. Satu kali syarikat ini sudah tidak bayar dividen. Habis kita kata tidak bayar dividen tidak apalah, ambillah emas ini.

Rupa-rupanya emasnya tidak ada. Fasal apa, semua sudah lupa, ambil sijil sahaja. Selepas itu tanya dia, mana pergi duit? Dia sudah labur dekat Australia, dekat Bursa Saham. Selepas itu di sana pun dia rugi. Kemudian pergi mahkamah lawan. Lawan, kita pula difahamkan tidak berjaya. Jadi, orang ini terlepas. Apa yang kita sudah beli emas RM6 juta hingga RM7 juta ini apa hendak jadi?

Jadi saya ingat yang ini kita hendak kena betulkan balik atau perkuatkan. Kalau syarikat berniaga emas ini mesti ada sijil, mesti ada emas. Kalau orang lupa, dia bagi sijil, emas dia tidak bagi, orang ini mesti didapati bersalah. Jadi sekarang ini rugilah Tuan Yang di-Pertua, kerana itulah saya tanya mengapa. Dia kata orang sudah setuju beli, selepas itu dia berniaga, sama-sama rugilah. Eh, saya kata mana pula. Dulu janji mesti ada sijil mesti ada emas. Ini ada *loophole* yang patut kita perbaiki.

Seterusnya saya hendak bangkit macam kita boleh lantik lembaga pengarah tambahan. Katalah syarikat sayakan, selepas itu saya sudah ambil nama stail sikitlah, John ataupun Donald Trump. Suka hatilah bukan atau Hillary, nama orang itulah. Clinton, nama sedap. Dia tidak ada apa-apa, cuma saya hendak pakai nama sahaja. Saya pun lantik dia jadi lembaga pengarah. Difahamkan dalam akta ini boleh tetapi dia itu tidak ada guna, cuma hendak pakai nama. Habis saya pula hendak cari orang Arab, supaya nama Arab, nama letak Islam sikit, letak Arab, bolehkah macam itu? Macam mana kerajaan hendak kawal cuma guna nama sahaja?

Satu lagi saya hendak bangkitkan nama syarikat ini, kadang-kadang kita pun banyak juga teguran. Ada nama orang putih campur nama Melayu. Adakah nama *company* kita ini, kita benarkan? Nama campur-campur. Kemudian juga perjanjian-perjanjian. Ada orang yang berniaga ini dia tidak faham bahasa Inggeris, dia hendak dalam bahasa Melayu. Jadi syarikat ini hendak dalam bahasa Inggeris sahaja. Kita sekarang ini benarkan kedua-dua bahasa, jadi apakah dasar kerajaan? Apakah kita masih fleksibel macam sekarang ataupun kita perlahan-lahan akhirnya majoriti perjanjian adalah dalam bahasa Melayu?

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya hendak ubah nama. Ada satu kes kita namakanlah ABC Sendirian Berhad, hendak tukar nama 123 Sendirian Berhad. Dulu dikenali sebagai ABC Sendirian Berhad. Tidak silap saya yang ini kena bertahan dalam enam bulan, selepas itu barulah boleh pakai 123 Sendirian Berhad. Apabila kita mohon pinjaman, ada satu kes kita pakai ABC Sendirian Berhad, selepas itu kita tukar 123 Sendirian Berhad.

Jadi kita kata kita mohon ABC, dia tanya, "*Eh, sekarang nama company ini sudah 123, mengapa ABC?*" Saya kata ABC Sendirian Berhad, dulu dikenali sebagai 123 Sendirian Berhad. Jadi dia tidak mahu, dia suruh mohon balik. Jadi yang ini pun menyusahkan juga orang berniaga bukan? Hendak mohon balik itu dia kena postur balik. Jadi saya berpendapat, ABC Sendirian Berhad dulu dikenali sebagai 123 Sendirian Berhad itu memang boleh diguna pakai walaupun dia gunakan nama baru kerana nama lama itu adalah sah kerana sudah masuk dalam SSM. Akan tetapi agensi ini tidak mahu terima juga.

■1630

Ini juga telah menimbulkan kelewatan. Kalau orang hendak pinjam duit kerana hendak pinjam rumah kah atau hendak bayar pinjaman, janji tiga bulan mesti bayar. Ini semua menyebabkan masalah pentadbiran dan juga masalah perniagaan. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, berapa banyak syarikat yang telah bankrap? Kemudian, bagaimana tindakan kita akan datang untuk mengurangkan, nasihat-nasihat daripada kementerian, supaya kurang syarikat-syarikat yang bankrap pada masa akan datang?

Tadi yang saya sebut tukar nama sebentar tadi itu, saya hendak tambah sedikit. Berapa lama tempoh itu, supaya tukar nama lembaga pengarah pula, katakan hari ini nama saya ada, esok saya tukar nama Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi, makan masa berapa lama? Dahulu saya ada sebuah kes di negeri. Setahun nama saya kena belum padam. Dia pakai nama lama. Sekali kawan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan dapat tahu, dia kata, '*Wah! Macam mana Tan Sri punya nama ada dalam ini? Tan Sri mana boleh berniaga*'. Padahal nama saya itu patut sudah keluar tetapi terlewat keluar. Jadi sekarang ini, berapa lama, sebulan kah atau pun dua minggu?

Saya hendak mengucapkan tahniah juga kerana daftar niaga sekarang ini sudah cepat. Kalau dahulu, makan sebulan dua. Sekarang ini saya dengar satu hari. Jadi, tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah banyak memudahkan tindakan-tindakan kita pada masa kini. Akhirnya...

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Saya mencelah sedikit ya? Boleh Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Saya hendak masuk kepada yang disebut oleh Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohd Ali tadi iaitu fasal 14, nama syarikat, status dan jenis perniagaan. Di mana mereka boleh mendaftar syarikat tetapi dalam jenis perniagaan bagi syarikat yang dicadangkan inilah menjadi sebuah isu yang besar. Contoh yang disebut tadi, saya pernah pun terkena. Contohnya, emas Geneva. Dia hendak mendaftar, dia perlukan daftar syarikat dan dia sebutlah, ini sudah didaftarkan. Jadi, boleh *collect*.

Mereka ini akan memberi sekilogram, setengah kilogram emas dan akhirnya, syarikat ini didapati tidak mendapat kelulusan dari Bank Negara. Ini tidak boleh jenis perniagaan itu diletakkan tanpa kelulusan sama ada diletakkan dahulu, maksudnya penjualan emas. Perlu atau tidak mendapatkan kelulusan dari Bank Negara? Kalau perlu, perlu dapatkan kelulusan dari Bank Negara, termasuklah untuk pengurup wang. Perlu mendapatkan kelulusan dahulu sebelum perniagaan itu dibuka.

Dahulu berlaku lagi. Dahulu menternak lintah, banyak orang kampung kena. Lintah ini ditenak, bagilah RM5,000 satu tong. Bagi tong dan lintah. Lintah ini digunakan untuk perubatan. Ramai orang kampung kena RM5,000. Jadi, tambah juga lagi dengan penternakan ikan sembilang. Begitu juga konsepnya. Jadi, bagaimana fasal 14 ini dapat dikuatkuasakan dengan lebih *detail* daripada jenis perniagaan dan mendapat kelulusan daripada Kementerian yang berwajib, yang mendapatkan supaya perniagaan itu sah di sisi pendaftaran syarikat? Itu sahaja.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, macam keluar tajuk sedikit. Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya terlepas pandang rakan karib saya Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohd. Sadique. Minta maaf Yang Berhormat Datuk Halimah, tidak tahu apa *magnetnya* Yang Berhormat Datuk Hamzah ini sampai tak terperasan Yang Berhormat Datuk Halimah dekat hujung. Jadi, dahsyat betul Yang Berhormat Datuk Hamzah ya. Jadi, saya berterima kasih banyak, Yang Berhormat Datuk Halimah juga salah seorang yang rajin dan tekun berada di dalam Dewan ini. Beliau lebih lama duduk dalam Dewan dari luar Dewan. Tahniah Yang Berhormat Datuk. Saya doakan Datuk supaya dapat naik pangkat macam Yang Berhormat Datuk Hamzah. Terima kasih.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya sokonglah Yang Berhormat Dato' Mohd Salim yang telah mengulas tadi sebagai- juga masukkan dalam soalan saya. Kepada Yang Berhormat Datuk Halimah, memanglah beliau ini memang rajin. Memang *wanted* lah dalam Dewan ini. Kalau beliau tidak ada, kita semua sepi. Beliau selalu belanja makan tengah hari tetapi beliau belum belanja saya lagi. Beliau sudah belanjalah, cakup main-main sahaja. Tuan Yang di-Pertua, penghabisan saya hendak tanya.

Dengar khabar SSM untung sekarang. Yang Berhormat Datuk Hamzah membawa banyak untung kerana kalau betul SSM dapat menguruskan dengan lebih cekap seperti yang Yang Berhormat Menteri sedang uruskan, saya percaya, saya juga akan menjadi penyumbang kepada kekuatan ekonomi kerajaan yang juga merupakan ekonomi negara kita. Itulah sahaja yang ingin saya bahaskan. Saya sekali lagi menyokong penuh Rang Undang-undang Syarikat 2015 yang telah dibentangkan oleh Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah.

4.35 ptg.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh [Membaca sepotong doa]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut berbahas Rang Undang-undang Syarikat 2015 yang saya baca muka surat pertama dan muka surat terakhir sahaja kerana terlalu panjang. Saya tertarik dengan muka surat terakhir, yakni rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Jadi, saya tidak faham maksudnya itu. Saya minta Yang Berhormat Menteri bagi sedikit penerangan berhubung dengan *the last statement* dalam rang undang-undang ini.

Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berani menukar undang-undang lama kepada undang-undang yang baru. Biarlah apa orang hendak kata pun, dahulu katanya rang undang-undang 1965 itu lebih ketat, sekarang lebih longgar. Ketat, longgar sama sahaja. Kalau dia hendak tipu, tipu juga Yang Berhormat Menteri. Jadi, kita buat apa yang kita rasa patut dan saya juga mula-mula takut hendak berbahas Yang Berhormat Tan Sri Ali, kerana sudah menjadi sejarah semasa pembentangan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak pernah takut.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: ...Kerana telah menjadi sejarah dalam perbahasan rang undang-undang ini. Saya tidak tahu apa akibatnya dan saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, kenapa salah seorang Ahli Dewan Rakyat pengsan apabila berbahas rang undang-undang ini? Saya apabila tengok video itu pun saya tidak faham. Apa dia soalnya, apa dia jawapan daripada Yang Berhormat Menteri mungkin tidak habis pada hari itu, pengsan terus. Sebab itu saya juga rasa takut hendak berbahas rang undang-undang ini takut turut sama beku otak.

Saya rasa dengan begitu tebalnya rang undang-undang ini pun, tentu sekali mereka amat *detail* di dalam mengkaji rang undang-undang ini. Jadi, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri. Saya dengar tadi bahawa Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa CLRC mengkaji, mengkaji dan mengkaji sehingga diadakan *lab* dan sebagainya, mendapat respons. Cuma soalan saya, dalam CLRC ini ada orang politik atau tidak? Kalau ada orang politik, takkan pula sampai masuk pengsan. Tentu mereka sudah faham, mungkin tidak ada orang politik di dalam ini.

Saya juga hendak sentuh kerana rang undang-undang ini terlalu panjang, pemberian rang undang-undang ini kepada kita, tidak ada masa untuk kita hendak baca pun. Tiga hari sebelum Dewan, kita dapat rang undang-undang ini. Hendak tengok Rang Undang-undang Dadah, tengok Rang Undang-undang Kanak-kanak, hendak tengok macam-macam lagi. Jadi kalau dapat Tuan Yang di-Pertua, tidak payahlah bagi *handphone* atau apa, bagi satu taklimat kepada kami. Sekurang-kurangnya kami faham.

Jadi, tidak ada langsung taklimat yang diberikan kepada kita berhubung dengan rang undang-undang ini. Rang undang-undang yang begitu tebal.

Rang undang-undang yang begitu komprehensif tetapi tidak ada satu taklimat yang diberikan kepada kita untuk kita sekurang-kurangnya dapat juga memahami dari segi pelaksanaannya. Saya juga berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana saya juga mempunyai syarikat. Khususnya kepada M&A. Memorandum *Articles of Association* ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah kita baca pun.

■1640

Selama dalam syarikat, saya tidak pernah baca M&A ini. Tetapi bila kita hendak berniaga, bila kita hendak sesuatu, khususnya Kementerian Kewangan, dia mesti hendak tahu M&A itu boleh tidak berniaga macam itu. Maka, kita pun bayarlah kepada *company secretary* tukar atau masukkan dalam M&A fakta-fakta yang kita hendak berniaga tersebut. Ini satu benda yang saya rasa tidak ada makna langsung, tidak ada kepentingan, tidak ada keperluan dalam M&A itu. Jadi, saya ucapkan tahniah kerana berani.

Walaupun ada orang mengatakan bahawa kita di dalam Islam pun ada Al-Quran dan hadis yang kita ikut tetapi dalam syarikat sekarang tidak ada lagi perlembagaan, tidak ada lagi M&A, tetapi saya hendak katakan di sini bahawa M&A itu tidak pernah dikaji, tidak pernah dilihat malah *director of companies*, dengan izin, pun tidak pernah menengok langsung M&A ini. Hanya untuk dibekalkan bila kita hendak masuk tender sahaja.

Seperkara lagi, saya juga hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan AGM. Saya, Yang Berhormat Tan Sri Ali dan Yang Berhormat Tuan Shukor, contohnya, kami buat satu syarikat. Yang Berhormat Tan Sri Ali pegang 40 peratus, Yang Berhormat Tuan Haji Shukor pegang 40 peratus dan saya pegang 20 peratus. Saya ini menjadi minoriti. Dan bila tidak ada mesyuarat, maka tidak dibentang akaun. Yang Berhormat Tan Sri Ali bincang dengan Yang Berhormat Tuan Haji Shukor, dia kata kita beli tanah. Saya yang 20 *percent* ini tidak dipanggil kerana saya minoriti.

Jadi, apakah yang kerajaan ataupun di dalam undang-undang ini *tackle the minorities* yang tidak payah yang hendak tengok akaun pun, malah mesyuarat pun tidak dipanggil? Bukan sahaja hendak tengok akaun ini, malah mesyuarat pun tidak perlu dipanggil. Bila akaun ini tidak diberikan, mana kita tahu syarikat buat banyak mana *profit*?

Dan kadang-kadang akaun ini pun, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya suka dengan – bukan hendak melihat kepada Singapura atau Hong Kong itu tetapi negara ini maju. Mereka ada satu *threshold*. Kalau mereka berniaga dalam lingkungan, kalau tidak salah saya 2.5 juta, dalam lingkungan itu, tidak payah ada audit lagi dah, *no need to audit*. Jadi mereka dengan secara tidak langsung dia *don't waste their money on audit*. Apa yang hendak diauditkan dengan 2.5 *millions and below* dengan izin?

Jadi, saya merasakan bahawa ini juga tidak perlu. *Company secretary* juga tidak perlu. *It's too small*. Kalau minoriti tidak dipanggil untuk dibentangkan audit ini, maka saya rasa tidak perlu di audit pun. Kalau *public listed company*, kita ada AOB yang audit *auditors* nya tetapi *auditor-auditor* yang kecil-kecil ini, siapa audit mereka? *They are not under MAOB. Who audit them?* Kalau *public listed company*, kita faham bahawa AOB yang melihat laporan mereka, dia ada *board of directors* dan sebagainya.

Jadi saya rasa lebih baik kerajaan melihat dari segi itu. *If it is a small company*, dengan izin, tidak payah audit, tidak payah *company secretary but we must put a threshold* macam di *Singapore* dan di Hong Kong. Saya rasa ini lebih baik kalau kita melihat dari perspektif untuk hendak membantu syarikat-syarikat yang *investment* mereka tidak lebih daripada lima juta, contohnya.

Seperkara lagi, saya setuju sangat dengan fleksibiliti yang diberikan dengan satu lembaga pengarah sahaja, *one director only*. Akan tetapi dari segi kebaikannya itu, dia memberi satu fleksibiliti yang cukup baik. Sekarang ini pun kita takut hendak buka syarikat sendirian berhad ini. Kadang-kadang orang tanya kita, hendak tidak saham. Kadang-kadang kita pun bimbang juga dengan apa yang mereka hendak meniaga ini tetapi kita perlukan dua orang. Kebetulan, contohnya seorang yang tidak mempunyai anak, hanya dengan isterinya sebagai seorang peguam, peguam ini jarang sekali dia hendak jadi lembaga pengarah syarikat.

Jadi dengan akta yang baru ini, saya rasa amat baik sekali tetapi kalau kita tengok seperti mana yang dibawa oleh saudara saya tadi, apa kata rakan-rakan kita yang di luar negara hendak masuk ke Malaysia? *Very simple*.

Apakah kerajaan dalam undang-undang ini *protect the interest* orang-orang yang membeli barang-barang ataupun yang terlibat dengan syarikat ini untuk *protect* mereka? Kerana, ahli lembaga pengarah yang seorang ini dia boleh buat apa sahaja. Dia tidak payah *consult the second shareholders*.

Dan *to the bankers*, bagaimana *bankers* memegang orang-orang ini? Kita juga mesti ingat bahawa *bankers* ini *belongs to the Government of Malaysia*. Jadi bagaimana kita hendak mengambil, hendak memegang mereka-mereka ini dengan hanya satu lembaga pengarah dan mereka ini pula tidak tinggal di sini? Jadi, sebab itu saya katakan tadi dari awal saya tidak baca, jadi saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan dividen. Kita dibenarkan membayar dividen dan dikatakan di sini, saya melihat dalam bahasa Inggerisnya, *requires directors to satisfy themselves that the company be solvent immediately after paying the dividends, and you can call back dividends if something is wrong*, dengan izin. *You can call back dividends*.

Akan tetapi, katalah dalam masa 12 bulan itu, selepas sahaja dividen diberikan, contohnya syarikat saya ada orang berhutang dengan syarikat saya, tiba-tiba syarikat itu bankrap dan saya tak dapat balik hutang itu dan *profit* itu telah ada dan kita telah bagi dividen, macam mana kita nak ambil balik dividen itu daripada pembeli saham tadi? Saya tak nampak jalan yang mana kita dapat mengambil balik dividen-dividen ini. Jadi, saya perlu penjelasan. Dan apakah ada penalti kalau sekiranya kita tak dapat ambil balik dividen itu? Apa yang perlu kita buat? Apakah kerajaan melalui rang undang-undang ini dapat membantu syarikat dari segi itu?

Kemudian, ada juga tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa dengan rang undang-undang ini juga kita dapat membantu kewangan sebuah syarikat itu. Dari segi mana? Bila Yang Berhormat kata dapat membantu kewangan, kalau dah *company* itu dah nak turun dalam sungai contohnya, macam mana kita nak selamatkan dari segi kewangan? Apakah kita akan memberi membantu dari segi kewangan syarikat-syarikat tersebut? Berapa banyak yang kita nak membantu nanti? Sekarang ini pun bila kita bercakap soal bumiputera, nak bantu bumiputera pun tak sampai ke tahap mana, setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya terjumpa dalam ini seksyen 214 kalau tak salah saya, *under business judgment rule*. Dikata di sini "*Makes the business judgment for a proper purpose and in good faith*". Kadang-kadang bila kita kata *good faith* ini, *what is the interpretation for good faith? Good faith* ini terlalu *general* dia punya perkataan itu. Jadi saya pohon Yang Berhormat Menteri dapat *clarify the meaning of good faith* itu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau nak diikutkan, soalan memang banyak dan saya rasa cukuplah setakat itu. Dengan mukadimah saya mengatakan tadi, kalau sekiranya kita nak menipu itu, tak payah ada undang-undang ketat pun. Undang-undang longgar pun kita tipu, undang-undang ketat pun kita tipu. Jadi, sekali lagi saya ucap syabas kepada Yang Berhormat atas keberanian membenteng rang undang-undang ini dan saya memohon untuk menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.49 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya selaku Menteri yang pernah duduk di sini sebagai seorang Ahli Dewan Negara melihat bahawa Dewan ini mempunyai Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu mahir dalam berhujah terutamanya dalam Akta Syarikat. Jadi, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada mereka.

■1650

Keduanya, saya perhatikan ianya agak berbeza, kalau dahulu-dahulu semasa saya menjadi Ahli Dewan Negara, semua usul sudah habis barulah boleh bercakap, bangkit hendak bagi tahniah pada kawan-kawan kita ini, tetapi hari ini dia suruh saya tunggu dengar mereka hendak bercakap pasal tahniah, ini hebatnya Dewan Negara hari ini. Ini menunjukkan silaturahim di kalangan Ahli-ahli Dewan Negara ini begitu tinggi sekali.

Jadi saya hendak ambil kesempatan takut saya lupa kepada Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat yang tadi telah pun memuji banyak sangat kepada saya tadi. Jadi saya hendak juga berpantun kepada Yang Berhormat. Mana dia ini? Saya buat juga tadi, takut terlupa tinggal.

*Burung Mertua terbang tinggi,
Sana sini mencari sarang,
Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah yang banyak berbudi,
Semua budi akan menjadi sayang.*

Tahniah Yang Berhormat. Inilah dia Yang Berhormat Senator, kena tepuk lah semua [*Tepuk*] Dia orang ini tidak biasa tepuk, kalau di Dewan Rakyat itu ada tepuk. Mungkin kerana dia takut dengan misai Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya hendak jawab dahulu tentang rang undang-undang yang telah pun dibahaskan oleh sebelas Ahli Yang Berhormat semuanya. Termasuklah yang mencelah tadi Yang Berhormat Dato' Mohd. Salim, dia jadi dua belas.

Jadi yang membangkit membahaskan rang undang-undang ini dua belas orang saya ucapkan berbilang-bbilang tahniah dan syabas. Saya tunggu sahabat saya Yang Berhormat Datuk Seri Nalla tetapi dia tidak bangun, jadi dia tidak bahas tentang rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua. Saya hairan kenapa hari ini dia tidak bahas.

Daripada latar belakang yang saya telah sebutkan, Akta Syarikat ini memang adalah sesuatu yang bukan mudah untuk kita buat satu Akta Syarikat yang baru, kerana Akta Syarikat yang lama itu sudah dilahirkan selama lima puluh tahun.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, boleh? Dia sebut saya punya nama, saya bangun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Datuk Seri Nalla hendak mencelah.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Okey.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Sebut saya punya nama, mesti saya mahu bangun, kalau tidak bangun tidak baik lah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Nalla, Yang Berhormat Menteri belum *start* menjawab, *you* sudah celah.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Belum, tetapi Yang Berhormat Menteri cakap saya punya nama, nanti saya tidak bangun macam mana?

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Boleh Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Boleh, boleh.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Terima kasih. Saya tidak mahu cakap banyak, sedikit sudah. Ini saya minta Yang Berhormat Menteri satu sudah. Saya taruk satu yayasan, satu yayasan nama Yayasan Perdana Rakyat. Itu nama pun kawan saya yang bagi, tetapi bila taruk itu borang umur anak saya dua puluh tiga. Dia jadi satu Pengarah tetapi dia tidak ada *experience*, sudah tolak balik. Selepas itu, saya *apply* lagi, itu dia orang bikin dia punya kerja.

Tempat sana CEO SSM Dato' Zahrah Abdul Wahab betul-betul dia tolong sama saya bikin ini syarikat, sekarang dia sudah lulus. Saya ini kali terima kasih kepada Dato' Zahrah dan Yang Berhormat Menteri. Ini syarikat Yang Berhormat Menteri nama ini yang dapat Perdana Rakyat adalah siapa yang bagi ini Yang Berhormat Menteri tahu siapa bagi ini? Ini sudah lulus baru saya dengar ini hari lulus, tetapi dia orang fikir dia punya kerja kawan kah tiada kawan Yang Berhormat Menteri sama dia itu...

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Seri Nalla, kalau hendak ucap terima kasih, luar Dewan sahaja lah.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tidak-tidak, dengar Yang Berhormat dengar, dengar dahulu saya belum sampai. Kalau *you* tidak mahu bercakap saya boleh duduk. *You* tidak mahu dengar saya bercakap, saya boleh duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Silakan Yang Berhormat

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: *[Ketawa]* *That's alright*, dia cakap betul, tetapi saya pun cakap itulah. Tidak apa dia panggil saya duduk, tidak apa. Saya belum duduk, saya mahu tahniah Yang Berhormat Menteri dahulu. Menteri ini, saya satu pantun lah saya kasi tahu satu pantun saya duduk lah, puji Yang Berhormat Menteri sedikit lah. Fasal apa hari ini beliau sudah satu jam lebih beliau bercakap. Tadi belum kita pergi untuk setengah hari, beliau satu jam dia bercakap. Saya ingat ini hari dalam sejarah beliau bikin dalam Dewan ini. Dahulu beliau Ahli Dewan Negara, sekarang sudah jadi Yang Berhormat Menteri. Saya baru dengar beliau cakap satu jam, sekarang beliau mahu bercakap berapa jam saya tidak tahu. Tidak apa, satu pantun puji sikitlah, sedikit Yang Berhormat Menteri.

*Orang singgah Kuala Dayak,
Beli durian dalam perahu,
Jikalau sudah emas yang baik,
Tidak payah dipuji orang pun tahu.*

Terima kasihlah Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Asalkan Yang Berhormat Menteri faham lah. Silakan Yang Berhormat Menteri

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, kita ada rakan-rakan ini memang kadang-kadang seronok dalam Dewan kalau ada rakan-rakan yang boleh bergurau seperti Yang Berhormat Datuk Seri Nalla. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua sendiri pun takut dengan Yang Berhormat Datuk Seri Nalla. Hendak suruh dia duduk pun tidak berani *[Ketawa]* Padahal yang lain-lain semua takut dengan Tuan Yang di-Pertua. Saya tanya apa fasal gerun kah Tuan Yang di-Pertua? Dia kata sebab misai itu tebal sangat, tetapi dengan Yang Berhormat Datuk Nalla, Tuan Yang di-Pertua yang takut dengan dia.

Saya hendak kembali kepada rang undang-undang kita. Pertama saya hendak jelaskan kenapa kita hendak ubah menjadikan satu rang undang-undang syarikat yang baru untuk mengganti rang undang-undang yang lama. Pertama, kerana hendak memperkenalkan undang-undang yang lebih moden, dinamik serta responsif bagi komuniti perniagaan. Ini adalah kerana hendak mewujudkan satu persekitaran perniagaan yang kondusif, progresif dan kompetitif selaras trend perniagaan terkini dan penggunaan ICT yang meluas.

Kita juga hendak mempertingkatkan penarafan atau ranking negara sebagai destinasi terpilih dalam menjalankan perniagaan di peringkat Antarabangsa. Contohnya, buat masa ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *is a doing business* dalam dunia hari ini kita di ranking yang ke-18.

Dengan adanya- *insya-Allah* Akta Syarikat atau rang undang-undang syarikat yang baru ini, kita akan *insya-Allah* dapat mempertingkatkan kerana lebih ramai yang menubuhkan syarikat dalam negara kita kerana ianya adalah sesuatu yang boleh memudahkan mereka untuk berdaftar dalam negara

Kedua, kedudukan untuk memulakan sesuatu perniagaan, daripada 189 negara di seluruh dunia, kita di tempat yang ke-14. Maka ini menunjukkan bahawa banyak lagi *indicator* yang boleh kita tingkatkan melalui rang undang-undang syarikat yang baru ini. Maka sebab itu saya ucapkan tahniah dan syabas kerana semua yang ada dalam Dewan ini bukan hanya membahaskan tetapi memberi pandangan dan mengucapkan tahniah, jadi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada mereka yang mengucapkan tahniah kepada SSM dan kementerian. Terima kasih banyak.

Ciri-ciri utama dalam rang undang-undang syarikat ini, pertama objektifnya untuk kita memudahkan permulaan perniagaan dan mengurangkan kos. Ada yang bertanya dengan saya, bagaimana pula mudah dan boleh mengurangkan kos.

■1700

Saya hendak beri satu contoh kalau dahulu sebelum kita hendak menubuhkan sebuah syarikat kita kena ada sekurang-kurangnya RM3,000 atau RM4,000 kerana hendak melantik seorang *company secretary*. Kemudian barulah kita berani sahaja minta supaya dia membantu kita menubuhkan sebuah syarikat. Ini kerana kita kena ada *paid up capital*, kita kena *authorized capital*, ini semua berlaku dalam Akta Syarikat yang dahulu 1965. Akan tetapi yang ini dia berbeza kerana kita dapat beri memudahkan, dia boleh- hanya seorang dia sendiri pun boleh menubuhkan syarikat. Ini adalah salah satu yang saya boleh katakan mengurangkan lagi kos untuk kita menubuhkan syarikat.

Kedua, tentang pemudahcaraan peruntukan pematuhan. Ini adalah sesuatu yang kita sekarang mahu lihat supaya tidak ada lagi masalah tentang penipuan yang berlaku kerana kita hendak memperketat semua itu kerana ada *compliance requirement* yang terpaksa kita tentukan mengikut rang undang-undang yang ada ini. Seperti tidak ada AGM untuk *private company*. Semua ini adalah sesuatu yang kita hendak supaya siapa sahaja yang menubuhkan syarikat mempunyai etika dan mempunyai *compliance* yang agak tinggi daripada setiap individu yang hendak menubuhkan syarikat.

Ketiga, untuk memberikan fleksibiliti kepada syarikat dalam pentadbiran urusan syarikat. Ini seperti yang banyak Yang Berhormat bangkitkan tentang tidak perlu adanya M&A. Ini adalah sesuatu yang *flexible*, bukan bermakna tidak ada tidak perlu M&A. Dia terpulang kepada sesiapa sama ada hendak adakan M&A ataupun tidak tetapi tidak semestinya. Kalau yang dahulu kita mesti ada M&A, objektif untuk sesiapa menubuhkan syarikat mesti ada tetapi kali ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *with unlimited capacity*, sesiapa sahaja boleh menjalan sesuatu perniagaan asalkan dia telah menubuhkan syarikat.

Jadi M&A hanya perlu apabila dua atau tiga atau empat lembaga pengarah mengatakan bahawa kita hendak adakan perlembagaan ataupun *constitution of the company*, maka sebab itu kita hendak adakan M&A supaya tidak tertipu di kalangan kita. Kalau dia seseorang, dia tidak payah pun apa oleh kerana dia sendiri sudah pun ada M&A tersebut.

Keempatnya, untuk menambah baik sistem kawalan dalaman tadbir urus korporat dan tanggungjawab korporat. Ini adalah merupakan satu lagi penambahan ciri-ciri utama yang kita hendak dalam rang undang-undang syarikat ini. Saya namakan seperti *corporate responsibility* yang ada. Kita kena faham bukan hanya *corporate social responsibility* dari segi sosial, dari segi ekonominya tetapi juga dari segi kedudukan *environment*. Itu pun menyentuh supaya apa pun kita buat ini adalah sesuatu yang menjadikan masa depan negara bertambah baik dan akan diterima oleh semua orang dan mengakui supaya kedudukan *ranking* negara dalam *in doing business* itu akan menjadi sesuatu yang lebih tinggi. Itu adalah matlamat yang menyebabkan kita menentukan segala ciri-ciri utama dalam rang undang-undang ini kita buat mengambil masa begitu panjang sekali.

Jadi saya ingin menjawab banyak persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan oleh ramai Yang Berhormat rakan-rakan saya yang ada dalam Dewan ini.

Pertama, yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman. Kriteria tentang mengenai nama. Apakah kriteria nama tidak boleh diterima seperti dalam fasal 26 rang undang-undang ini. Saya hendak jelaskan bahawa kriteria berhubung nama jelas dalam rang undang-undang itu ia tidak wajar akan dinyatakan dalam rang undang-undang ini, ada tercatat ia mesti digazet atau diwartakan sebagaimana amalan sedia ada mana-mana nama mesti digazet warganya dalam fasal 26 itu.

Saya hendak bagi contoh nama-nama yang membayangkan ahli keluarga Diraja sebagai contoh. Jadi kita tidak bolehlah tubuh nama syarikat Duli Yang Maha Mulia Sultan, itu tidak boleh tetapi kalau nama dia syarikat Shukor Sultan boleh. Itu ada perbezaan. Jadi sebab itu asalkan ia tidak diwartakan, tidak boleh, maka tidak boleh tapi kalau dia hendak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, so perkataan sultan boleh pakai?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terpulang, macam saya bagi contoh kalau dia kata syarikat nama syarikat Sultan Sendirian Berhad, itu kita tidak bagi tetapi kalau nama dia Shukor bin Sultan itu boleh sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Itu kalau nama asal dia itulah.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Nama asal dia Sultan. Jadi itu contoh ataupun...

Tuan Yang di-Pertua: Saya takut Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nalla pergi buat lagi satu syarikat.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Dia memang hendak jadi sultan, Raja dia.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Kedua, macam nama-nama yang kita semua tahu macam ASEAN Sendirian Berhad, tidak boleh kita benarkan, UNESCO tapi kalau Nalla itu boleh. Kalau NATO tidak boleh, ada beza.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri kalau hendak habis cepat tolong jangan cakap nama Datuk Nalla...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Saya ingat tidak habis... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: ...Nanti dia akan bangun balik.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklumkan saya rasa tidak boleh hendak habis mungkin apakah kita habis 5.30 ataupun melebihi 5.30 itu yang saya hendak tanya. Kalau rasa hendak habis 5.30, saya boleh kata sampai 5.30 nanti yang lain saya jawab secara bertulis. Itu terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua ataupun hendak sambung pada hari Selasa pun saya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri baru pukul 5.07, kita ada masa lagi.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Oh! Ini banyak. Okey, itu terpulang kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak lagi kan, banyak ?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Banyak 11.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab kita ada, saya ingat kita boleh bersidang sampai 5.45.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Okey, *alright*. Jadi saya habiskan untuk hari ini kerana kalau boleh saya hendak habiskan hari ini.

Kedua, nama-nama yang berkaitan dengan sesuatu parti politik, pertubuhan atau kesatuan sahaja. Seperti kata UMNO Sendirian Berhad kita ada wartakan, tidak boleh. Kalau dia namakan MUIP Sendirian Berhad sebagai contoh. *Malaysian United Indian Party* sebagai contoh tidak boleh. Jadi itulah jawapan saya kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman tadi. Yang Berhormat Senator...

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Boleh mencelah, boleh?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Ya.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, pendek sahaja. Nama-nama yang tidak boleh digunakan ini akan digazet kah ataupun terpulang kepada pendaftar pada masa itu ataupun Menteri pada masa itu? Adakah ia digazet untuk selama-lamanya kita tidak boleh guna perkataan ASEAN, perkataan Malaysia misalnya ataupun perkataan Diraja? Adakah ia akan digazetkan supaya orang yang menubuhkan syarikat ini tahu apa nama yang dia tidak boleh guna? Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua ini soalan yang baik. Saya sudah sebut dalam rang undang-undang ini dalam *clause* 26 itu tercatat bahawa nama-nama itu akan diwartakan, yang tidak boleh digunakan.

Kemudian, Yang Berhormat Senator Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib ada mempersoalkan pertama isu pelantikan pengarah bersekutu. Dalam akta syarikat mentakrifkan pengarah tidak kira sesiapa, mana-mana orang yang memegang jawatan walau apa pun gelaran yang dipakai.

■1710

Itu adalah merupakan pengarah. Sekiranya pengarah bersekutu dilantik untuk menjawat jawatan pengarah, maka semua kuasa obligasi dan peruntukan di bawah akta adalah terpakai. Jadi, ia kena mengikut rang undang-undang yang ada kalau dia dilantik sebagai pengarah walaupun dia merupakan pengarah bersekutu, syarikat yang bersekutu.

Ada soalan yang menanyakan sama ada Persatuan Peguambela Sabah dan Sarawak, adakah perbezaan undang-undang untuk pertubuhan ini. Saya hendak jelaskan bahawa tiada perbezaan Persatuan Peguambela Sabah dan Sarawak, adalah badan yang dikecualikan di bawah fasal 235(2) yang mana ahlinya boleh bertindak sebagai setiausaha syarikat.

Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff ada bertanyakan tentang fasal 123 hingga fasal 125 tentang pengecualian *strict provision* dalam Akta Syarikat 1965. Dia memohon menjelaskan bagaimana SSM menetapkan mekanisme supaya bantuan kewangan *whitewash* boleh melindungi pemegang saham minoriti, unsur bantuan kewangan secara langsung dan juga tidak langsung. Saya hendak jelaskan bahawa fasal 123 dan 125 merupakan peruntukan asal di bawah Akta Syarikat 1965 iaitu di bawah seksyen 67A. Jadi, parameter pengecualian yang dikekalkan, kita kekalkan sebagaimana yang terkandung di bawah subseksyen 67A(2) yang dahulu.

Namun begitu, di bawah rang undang-undang yang baru ini, sesebuah syarikat hanya boleh memberikan bantuan kewangan bagi tujuan pembelian syer di dalam syarikat tersebut dengan tidak melebihi 10 peratus daripada *shareholders fund*. Itu kita benarkan dan ini peruntukan yang membolehkan syarikat untuk memberikan bantuan kewangan ini hanya dibolehkan kepada syarikat yang tidak disenaraikan di Bursa Saham. Itu maksud saya. Jadi terjawablah juga apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi tadi.

Keempatnya, Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff ada mempersoalkan tentang mengapa Rang Undang-undang Syarikat ini dinamakan sebagai Rang Undang-undang Syarikat 2015. Saya hendak jelaskan, sebenarnya kita mula-mula bawa rang undang-undang ini pada tahun 2015. Ketika itu bacaan pertama pada 19 November 2015 dan kemudiannya bacaan kedua dan bacaan ketiga disambung pada tahun ini sehinggalah ke hari ini. Apabila diluluskan nanti, *insya-Allah* rang undang-undang ini akan dikenali sebagai Akta Syarikat 2016.

Maka sebab itu pada asalnya kita 2015 tetapi oleh kerana hari ini *insya-Allah* Dewan Negara meluluskan, nanti rang undang-undang ini akan kita tukarkan kepada Rang Undang-undang Akta Syarikat 2016. Maka Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah boleh juga mengatakan “*Saya salah seorang yang meluluskannya...*” kerana tahun 2016.

Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff bertanya fasal 9 yang memerlukan perkongsian atau minimum dua ahli. Kenapa peruntukan ini perlu? Adakah soal keyakinan kepada rakan? Rang Undang-undang Syarikat ini saya hendak jelaskan, ia memperkenalkan konsep yang baru yang kita namakan *one shareholder one director* untuk memudahkan sesiapa sahaja usahawan-usahawan yang baru, yang tidak mengenali sesiapa walaupun dia hendak berdekatan, hendak dekat dengan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan tetapi dia takut. Jadi dia masih lagi hendak menubuhkan. Jadi kita berikan peluang dia menubuhkan syarikat secara bersendirian tanpa perlu rakan-rakan kongsi yang lain.

Namun perlu diingatkan bahawa mana-mana orang yang mendaftarkan atau menubuhkan syarikat perlu patuh kepada keseluruhan akta ini. Ini tidak kira sama ada dia seorang, dua orang, tiga orang, asalkan dia menubuhkan, dia kena ikut rang undang-undang ini. Ramai yang mungkin tidak faham, dia boleh tubuhkan dahulu. Kemudian dalam masa 30 hari, dia mesti mencari seorang *company secretary* untuk menjadi *company secretary*. Dia mesti lantik *company secretary* dalam masa 30 hari selepas dia tubuhkan.

Ketidakperluan AGM yang telah pun dipersoalkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff. Ketidakperluan AGM ialah hanya terpakai terhadap syarikat persendirian yang kebanyakannya pengarah dan pemegang saham merupakan orang yang sama, *private exempt company*. Selalunya dia yang sama. Bagi memastikan *control* dalam keadaan syarikat persendirian yang mana *control* dan *ownership* adalah berbeza, mana-mana pemegang saham yang mempunyai sekurang-kurangnya 5 peratus pegangan saham, boleh meminta pengarah mengadakan AGM jika dirasakan perlu. Ini jawapan yang sama yang akan saya berikan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Shuhaimi.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh bertanya tiada keperluan untuk M&A dalam Rang Undang-undang Syarikat oleh itu objek klausa tiada bagaimana M&A yang sedia ada wujud dalam syarikat. Apakah perlu *review* dan buat M&A baru, *constitution* yang baru ataupun ada transisi bila rang undang-undang diluluskan? Saya hendak jelaskan, Rang Undang-undang Syarikat ini mengiktiraf syarikat-syarikat yang sedia ada, yang mempunyai M&A. M&A akan terus terpakai dan mengikat syarikat, begitu juga pemegang saham dan pengarah syarikat sehingga syarikat itu sendiri memutuskan untuk membuat resolusi yang baru, meminda M&A ataupun membuat keputusan untuk tidak lagi mempunyai M&A. Itu terpulang apabila kita sudah siap waktunya nanti terpulang kepada ahli lembaga untuk membuat resolusi yang baru.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh tanya tentang *annual return* jika ada satu pengarah, beliau akan tandatangan. Bagaimana dengan pengarah yang ramai? Tentang penyata tahunan, boleh ditandatangani oleh mana-mana pengarah atau setiausaha syarikat. Jadi terpulang. Ini merupakan amalan yang sedia ada dan kita gunakan seperti sedia ada.

Tentang ada peruntukan untuk kawal selia syarikat asing menjalankan perniagaan *online* seperti *Agoda.com* dan sebagainya. Secara amnya, syarikat asing yang tidak didaftarkan sebagai syarikat asing di Malaysia adalah di luar bidang kuasa SSM. Walau bagaimanapun, SSM sentiasa komited, kita akan memantau aktiviti-aktiviti syarikat tersebut termasuk aktiviti perniagaan *online* kalau mereka didapati mencurigakan. Statistik pemantauan yang kita buat setakat ini, tahun lepas, 2,744 laman web telah pun disemak, tahun 2014 sebanyak 4,112 laman web telah pun disemak.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh bertanya bagaimana SSM hendak memastikan syarikat tidak disalahgunakan. SSM sentiasa cuba untuk memastikan syarikat atau mana-mana pengarah tidak mengguna atau salah gunakan.

Melalui Jawatankuasa Jenayah, kita bersama dengan PDRM, Bank Negara Malaysia, SPRM, kita akan bekerjasama untuk mengambil tindakan untuk hendak menentukan tidak ada syarikat-syarikat yang menyalahgunakan undang-undang dalam negara kita.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal ada tanya tentang *no par value*. Tempoh peralihan yang diberikan di bawah Rang Undang-undang Syarikat adalah 24 bulan selepas rang undang-undang dikuatkuasakan untuk syarikat menggunakan amaun yang ada dalam *share premium account* dan *capital redemption reserve* bagi tujuan-tujuan tertentu seperti isu pembayaran bonus. Sebaik sahaja akta ini dikuatkuasakan, syer hendaklah dikumpulkan tanpa nilai *par*.

■1720

Dato' Jaspal juga ada tanya tentang pengarah, apabila isytihar syarikat *solvent* dan boleh mendapat dividen. Bagaimana pula bonus atau *benefit* kepada pengarah-pengarah? Ini sama dengan apa yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Datuk Suhaimi. Rang undang-undang ini membolehkan syarikat untuk menuntut semua, apa-apa dividen yang dibayar, yang tidak mematuhi peruntukan undang-undang. Pembayaran bonus dalam *benefits* kepada pengarah perlu mendapat kelulusan oleh syarikat. *Members Resolution, clause 230* yang kita jelaskan. Kedua-dua peruntukan merupakan peruntukan yang memastikan bahawa modal atau keuntungan syarikat digunakan untuk kebaikan syarikat yang pada masa yang sama boleh melindungi juga kepentingan pemiutang. Itu kita jelaskan.

Datuk Hajah Mariany tanya tatacara pelantikan juruaudit dan pemecatan sebelum tamat tempoh. Pemecatan juruaudit perlu mematuhi peruntukan kuasa 277 yang hendak dibuat melalui notis dengan kelulusan *special* resolusi. Ahli syarikat dan juga juruaudit hendaklah diberi peluang membuat *representation in writing*, mengapa beliau tidak harus dipecat. Itu terpulung dan dia boleh. Di bawah *clause 278*, sekiranya resolusi pemecatan tersebut diluluskan, notis tentang pemecatan tersebut perlu diserahkan kepada pendaftar syarikat. Apabila berlakunya kekosongan, juruaudit dalam syarikat yang kekosongan ini perlu diisi oleh pengarah dengan melantik juruaudit yang baru. *Clause 273*, jika syarikat gagal melantik juruaudit, Pendaftar boleh melantik juruaudit atau permohonan ahli syarikat secara bertulis.

Yang Berhormat Dato' Seri Boon Soong ada tanya tentang isu penipuan *forex* dan sebagainya. Saya hendak jelaskan sekali lagi bahawa SSM sentiasa komited dalam memastikan syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah akta ini nanti tidak menyalahgunakan dan tidak salah guna untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang negara, termasuk juga pengubahan wang haram dan pembiayaan aktiviti keganasan.

Kelapan, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra, tanya mengapa sasaran untuk mencapai 30 peratus wanita sebagai pengarah syarikat? Pada 2014, wanita hanya 16 peratus menduduki lembaga pengarah syarikat di Malaysia. Pertama, saya hendak beritahu bahawa ini adalah Rang Undang-undang Syarikat. Bila kita kata Rang Undang-undang Syarikat, tidak adapun ayat dalam itu mengatakan lelaki, perempuan atau wanita, tidak ada. Ia tidak ada *gender*. Itu kita kena pasti. Jadi, pelantikan pengarah adalah tertakluk kepada pemegang saham. Dia hendak lantik semua wanita pun boleh, dia hendak lantik 30 peratus pun boleh. Itu terpulung. Akta ini tidak mengenal jantina. Kalaupun hendak polisi ini dipertingkatkan, bukan melalui Akta Syarikat tetapi melalui polisi-polisi lain yang ada di bawah kementerian-kementerian lain dalam kerajaan hari ini.

Kesembilan, Datuk Hajah Noriah binti Mahat tentang pendidikan, peruntukan baru, perlu ada program, kajian yang lebih terperinci untuk pertubuhan undang-undang. Saya ucapkan terima kasih banyak atas nasihat, memang itulah yang kita buat selama ini. Oleh sebab itu saya telah jelaskan daripada mula lagi, selama tiga tahun kita hendak membahaskan dan membawa rang undang-undang di sini. Banyak seminar dan kursus dan *engagement* yang kita buat.

Insyah-Allah, kita juga akan cuba untuk membawa ramai lagi menganjurkan seminar yang boleh dihadiri oleh pengarah-pengarah syarikat, pegawai-pegawai syarikat dan setiausaha-setiausaha syarikat pada masa-masa akan datang, *insyah-Allah*. Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam bertanya tentang perniagaan emas, penipuan termasuk skim perniagaan emas.

Saya sudah jelaskan sama macam yang saya jelaskan sebelum ini bahawa melalui Jawatankuasa Jenayah Kolar Putih, SSM akan bekerjasama dengan Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti, PDRM, Lembaga Hasil Dalam Negeri, SPRM akan- mereka semua ini akan bergabung untuk mengambil tindakan tentang penguatkuasaan yang ada mengikut undang-undang yang boleh kita gabungkan.

Sekarang ini banyak polisi dalam kerajaan ini. Kita gunakan *National Blue Ocean Strategy* untuk menentukan apa sahaja yang kita buat itu adalah sesuatu yang boleh bekerjasama, tidak *silo* lagi. Maka, itulah yang kita buat setakat ini, *insya-Allah* tidak ada perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Tan Sri tadi yang boleh menyebabkan kerugian kepada rakyat dan juga negara khususnya.

Yang Berhormat Senator Tan Sri juga ada tanyakan tentang sering kali terdapat syarikat yang menggunakan nama campuran BM dan BI. Apakah SSM menerima nama syarikat sebegini? Buat setakat ini SSM menerima nama syarikat yang menggunakan campuran bahasa Inggeris dan kebangsaan dengan syarat laras bahasa yang betul digunakan. Jadi, walaupun ia ada campur tetapi maksudnya itu jelas, kita benarkan. Apakah dasar kerajaan dan fleksibiliti terhadap perjanjian dalam bahasa Inggeris?

Jadi, SSM bagaimana? Ini bukan hanya SSM tetapi keseluruhan dalam negara kita ini, kerajaan menerima akan polisi untuk sesuatu perjanjian itu dibuat dalam bahasa kebangsaan dan juga bahasa Inggeris. Jadi, kedua-duanya boleh diguna pakai. Tuan Yang di-Pertua, itulah yang ingin saya jawab kepada semua. Maka, saya rasa kalau ada lagi yang belum terjawab, tolong beritahu dengan saya, *insya-Allah* akan saya jawab secara bertulis selepas ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 620 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual 1 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG SKIM KEPENTINGAN (2015)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sudah cukup masa. Saya mencadangkan ada satu lagi rang undang-undang daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Pengguna yang akan dibahas pada hari Selasa dan Yang Berhormat Menteri bersetuju untuk datang ke Dewan yang mulia ini. Oleh kerana itu, maka saya tangguhkan Mesyuarat Dewan pada hari ini.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.]